

**ANALISIS LARAS BAHASA KESIHATAN DALAM
AKHBAR ATAS TALIAN AL-JAZEERA**

NOOR SHAHIDA BINTI WAHAB

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**ANALISIS LARAS BAHASA KESIHATAN DALAM AKHBAR ATAS
TALIAN AL-JAZEERA**

NOOR SHAHIDA BINTI WAHAB

**DISERTASI DISERAHKAN UNTUK
MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH SARJANA LINGUISTIK**

**FAKULTI BAHASA DAN LINGUISTIK
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Noor Shahida Binti Wahab

No. Pendaftaran/Matrik: TGC 130008

Nama Ijazah: Sarjana Linguistik

Tajuk Kertas ~~Projek/Laporan Penyelidikan~~/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”) :

ANALISIS LARAS BAHASA KESIHATAN
DALAM AKHBAR ATAS TALIAN AL-JAZEERA

Bidang Penyelidikan : SOSIOLINGUISTIK

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh: 29 DISEMBER 2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh: 29 DISEMBER 2016

Nama: DR. MAT TAIB BIN PA

Jawatan: PENYELIA

ABSTRAK

Kajian laras bahasa kesihatan di dalam akhbar al-Jazeera.net merupakan satu contoh kajian dalam bidang sosiolinguistik. Terkandung di dalamnya istilah-istilah khusus yang seringkali digunakan dalam penulisannya di samping banyak menyerap kata pinjaman daripada bahasa lain yang telah disesuaikan dengan bahasa yang meminjam. Kajian ini bertujuan mengenalpasti istilah-istilah khusus laras bahasa kesihatan yang digunakan dalam akhbar dan menentukan kekerapannya. Ia juga bertujuan menerangkan istilah-istilah kata pinjaman yang terdapat di dalamnya serta membuat analisis morfo-fonologi terhadap kata pinjaman tersebut.

Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan 15 artikel berita kesihatan daripada akhbar al-Jazeera.net secara atas talian. Pemilihan berita adalah berkaitan penyakit kanser yang diambil daripada sumber arkib selama sebulan iaitu MEI 2015. Teori Leech & Short (1981) dijadikan kerangka teori kajian dan disokong oleh pendekatan S. Nathesan (1995). Dapatan kajian dibincangkan secara deskriptif dan dipersembahkan dalam bentuk jadual dan carta pai. Hasil kajian mendapati bahawa laras bahasa kesihatan sememangnya mempunyai istilah-istilah khusus yang digunakan di dalam penulisan artikel kesihatan di samping penggunaan istilah-istilah yang berkaitan langsung dengannya melibatkan istilah kata pinjaman daripada bahasa lain. Berlaku beberapa perubahan-perubahan oleh bahasa Arab bagi menyesuaikan pola sebutan kata pinjaman mengikut huruf dan kaedah bahasa Arab.

ABSTRACT

A research of health's register in al-Jazeera.net newspaper is an example of research in the field of sociolinguistics. It contains specific terms that are often used in the writings as well as a large number of borrowings from other languages that have been adapted to the language borrowed. This study aimed at identifying the specific terms of health grammar used in the paper and determine its frequency. It also seeks to explain the loan terms contained in it and make the analysis of morpho-phonology to explain the changes involved.

This qualitative research involved 15 health news articles from newspaper al-Jazeera.net on-line. The election of the news related with cancer is drawn from archival sources during the month of May 2015. Theory of Leech & Short (1981) were used as the theoretical framework and research approach supported by S. Nathesan (1995). The findings were discussed descriptively and presented in tables and pie charts. The study found that the language certainly has a health specific terms used in writing health articles as well as the use of terms that are directly related to it including the loanwords. A few morphological and phonological changes happened when Arabic language adapted the loanwords.

DEDIKASI

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Setinggi-tinggi puji dan syukur selayaknya hanya untuk Allah S.W.T. Tuhan Semesta Alam, di atas limpahan rahmat-Nya berupa kekuatan mental dan fizikal, kesabaran dan ketabahan kepada penulis bagi menyiapkan disertasi ini.

Penghargaan seterusnya ditujukan kepada Dekan Fakulti Bahasa dan Linguistik, Prof Dr. Stefanie Shamila Pillai dan staf-staf pejabat Ijazah Tinggi Fakulti Bahasa dan Linguistik yang berterusan membantu mempermudah urusan penulisan disertasi ini. Terima kasih di atas bantuan yang dihulurkan selama ini.

Sesungguhnya tiada kejayaan seseorang pelajar jika tiada dorongan dan tunjuk ajar daripada pendidiknya. Penulis ingin menzahirkan ucapan terima kasih tak terhingga buat seluruh pendidik di Jabatan Bahasa Arab FBL umumnya dan yang dihormati Dr. Mat Taib Bin Pa khususnya, selaku penyelia disertasi ini. Tunjuk ajar kalian semua benar-benar mematangkan penulis untuk menyelesaikan disertasi ini. Hanya Allah S.W.T. selayak-layak pemberi ganjaran di atas setiap titis curahan ilmu selama ini. Terima kasih ustaz!

Semestinya penghargaan tiada sempadan ditujukan kepada ayahanda, En. Wahab bin Hassan dan bonda, Pn. Rahmah binti Yon yang amat dicintai, di samping seluruh ahli keluarga besar penulis. Kalian adalah tulang belakang yang meniup semangat dan

nenyumbang kekuatan selama penulis menyelesaikan pengajian sarjana ini. Doa yang dipohon tanpa jemu disertai restu daripada kalian sememangnya tonik terbaik buat penulis selama ini. Buat abang-abang, kakak-kakak, abang-abang ipar, kakak-kakak ipar, adik-adik dan anak-anak buah seluruhnya, terima kasih atas sokongan dan doa!

Tidak dilupakan juga buat pensyarah-pensyarah, rakan-rakan dan kenalan yang banyak memberi semangat dan idea, pustakawan di Perpustakaan Utama Universiti Malaya umumnya, dan pustakawan di Perpustakaan Bahasa Universiti Malaya khususnya, Datin Adlina Norliz Razali, Haji Jamel dan En. Hairi yang banyak memudahkan urusan penulis selama ini. Terima kasih kerana tidak jemu membantu penulis. Kalian senantiasanya dalam ingatan penulis!

Noor Shahida binti Wahab
Kampung Apil,
Kuala Nerang,
Kedah.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
DEDIKASI	vi
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN KATA	xiii
JADUAL PEDOMAN TRANSLITERASI	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.0 Pengenalan	1
1.1 Latar Belakang	2
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Batasan Kajian	8
1.7 Rangka Kajian	10
1.8 Kesimpulan	11
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.0 Pendahuluan	12
2.1 Sociolinguistik	12
2.2 Laras Bahasa	13
	viii

2.3 Laras Bahasa Kesehatan	16
2.4 Konsep Istilah Kesehatan	17
2.5 Teori Laras Bahasa Leech & Short (1981)	25
2.6 Peminjaman Kata Bahasa Arab	26
2.7 Al-Jazeera.Net	30
2.8 Tinjauan Kajian Berkaitan	31
2.9 Kesimpulan	34

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan	35
3.1 Reka Bentuk Kajian	35
3.2 Data Kajian	38
3.3 Sumber Data	39
3.4 Proses Pengumpulan Data	39
3.5 Proses Penganalisan Data	42
3.6 Kesimpulan	45

BAB 4 ANALISIS DATA

4.0 Pendahuluan	46
4.1 Analisis Istilah Laras Bahasa Kesehatan Berkaitan Kanser	47
4.1.1 Analisis Istilah Kata Nama	48
a) Berbentuk Khusus	54
b) Berkaitan Secara Langsung	59
4.1.2 Analisis Istilah Kata Kerja	63
a) Berbentuk Khusus	64
b) Berkaitan Secara Langsung	66
4.1.3 Analisis Istilah Frasa	69
a) Berbentuk Khusus	71

b) Berkaitan Secara Langsung	75
4.1.4 Kesimpulan	78
4.2 Analisis Istilah Berbentuk Kata Pinjaman dalam Laras Bahasa Kesehatan	81
4.2.1 Analisis Asal Usul	81
4.2.2 Analisis Kekerapan Kata Pinjaman dalam Laras Bahasa Kesehatan	89
4.2.3 Ulasan	91
4.2.4 Kesimpulan	95
4.3 Analisis Morfo-fonologi Istilah Berbentuk Kata Pinjaman	96
4.3.1 Analisis Terperinci Morfo-fonologi Kata Pinjaman	96
4.3.2 Bentuk Perubahan Morfo-fonologi	120
4.3.2.1 Penggantian Bunyi	120
a) Penggantian Bunyi Konsonan	120
b) Penggantian Bunyi Vokal	121
4.3.2.2 Penyisipan Bunyi	122
4.3.2.3 Pemisahan Gugusan Konsonan	122
4.3.2.4 Penambahan Bunyi	123
4.3.2.5 Pemanjangan Bunyi Vokal	123
4.3.3 Kesimpulan	124
BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.0 Pendahuluan	125
5.1 Rumusan	125
5.2 Cadangan	128
RUJUKAN	129
LAMPIRAN	133

SENARAI JADUAL

- 4.1** Senarai Istilah Kata Nama
- 4.2** Senarai Istilah Kata Nama Berbentuk Khusus
- 4.3** Senarai Istilah Kata Nama Berkaitan Secara Langsung
- 4.4** Senarai Istilah Kata Kerja
- 4.5** Senarai Istilah Kata Kerja Berbentuk Khusus
- 4.6** Senarai Istilah Kata Kerja Berkaitan Secara Langsung
- 4.7** Senarai Istilah Frasa
- 4.8** Senarai Istilah Frasa Berbentuk Khusus
- 4.9** Senarai Istilah Frasa Berkaitan Secara Langsung
- 4.10** Rumusan Dapatan Istilah Mengikut Kategori Kata
- 4.11** Senarai Istilah Berbentuk Kata Pinjaman
- 4.12** Asal-Usul Kata Pinjaman
- 4.13** Penggantian Bunyi Konsonan
- 4.14** Penggantian Bunyi Vokal
- 4.15** Penyisipan Bunyi
- 4.16** Pemisahan Gugusan Konsonan
- 4.17** Penambahan Bunyi
- 4.18** Pemanjangan Bunyi Vokal

SENARAI RAJAH

- 2.1** Pembahagian Variasi Bahasa Mengikut Pengguna Dan Penggunaan
- 2.2** Konsep Kesihatan Oleh Dubos (1968)
- 3.1** Kerangka Konseptual Kajian
- 3.2** Proses Pengumpulan Data
- 3.3** Proses Penganalisan Data
- 4.1** Kekerapan Kata pinjaman

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN KATA

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MAKNA	Majlis Kanser Negara
WHO	World Health Organization
DNA	<i>Deoxyribonucleic Acid</i>
ISV	<i>International Scientific Vocabulary</i>
LDL	<i>Low-Density Lipoprotien</i>

University of Malaya

JADUAL PEDOMAN TRANSLITERASI

Jadual ini disusun dengan merujuk kepada Pedoman Transliterasi Perkataan Arab Ke Ejaan Rumi Edisi Kedua (2008) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Senarai jadual transliterasi tersebut adalah seperti berikut :

a) Huruf Konsonan

Bil.	Lambang Huruf Arab	Nama Huruf	Transliterasi	Simbol IPA
1.	ا	Alif	-	a
2.	ب	Bā'	b	b
3.	ت	Tā'	t	t
4.	ث	Thā'	th	θ
5.	ج	Jim	j	dʒ
6.	ح	Hā'	ḥ	ħ
7.	خ	Khā'	kh	χ
8.	د	Dal	d	d
9.	ذ	Dhal	dh	ð
10.	ر	Rā'	r	r
11.	ز	Zāy	z	z
12.	س	Sin	s	s
13.	ش	Syin	sh	ʃ
14.	ص	Sād	ṣ	s ^ʕ
15.	ض	Dād	ḍ	d ^ʕ
16.	ط	Tā'	ṭ	t ^ʕ
17.	ظ	Zā'	ẓ	ð ^ʕ
18.	ع	'Ayn	‘	ʕ
19.	غ	Ghayn	gh	ɣ / ʁ
20.	ف	Fā'	f	f
21.	ق	Qāf	q	q
22.	ك	Kāf	k	k

23.	ل	Lām	l	l
24.	م	Mim	m	m
25.	ن	Nun	n	n
26.	و	Wāw	w	w
27.	ه	Hā'	h	h
28.	ء	Hamzah	ʾ	ʔ
29.	ي	Yā'	y	j
30.	ة	Tā' Marbūtaṭ	ah*	h

* ditransliterasikan sebagai 'at' dalam konteks gabungan dua perkataan.

b) Huruf Vokal Pendek

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Simbol IPA
1.	اَ	a	a
2.	اِ	i	i
3.	اُ	u	u

c) Huruf Vokal Panjang

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Simbol IPA
1.	آَ	ā	a:
2.	آِ	ī	i:
3.	آُ	ū	u:

d) Diftong

Bil.	Lambang Huruf	Transliterasi	Simbol IPA
1.	آَو	aw	aw
2.	آِي	ay	aj

e) Tashdid

Apabila sesuatu huruf Arab disyaddahkan (tashdid), gandaan huruf dalam transliterasi digunakan. Contohnya huruf \ddot{y} dalam perkataan 'العربي' ditulis [al-'arabiyy].

University of Malaya

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.0 Pengenalan

Bahasa sebagai satu alat komunikasi diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain. Bahasa merupakan alat komunikasi yang kebiasaannya dimiliki oleh setiap kumpulan masyarakat tidak kira sama ada kumpulan yang kecil mahu pun kumpulan besar. Sesuatu bahasa dalam sesebuah masyarakat semestinya berbeza jika dibandingkan dengan bahasa masyarakat lain. Ia mempunyai struktur tatabahasa yang tersendiri sebagai satu sistem bahasanya.

Walau bagaimana pun, bahasa tidak dapat lari daripada mengalami perubahan seiring peredaran masa. Perubahan pada sistem ejaan, bunyi dan struktur morfologi sememangnya sering berlaku. Hal ini termasuklah aspek makna leksikal sedia ada mahu pun leksikal baru yang diserap masuk ke dalam sesuatu bahasa. Proses menyerap masuk leksikal baru ini dinamakan proses peminjaman kata daripada bahasa asing bertujuan memenuhi kelopongan makna bagi bahasa yang meminjam.

Proses perkembangan bahasa misalnya melalui proses peminjaman kata tidak hanya berlaku terhadap sesuatu bahasa yang kecil sahaja. Ia malah turut berlaku terhadap bahasa-bahasa utuh yang telah lama wujud seperti bahasa Inggeris. Hal ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya kepesatan kemajuan bidang sains dan teknologi, penjajahan dan penaklukan malah juga

penyebaran budaya serta agama sesuatu bangsa. Sejarah membuktikan penyebaran bahasa Inggeris telah berlaku di hampir keseluruhan negara yang pernah dijajah oleh kerajaan British contohnya.

Kemajuan dan kepesatan teknologi serba canggih hari ini menuntut kepada terjadinya proses penyerapan masuk istilah-istilah baru sebagai kata pinjaman ke dalam bahasa lain. Bahasa Arab tidak terkecuali daripada situasi ini. Bidang-bidang penting seperti sains kesihatan merupakan antara bidang yang banyak dipengaruhi oleh kepesatan teknologi hari ini. Pengetahuan asas bidang sains kesihatan sememangnya menjadi keperluan dalam hidup setiap anggota masyarakat. Ia merupakan hal sejagat dan global terhadap semua. Justeru, ia menuntut setiap kumpulan masyarakat melengkapi alat komunikasi masing-masing agar difahami seluruh anggota masyarakatnya.

Namun begitu, tidak semua pengetahuan penting dalam bidang ini dapat difahami oleh pembacanya secara langsung. Keadaan ini disebabkan oleh penggunaan istilah-istilah tertentu yang terdapat padanya. Ia memberikan gambaran mengenai kewujudan beberapa ciri khusus dalam penulisan sesuatu laras bahasa.

1.1 Latar Belakang

Laras bahasa merupakan satu bidang kajian di bawah cabang ilmu sociolinguistik, iaitu bidang khusus yang mengkaji bahasa dan penggunaannya.

Menurut Hudson (1980, dalam S.Nathesan, 1995), dalam ilmu sosiolinguistik, ragam bahasa mengikut penggunaan diistilahkan sebagai *register* atau laras.

Bidang laras bahasa ini dipelopori oleh beberapa sarjana linguistik antaranya ialah Straumann (1935) yang mengkaji bahasa dalam bidang keusahawanan, diikuti oleh Savory (1967) yang telah mengkaji bahasa sains. Namun begitu, mereka tidak menggunakan istilah laras, akan tetapi mereka meneliti penggunaan bahasa dalam bidang tersebut menggunakan kaedah analisis linguistik. (S. Nathesan, 1995:1).

Laras bahasa dalam bahasa Arab disebut '*uslūb*' (أسلوب) dan '*namaṭ*' (نمط). Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006:1162), perkataan '*uslūb*' (أسلوب) bermaksud cara, gaya atau stail penulisan selain perkataan "*namaṭ*" yang juga memberi erti hampir serupa, iaitu cara atau jalan (2006 : 2440). Kedua-dua perkataan ini digunakan bagi menerangkan laras bahasa dalam bahasa Arab.

1.2 Pernyataan Masalah

Kepesatan teknologi masa kini memperlihatkan peri pentingnya penguasaan dan pemahaman sesuatu ilmu dan teknologi baru dalam apa jua bidang. Bidang kesihatan tidak terkecuali dari isu ini. Gaya hidup masyarakat hari ini yang serba cepat dan pantas dilihat mampu mengundang pelbagai masalah termasuklah perihal kesihatan diri.

Namun begitu, media massa berusaha membantu dengan menyalurkan maklumat penting berkaitan perihalan kesihatan melalui penerbitan artikel-artikel berkaitan kesihatan kepada masyarakat. Masyarakat tidak lagi menghadapi kesukaran untuk mengakses maklumat-maklumat penting ini kerana teknologi terkini sememangnya membolehkan mereka memperolehi maklumat dengan cepat melalui capaian internet. Hatta, masa yang terluang ketika menunggu bas atau tren boleh dimanfaatkan untuk membacanya.

Akan tetapi, gaya dan cara penyampaian sesuatu artikel kesihatan adalah berbeza berbanding bahan bacaan lain yang lebih santai. Setiap penulisan berita di dalam mana-mana akhbar sememangnya mempunyai gaya dan cara penulisan yang tersendiri. Hal ini dirujuk sebagai laras berita. Laras berita mempunyai kelainan tersendiri seperti dari aspek istilah-istilah khusus berbanding laras-laras lain yang terdapat dalam penulisan surat rasmi, laporan, minit mesyuarat dan syarahan misalnya. Istilah-istilah khusus ini membawa makna tertentu yang boleh memberikan kefahaman yang jitu kepada pembaca jika difahami ertinya dengan jelas dan betul.

Dalam penulisan laras bahasa sukan misalnya, didapati bahawa istilah yang digunakan bagi menyampaikan maksud gol ialah ‘al-hadaf’ (الهدف) (Mohd Zulhisyam Mustapai: 2009). Namun begitu, penggunaan istilah ini di dalam laras bahasa ilmiah memberi maksud berbeza iaitu ‘objektif’. Begitulah juga dengan laras bahasa kesihatan. Hal ini menimbulkan rasa ingin tahu pengkaji tentang istilah-istilah khusus yang digunakan dalam laras bahasa kesihatan. Persoalannya di sini, apakah istilah-istilah khusus bagi laras tersebut?

Selain itu, pengkaji menyedari akan kepentingan menjaga kesihatan tubuh badan. Pelbagai maklumat perlu diketahui untuk menjaga kesihatan diri. Ia boleh diperolehi melalui media cetak dan elektronik serta disampaikan kepada umum melalui pelbagai jenis bahan bacaan seperti buku, majalah serta akhbar. Bidang kesihatan meliputi pelbagai aspek kehidupan dan sentiasa muncul dengan kajian serta ilmu-ilmu baru. Situasi ini akan juga menyebabkan penggunaan pelbagai kata pinjaman daripada bahasa lain.

Namun, timbul satu isu apabila kebanyakan istilah tersebut diserap daripada bahasa lain sebagai kata pinjaman atau di dalam bahasa Arab disebut [al-dakhi:l] ‘الدخيل’ dan seterusnya digunakan dengan meluas. Maka, pengkaji ingin mengenalpasti istilah-istilah khusus berbentuk kata pinjaman yang diserap masuk dan digunapakai di dalam penulisan berita berkaitan bidang kesihatan di dalam akhbar al-Jazeera.net.

Pengkaji memilih akhbar al-Jazeera.net sebagai sumber utama data kajian kerana ianya merupakan antara akhbar utama di dunia yang menggunakan bahasa Arab. Selain terkenal di peringkat antarabangsa, ia juga mudah diakses menggunakan internet. Akhbar al-Jazeera.net juga menggambarkan kewibawaan yang baik dari segi penggunaan bahasa Arabnya dalam menyampaikan sesuatu berita. Sesuatu penulisan artikel berita di dalam akhbar al-Jazeera.net menggunakan bahasa Arab yang bersifat dinamik, mengandungi kosa kata yang pelbagai dan terkini. Hal ini berupaya meyakinkan pembaca yang membacanya. Elemen-elemen ini menjadikan akhbar ini sesuai untuk dijadikan bahan kajian.

Di samping itu, bahasa Arab juga seperti mana bahasa-bahasa lain mempunyai sistem morfologi dan fonologi yang tersendiri. Ia semestinya berbeza jika dibandingkan dengan sistem bahasa-bahasa lain. Kaedah peminjaman kata daripada bahasa asing ke dalam bahasa Arab dilihat mempunyai teknik dan peraturan tertentu sebelum digunapakai ke dalam bahasa Arab. Perubahan dari segi morfologi adalah melihat kepada perubahan yang berlaku terhadap pola perkataan yang dipinjam, manakala perubahan dari segi fonologi pula meneliti perubahan pada sebutan istilah tersebut menurut bahasa Arab. Persoalan-persoalan ini menarik perhatian pengkaji untuk meneliti istilah-istilah khusus bidang kesihatan termasuk kata pinjaman dan struktur morfo-fonologi istilah-istilah tersebut dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net.

1.3 Objektif Kajian

Sesuatu kajian yang ingin dijalankan adalah membawa tujuan dan objektif yang tertentu. Bagi kajian ini, ia dijalankan bertujuan meneliti laras bahasa kesihatan bahasa Arab dalam akhbar. Oleh itu, objektif kajian ini ialah :

1. Mengenalpasti istilah-istilah khusus yang digunakan dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net.
2. Menentukan istilah-istilah kata pinjaman yang diserap ke dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net. dan asal-usul serta kekerapannya.
3. Menganalisis struktur morfo-fonologi istilah-istilah berbentuk kata pinjaman dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net.

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah istilah-istilah khusus yang digunakan dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net?
2. Apakah istilah-istilah kata pinjaman yang diserap ke dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net. dan asal-usul serta kekerapannya?
3. Bagaimanakah struktur morfo-fonologi berlaku terhadap istilah-istilah berbentuk kata pinjaman dalam laras bahasa kesihatan dalam akhbar al-Jazeera.net?

1.5 Kepentingan Kajian

Dunia hari ini dilihat semakin maju dan serba canggih dalam pelbagai aspek. Jika dilihat sebelum ini kita memperolehi maklumat dan bahan bacaan seperti surat khabar dan majalah dalam bentuk media cetak sahaja. Namun kini semuanya sangat mudah diakses di hujung jari sahaja.

Seiring kecanggihan teknologi terkini, pelbagai bahan bacaan kini mudah diperolehi di alam maya dalam pelbagai medium bahasa termasuklah bahasa Arab. Sesiapa sahaja mampu memperolehi pelbagai maklumat penting termasuklah berkaitan sains kesihatan yang disampaikan dalam gayanya yang tertentu serta penggunaan istilah-istilah khusus bidang tersebut.

Oleh itu, kajian berkaitan laras bahasa kesihatan ini diharap dapat membantu pembaca terutamanya para pelajar untuk lebih memahami laras dan gaya

bahasa Bahasa Arab di dalam media cetak dan elektronik di samping memupuk rasa minat dalam kalangan mereka untuk membacanya.

Di samping itu, kajian ini juga penting sebagai antara usaha dan ikhtiar dalam memberikan sumbangan walaupun sedikit kepada bidang kajian laras bahasa umumnya dan laras bahasa Arab khususnya. Selaras dengan kajian ini, pengkaji berharap ia dapat menjadi panduan kepada pembaca akhbar al-Jazeera.net versi bahasa Arab secara atas talian 'on-line' untuk lebih memahami isi kandungan berita yang disampaikan di dalam akhbar tersebut.

Pengkaji juga berharap kajian kecil ini dapat memberi sedikit sumbangan dan membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam merancang dan menyusun silibus Kurikulum sekolah sebagai penambahbaikan demi pembangunan bahasa Arab.

1.6 Batasan Kajian

Pengkaji memilih laras bahasa kesihatan sebagai skop utama kajian ini. Laras bahasa kesihatan merupakan salah satu cabang laras bahasa sains (Kamaruddin Hj. Husin, 1995) yang digunakan khusus untuk pembinaan dan penyambung di antara ilmu dan teknologi. Laras bahasa kesihatan dipilih sebagai bidang utama kajian disebabkan kepentingan bidang kesihatan kepada kesejahteraan hidup manusia.

Data kajian ini melibatkan sejumlah 15 artikel berita berkaitan penyakit kanser yang dikumpulkan selama sebulan, iaitu MEI 2015 daripada sumber arkib laman web akhbar al-Jazeera.net. Setiap artikel berita yang mempunyai perkataan 'kanser' pada tajuk utama dikira sebagai data kajian dengan purata jumlah perkataan sebanyak 260-270 perkataan bagi setiap artikel. Keseluruhan data ini akan lebih memberikan gambaran terperinci kepada pengkaji.

Penyakit kanser merupakan salah satu penyakit tidak berjangkit dan mampu menyerang sesiapa sahaja yang berisiko tinggi. Kanser merupakan satu istilah umum yang diberikan kepada hampir 210 jenis penyakit. Di Malaysia, ia merupakan penyebab kedua utama kematian. Sebanyak 17763 kes baru disahkan pada tahun 2008 dan kejadian kanser bagi jantina wanita mengatasi jantina lelaki iaitu berjumlah 9936 kes berbanding 7827 kes bagi jantina lelaki. Menurut Daftar Kanser Kebangsaan, etnik Cina mencatatkan jumlah kes tertinggi bagi kedua-dua jantina berbanding kumpulan-kumpulan etnik lain di Malaysia.

Huraian terperinci mengenai penyakit kanser di atas memberikan gambaran awal akan satu keadaan yang rumit dan sememangnya penuh dengan istilah-istilah bidang perubatan. Ia membantu pengkaji memahami penyakit kanser dengan lebih jelas seterusnya dapat mengenalpasti istilah-istilah tersebut terutamanya bagi kategori frasa atau rangkaian dua kata atau lebih. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap artikel-artikel berkaitan penyakit kanser ini, sememangnya wujud banyak kata frasa berkaitan yang digunakan oleh penulis artikel.

1.7 Rangka Kajian

Bab pertama: Bab ini akan membincangkan tentang kerangka kajian iaitu latar belakang, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, rangka kajian dan kesimpulan.

Bab kedua: Bab ini akan menerangkan konsep bidang ilmu sociolinguistik, laras bahasa, laras bahasa kesihatan dan teori serta pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini. Ia merangkumi definisi bidang-bidang utama ilmu sociolinguistik, subtopik bidang, ciri-ciri umum laras bahasa dan ciri-ciri khusus laras bahasa kesihatan. Kajian-kajian berkaitan juga akan dimasukkan di dalam bab ini.

Bab ketiga: Bab ini pula akan menghuraikan metodologi kajian secara terperinci yang akan digunapakai dalam menjayakan kajian ini. Ia merangkumi reka bentuk kajian, data kajian, sumber data, proses pengumpulan data dan seterusnya proses penganalisan data.

Bab keempat : Bab ini akan menyenaraikan keseluruhan data iaitu istilah-istilah khusus bagi laras bahasa kesihatan berserta penerangan hasil analisis data yang dilakukan berdasarkan kepada perubahan bentuk kata dan bunyi.

Bab kelima: Bab ini adalah kesimpulan bagi keseluruhan kajian ini. Ia melibatkan rumusan dan konklusi bagi keseluruhan hasil kajian di samping

menyenaraikan beberapa cadangan ke arah penambahbaikan kajian berkaitan laras bahasa pada masa hadapan.

1.8 Kesimpulan

Kewujudan pelbagai bidang ilmu pengetahuan sememangnya akan turut mewujudkan pelbagai jenis laras bahasa dan gaya penyampaiannya yang tersendiri. Ia sememangnya penting bagi membantu pembaca untuk memahami mesej-mesej penting yang ingin disampaikan oleh penulis. Budaya kurang membaca dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah mahu pun di institut pengajian tinggi boleh juga disebabkan oleh ketidakfahaman mereka terhadap bentuk laras dan penggunaan istilah-istilah tertentu menyebabkan mereka cepat merasa bosan terhadap bahan bacaan tersebut.

Kajian melibatkan bidang laras bahasa Arab harus diperbanyak dan diperkembangkan secara lebih kerap dan meluas. Hal ini dapat membantu sesiapa sahaja yang meminati bahasa Arab untuk lebih mendekati kehalusan bahasa Arab itu sendiri. Selain dapat memahami maklumat-maklumat penting yang ingin disampaikan, mereka juga dapat melihat kaedah yang digunakan oleh bahasa Arab dalam mengadaptasi istilah-istilah baru dalam bidang-bidang utama yang penting dalam kehidupan seharian. Bab berikutnya akan menjelaskan secara terperinci mengenai skop kajian ini melibatkan penjelasan mengenai ilmu sosiolinguistik sehingga ke sub topik lain yang berkaitan dengan kajian.

BAB KEDUA

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Dalam bab sorotan literatur ini, pengkaji akan cuba menerangkan beberapa aspek penting yang berkaitan dengan skop kajian. Bab ini akan menerangkan konsep bidang ilmu sosiolinguistik, laras bahasa, laras bahasa kesihatan dan teori serta pendekatan yang akan digunakan dalam kajian ini. Ia merangkumi definisi bidang-bidang utama ilmu sosiolinguistik, subtopik bidang, ciri-ciri umum laras bahasa dan ciri-ciri khusus laras bahasa kesihatan. Kajian-kajian berkaitan juga akan dimasukkan di dalam bab ini.

2.1 Sosiolinguistik

Holmes, J. (2008) memberikan definisi sosiolinguistik sebagai berikut:

“Sociolinguistics is the study of relationship between language and society. It is interested in explaining why we speak differently in different social context, identifying the social functions of language, the ways it is used to convey social meaning” (2008 :1)

Beliau menerangkan bahawa sosiolinguistik ialah satu kajian yang berkisar mengenai hubungan antara bahasa dan masyarakat. Ia menjelaskan sebab dan alasan mengapa sesuatu percakapan menjadi berbeza di dalam konteks sosial yang berbeza, di samping mengenalpasti fungsi sosial sesuatu bahasa dan cara ia digunakan bagi kegunaan sosial.

Bagi Nik Hasan Basri (2005:23) pula, beliau menyimpulkan bahawa sosiolinguistik adalah satu kajian ilmiah yang mengkaji pelbagai bahan

sosiobudaya yang berhubung dengan aspek-aspek linguistik seperti perhubungan sosial harian yang berkaitan pula dengan kebudayaan, masyarakat, kumpulan sosial, bahasa, dialek dan bentuk-bentuk gaya dan sebagainya. Ringkasnya lagi, sociolinguistik ialah bidang yang cuba menyelesaikan masalah seperti hal-hal yang melibatkan kedwibahasaan, perancangan bahasa dan fungsi bahasa dalam masyarakat.


2.2 Laras Bahasa

Kajian ini memberi fokus kepada laras bahasa sebagai fokus utama kajian. Kamus Dewan Edisi Keempat mentakrifkan 'laras bahasa' sebagai variasi bahasa berdasarkan kepada penggunaannya misalnya sebagai bahasa klasik, bahasa istana, bahasa sains dan lain-lain (2005 : 893). Menurut Kamus Linguistik pula, laras bahasa (*register*) ialah kelainan bahasa yang digunakan untuk tujuan tertentu menurut bidang wacana, bentuk wacana, dan cara wacana (1997 : 145). Konsep laras atau *register* ini telah diperkenalkan oleh ahli linguistik Barat bernama Reid pada tahun 1956 (Kamaruddin Hj. Husin : 1995). Menurut beliau, Reid menjelaskan bahawa seseorang penutur dalam situasi bahasa yang berbeza akan menggunakan laras mengikut situasi sosial yang berlainan.

Ia kemudiannya mendapat perhatian ahli bahasa lain seperti Jean Ure & Jeffery Ellis (1977), Catford (1965) dan Weizman (1984). Di Malaysia, Nik Safiah Karim dan Asmah Hj. Omar banyak menulis tentang laras bahasa dalam buku dan makalah (Kamaruddin, 1995).

Halliday (1968) mendefinisikan laras bahasa sebagai variasi bahasa yang berlainan berdasarkan fungsi, dan ia berubah-ubah mengikut situasi. Beliau mendasarkan perbezaan laras yang digunakan kepada dua faktor, iaitu pengguna dan penggunaan.

Rajah 2.1 Pembahagian Variasi Bahasa Mengikut Pengguna Dan Penggunaan



Kewujudan istilah-istilah khusus di dalam sesuatu artikel menunjukkan kewujudan laras bahasa yang tertentu. Berikut merupakan beberapa contoh laras bahasa yang seringkali wujud dalam penulisan akhbar.

- i. Laras Bahasa Sukan (Al-Jazeera.net, 7 Ogos 2016) :

...حَقَّقَ الْيَوْمَ لِيَفِرُّوْا فَوْزًا عَرِيضًا عَلَيَّ بِرَشْوَءٍ بَرِيعَةٍ نَظِيْفَةٍ
 فِي مُبَارَاةٍ أُقِيمَتْ عَلَيَّ مَلْعَبٍ وَمَمْلِي فِي لُنْدُن...

...Liverpool hari ini telah mencapai kemenangan besar ke atas Barcelona dengan empat gol bersih dalam **perlawanan persahabatan** yang berlangsung di **padang** Wembley, London...

Istilah-istilah khusus yang melambangkan kewujudan laras bahasa sukan di dalam petikan berita ini antaranya ialah perkataan [mubārāt wuddiyyat] (مباراة) (ودية) yang bermaksud ‘perlawanan persahabatan’ dan perkataan [mal’ab] (ملعب) iaitu ‘padang’.

ii. Laras Bahasa Ekonomi (Al-Jazeera.net,7 Ogos 2016) :

...وَذَكَرَ الْبَنْكَ الْمَرْكَزِيَّ فِي نَشْرَتِهِ الْاِقْتِصَادِيَّةِ الدَّوْرِيَّةِ...

...**Bank pusat dalam Jurnal**

Laporan Ekonomi berkala menyatakan...

Manakala bagi laras bahasa ekonomi pula, frasa [al-bank al-markaziyy] (البنك المركزي) iaitu ‘bank pusat’ yang terdapat di dalam petikan di atas merupakan satu istilah khusus bidang ini. Begitu juga frasa [al-iqtisādiyyat al-dawriyyat] (الاقتصادية الدورية) yang bermaksud ‘jurnal laporan ekonomi’. Ia juga dikira sebagai satu istilah ekonomi kerana ianya menerangkan tentang bahan bacaan ilmiah yang menjadi saluran penting dalam menyampaikan maklumat-maklumat penting dan terkini berkaitan hal-hal ekonomi.

iii. Laras Bahasa Pelancongan (Al-Jazeera.net,7 Ogos 2016) :

...قَالَ وَزِيرُ السِّيَاحَةِ الْفَرَنْسِي مَاتِيَّاسُ فَيْكَلُ إِنَّ عَدَدَ اللَّيَالِي
الَّتِي قَضَاهَا السِّيَاحُ الْأَجَانِبُ فِي الْفَنَادِقِ الْفَرَنْسِيَّةِ...

...**Menteri Pelancongan** Perancis Matthias Fekl berkata

bilangan malam yang dihabiskan oleh **pelancong asing**

di **hotel-hotel** Perancis...

Dalam petikan berkaitan laras bahasa pelancongan di atas, frasa [wazīr al-siyāhat] (وزير السياحة) bermaksud ‘menteri pelancongan’, [al-siyāh al-ajānib] (السياح الأجانب) iaitu ‘pelancong asing’ dan perkataan [al-fanādiq] (الفنادق) iaitu ‘hotel-hotel’ merupakan antara istilah-istilah khusus yang merujuk kepada bidang pelancongan.

2.3 Laras Bahasa Kesihatan

Menurut *World Health Organization* (WHO) atau Badan Kesihatan Sedunia, memberikan takrifan ‘kesihatan’ sebagai satu tahap atau keadaan di mana seseorang individu itu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental dan sosial dan bukan hanya semata-mata bebas dari penyakit atau tidak berdaya (1940-an). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula, kesihatan adalah perihal sihat, kesegaran, kebaikan keadaan badan dan lain-lain (2005 : 1490).

Menurut Kamaruddin Hj. Husin (1995), laras bahasa kesihatan merupakan salah satu cabang laras bahasa sains. Ia merupakan gaya bahasa yang digunakan khusus untuk pembinaan dan penyambung ilmu dan teknologi. Penggunaan istilah dalam laras ini tidak mempunyai ketaksan yang tinggi kerana ia lebih mengutamakan ketepatan makna dan fakta. Laras bahasa kesihatan lebih memilih kosa kata yang tepat, khusus dan teknikal. Selain penggunaan kata nama dan kata kerja tertentu, laras ini juga mempunyai penggunaan frasa yang banyak sebagai istilah khusus bidang ini.

Menurutnya lagi, laras ini bersifat formal dan tidak menggunakan bahasa basahan atau bahasa sehari-hari. Di samping membincangkan bahasa sains gunaan seperti biologi dan kimia, ia juga meliputi bidang sains sosial. Laras bahasa sains khususnya laras bahasa kesihatan berbeza dengan laras-laras lain kerana kadar penggunaan istilah khusus dalam laras ini lebih tinggi berbanding laras-laras lain.

2.4 Konsep Istilah Kesihatan

Istilah kesihatan merupakan istilah khusus bagi sesuatu cabang ilmu bersifat spesifik dan hanya digunakan dalam cabang ilmu tertentu sahaja. Ia kebiasaannya tidak boleh digunakan dalam menyampaikan ilmu-ilmu lain disebabkan skop maknanya yang terhad. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005 : 591), perkataan ‘istilah’ merupakan satu perkataan bahasa Arab yang ditakrifkan sebagai perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul, tepat dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan seperti istilah ilmu bahasa dan istilah sains, pekerjaan atau kesenian.

Sulaiman Masri (1989 : 133) dalam bukunya yang bertajuk ‘Inilah Bahasa Baku’, memberikan definisi ‘istilah’ secara umum sebagai satu perkataan atau gabungan kata yang dengan jelas menerangkan suatu konsep, makna, proses, keadaan atau sifat khusus dalam bidang tertentu, yang disepakati oleh pakar-pakar bidang berkenaan. Definisi ini memberikan penerangan bahawa istilah merupakan satu perkataan atau lebih yang digunakan secara terkawal dan terhad dengan tujuan khusus oleh pakar dalam bidang-bidang tertentu.

Menurutnya lagi, terdapat istilah yang menggambarkan konsep dan penggunaan yang terhad kepada satu bidang ilmu sahaja, namun terdapat juga istilah yang dapat menggambarkan lebih daripada satu konsep dan digunakan oleh beberapa bidang ilmu. Ertinya, sesuatu perkataan yang mempunyai pelbagai maksud boleh digunakan untuk menggambarkan maksud-maksud tersebut di dalam beberapa bidang. Misalnya, perkataan ‘pengagihan’ digunakan dalam bidang ekonomi yang menggambarkan perihal agihan, perkataan ‘pembahagian’ digunakan dalam bidang umum manakala perkataan ‘taburan’ pula dalam bidang geografi.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) mendefinisikan ‘kesihatan’ sebagai perihal sihat, kesegaran, kebaikan keadaan badan dan lain-lain. WHO (1940-an) pula menerangkan:


‘health is the state of complete physical, mental and social well-being, not merely the absence of disease @ infirmity’.

Ertinya, kesihatan adalah kesejahteraan seluruh fizikal, mental dan sosial, tidak hanya pada ketiadaan penyakit atau infirmiti. Pengertian ini memberikan penjelasan bahawa kesihatan itu dijelaskan sebagai satu rasa kesejahteraan pada keseluruhannya iaitu tidak hanya merangkumi aspek fizikal seperti ketiadaan penyakit, malah ia juga merangkumi aspek mental.

Dubos (1968) memperluaskan lagi definisi ini dengan menyatakan bahawa kesihatan adalah kualiti hidup, melibatkan sosial, emosi, mental, spiritual dan

kecergasan biologi bagi pihak individu, dengan berpandukan persekitaran. Ia memberikan gambaran bahawa seseorang itu berkeadaan sihat dan baik apabila jasad dan rohani berada juga berada dalam kondisi yang baik. Hidup yang berkualiti bertitik tolak daripada keadaan persekitaran yang baik.

Rajah 2.2 Konsep Kesihatan Oleh Dubos (1968)



Namun begitu, tahap kesihatan seseorang terjejas sekiranya aspek-aspek ini terganggu. Ia seringkali mendatangkan pelbagai masalah terhadap kesihatan tubuh badan, emosi serta mental. Secara amnya, unsur-unsur keabnormalan yang terdapat pada tubuh badan seseorang menunjukkan keadaan kesihatan yang terganggu. Ia disebabkan oleh pelbagai jenis penyakit sama ada yang berjangkit mahu pun yang tidak berjangkit.

Berdasarkan penjelasan terperinci mengenai istilah dan kesihatan, maka pengkaji dapat membuat beberapa rumusan yang utama mengenai konsep istilah kesihatan. Pertama, istilah khusus bidang kesihatan boleh dirumuskan

sebagai satu konsep mengenai penggunaan istilah-istilah yang hanya khusus bagi bidang kesihatan itu sendiri. Istilah-istilah ini melibatkan aspek makna yang secara langsung difahami hanya di dalam bidang kesihatan sahaja. Ia tidak mungkin akan digunakan dalam bidang-bidang lain.

Misalnya, perkataan [al-saraṭān] ‘السرطان’ merupakan satu istilah khusus bidang sains kesihatan. Maksud perkataan ini ialah ‘kanser’ dan ia lazimnya tidak dapat digunakan dalam bidang lain seperti sains kejuruteraan, ekonomi, mahu pun politik. Hal ini disebabkan oleh pengertian khusus untuk perkataan ‘kanser’ ialah sejenis penyakit yang terjadi pada sel tubuh badan seseorang. Keadaan ini tidak berlaku dalam bidang lain seperti kejuruteraan, politik mahu pun ekonomi. Maka, ia dikategorikan sebagai satu istilah khusus bidang sains kesihatan dan bukannya bidang lain.

Kedua, pengkaji merumuskan konsep istilah bidang kesihatan merangkumi apa-apa istilah yang berkaitan dengan bidang kesihatan secara umumnya juga akan dianggap sebagai istilah bidang ini. Hal ini bertepatan dengan pendapat Sulaiman Masri (1989) bahawa terdapat istilah yang menggambarkan konsep dan penggunaan yang terhad kepada satu bidang ilmu serta terdapat juga istilah yang dapat menggambarkan lebih daripada satu konsep dan digunakan oleh beberapa bidang ilmu.

Ertinya, apa-apa istilah yang mempunyai hubungan secara langsung dengan bidang kesihatan apabila ia digunakan di dalam laras bahasa kesihatan boleh

dianggap sebagai satu istilah. Ia merangkumi kata nama, kata kerja dan frasa yang digunakan bagi menerangkan hal-hal berkaitan dengan bidang kesihatan. Perkataan yang dilihat mempunyai makna yang relevan dengan bidang kesihatan, maka ia boleh diterima sebagai satu istilah bidang kesihatan.

Wong (2003) dalam kajiannya bertajuk 'Penggunaan Laras Ekonomi Dalam Akhbar Melayu : Satu Analisis Leksikal' membuat pengklasifikasian istilah ekonomi yang diperolehi berdasarkan empat kumpulan utama iaitu : keperluan ekonomi, tempat, aktiviti ekonomi dan pelaku. Bertitik tolak daripada kajian beliau ini, pengkaji membuat satu klasifikasi umum bagi sesuatu penyakit. Mana-mana perkataan yang mempunyai hubungan langsung dengan bidang kesihatan iaitu penyakit kanser adalah dikira sebagai satu istilah. Setiap istilah-istilah tersebut akan dibahagikan mengikut lima kategori utama iaitu :

- i. **Simptom dan gejala** – menerangkan simptom-simptom atau gejala yang boleh dikenalpasti bagi mengesan penyakit kanser. Ia meliputi simptom yang dapat dilihat melalui mata kasar atau pun yang memerlukan pengesahan beberapa ujian tertentu dan para doktor.
- ii. **Punca dan faktor** - membincangkan mengenai sebab terjadinya sesuatu penyakit kanser dan hal-hal yang mempengaruhinya.
- iii. **Jenis** - menentukan jenis-jenis kanser yang seringkali terjadi bagi seorang pesakit kanser.
- iv. **Kaedah rawatan** – menerangkan bentuk rawatan yang boleh dilakukan oleh para doktor bagi merawat pesakit kanser termasuklah

melalui penggunaan ubat-ubatan, suntikan vaksinasi, pembedahan, dan rawatan terapi seperti radioterapi dan kemoterapi.

- v. **Pencegahan dan pengawalan** – menerangkan perihal tindakan yang boleh dilakukan oleh seseorang individu bagi mengelakkan daripada mendapat penyakit kanser atau mencegahnya daripada berulang.

Daripada pembahagian ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa istilah-istilah yang mempunyai kaitan secara langsung dengan penyakit kanser berdasarkan lima kategori di atas akan turut dikira sebagai satu istilah bidang kesihatan. Sebagai contoh, perkataan kata kerja seperti [taṭawwur] 'تطور' yang bermaksud 'berkembang' juga mempunyai hubungan dengan bidang kesihatan. Istilah ini dapat dikategorikan di bawah pembahagian simptom dan gejala bagi penyakit kanser. Ia menerangkan proses di mana sel-sel kanser berkembang dan semakin bertambah di dalam tubuh badan seseorang pesakit sehingga ia mampu menjejaskan organ-organ lain yang berkaitan.

Perkataan berbentuk frasa yang dilihat turut mempunyai hubungan dengan bidang kesihatan antaranya, frasa [basharat al-aṭfāl] 'بشرة الأطفال' yang bermaksud 'kulit kanak-kanak'. Perkataan ini boleh diterima sebagai satu istilah bidang kesihatan kerana antara punca terjadinya kanser kulit ialah melalui pendedahan kulit terhadap sinaran matahari untuk satu tempoh masa yang lama. Istilah ini pula boleh dikategorikan di bawah punca dan faktor bagi penyakit kanser. Hal ini disebabkan oleh sinaran ultra-ungu yang terdapat pada sinaran matahari boleh mengakibatkan terjadinya kanser kulit. Keadaan ini

tidak memilih peringkat usia iaitu sesiapa sahaja boleh mendapat kanser kulit termasuk kanak-kanak.

Begitu juga bagi perkataan [saraṭān al-qūlūn] ‘سرطان القولون’ yang bermaksud kanser kolon. Ia merupakan sejenis kanser yang boleh berlaku pada seseorang individu. Perkataan ini dianggap sebagai satu istilah bidang kesihatan kerana ia boleh dikategorikan di dalam jenis-jenis penyakit kanser. Maka, ia relevan untuk dianggap sebagai satu istilah bidang kesihatan.

Bagi perkataan [muqāwamat] ‘مقاومة’ pula merupakan satu kata nama yang bermaksud ‘penentangan’. Ia dapat dikategorikan di bawah jenis rawatan penyakit kanser. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan terhadap salah satu artikel kajian, pengkaji mendapati bahawa makna perkataan ini mempunyai kaitan dengan bidang kesihatan. Dalam bidang kesihatan, seseorang pengidap penyakit kanser memerlukan rawatan khusus bagi menentang penyakit tersebut. Rawatan ini akan mencegah sel-sel kanser daripada terus merebak.

Penggunaan perkataan ini memberikan gambaran kepada proses yang berlaku apabila seseorang pesakit menghadapi penyakit kanser termasuklah penyakit-penyakit lain. Proses ini kebiasaannya dijelaskan dalam hal-hal berkaitan rawatan yang diberikan seperti rawatan radioterapi dan kemoterapi selain rawatan-rawatan lain seperti suntikan vaksin bagi menguatkan sistem imun.

Perkataan [al-mawt] الموت yang bermaksud 'kematian' juga mempunyai hubungan secara langsung dengan bidang kesihatan. Istilah ini dapat dikategorikan di bawah pencegahan dan pengawalan. Seseorang pesakit kanser yang mengesan penyakit ini lebih awal mempunyai peluang tinggi untuk sembuh semula dengan bantuan rawatan yang dijalankan. Namun, jika ia dikesan pada peringkat akhir, pesakit tidak mempunyai peluang yang tinggi untuk sembuh dan berkemungkinan akan menghadapi kematian. Oleh itu, perkataan [al-mawt] الموت ini juga dianggap istilah bidang kesihatan kerana ia relevan dan boleh diterima.

Secara umumnya, kanser boleh dijelaskan sebagai satu keadaan di mana sel-sel luar biasa di dalam tubuh badan yang membahagi secara berterusan tanpa terkawal mahu pun berturutan. Pertumbuhan kelompok sel berlebihan ini digelar sebagai ketumbuhan atau pembentukan tumor. Kanser tumor atau tumor malignan boleh merebak sehingga menyerang dan merosakkan tisu serta organ-organ yang berhampiran dengan sel kanser. Lama kelamaan, ia akan merebak dan membentuk tumor baru di bahagian anggota badan yang lain.

Majlis Kanser Negara (MAKNA) menyatakan di antara jenis kanser ialah jenis Karsinoma yang lazimnya berlaku di dalam tisu yang membahagi dengan cepat seperti sel-sel meliputi badan manusia seperti kulit, usus, payudara, hati dan saluran pernafasan. Ia merupakan jenis kanser yang paling umum ditemui. Jenis kedua ialah Sarkoma iaitu kanser yang berlaku pada tisu dan ia membahagi dengan kadar lambat seperti otot dan tisu saraf, manakala jenis

ketiga ialah jenis Leukemia iaitu kanser yang terjadi pada sel darah (MAKNA : 2013).

Penyakit kanser dapat dikenalpasti melalui beberapa simptom utama seperti bengkak pada leher yang kebiasaannya terjadi bagi kanser tiriod, pendarahan yang berlaku susulan daripada ulser yang tidak sembuh di bahagian perut dan usus, sakit perut yang berterusan dan ketidakselesaan pada bahagian abdomen dan beberapa simptom-simptom lain.

Beberapa bentuk rawatan dapat dilakukan untk merawat penyakit kanser antaranya menerusi pembedahan, terapi radiasi (radioterapi), rawatan kemoterapi dan terapi hormon. Rawatan-rawatan ini dijalankan bertujuan membunuh sel kanser yang terbentuk dan mengurangkan kesan kanser terhadap tubuh badan pesakit. Doktor akan mengesyorkan rawatan terbaik bergantung kepada jenis dan tahap kanser yang dihidapi oleh pesakit.

2.5 Teori Laras Bahasa Leech & Short (1981)

Pelbagai teori telah digunapakai oleh pengkaji-pengkaji lepas dalam membuat kajian berkaitan laras bahasa. Antara pengkaji barat yang memperkenalkan teori berkaitan laras bahasa ialah Halliday, Ure & Ellis dan Leech & Short (S. Nathesan: 1995). Bagi kajian ini, pengkaji memilih teori yang diperkenalkan oleh Leech & Short (1981) sebagai kerangka teori.

Leech & Short (1981) telah mengesyorkan analisis linguistik dengan melihat empat aspek utama iaitu:

- i. **Leksikal:** merangkumi 5 aspek utama iaitu umum, Kata Nama, Kata Adjektif, Kata Kerja dan Kata Keterangan.
- ii. **Tatabahasa :** melihat kepada ciri-ciri ayat, frasa, klausa dan kata. Penekanan diberikan kepada aspek kelas kata dari segi konteks kata.
- iii. **Ketenunan @ bentuk dan gaya pertuturan:** memfokuskan aspek urutan cerita, gaya bahasa dan bentuk bahasa.
- iv. **Kohesi dan konteks :** melihat hubungan antara ayat dan hubungan luaran teks iaitu hubungan antara pengarang dan pembaca.

Namun demikian, dalam kajian ini pengkaji hanya memilih **dua aspek utama** iaitu leksikal dan tatabahasa daripada teori ini untuk proses penganalisan data iaitu dengan berdasarkan kesesuaiannya dengan sistem tatabahasa bahasa Arab.

2.6 Peminjaman Kata Bahasa Arab

Seja Mustafa Mohammed (2009) dalam kajiannya yang bertajuk '*English Loanwords in the Iraqi Arabic Dialect*' menyatakan ;

'As foriegn words get intergrated into the recipient languange, sometimes the borrowed forms undergo changes or take on linguistic characteristics of the recipient language. In other words, the borrowed forms may become noticeably different from the original form that exists in the donor language to a degree that the native speaker would not be able to recognize their foreignness at all'.

Beliau mengatakan bahawa apabila perkataan-perkataan asing diintegrasikan ke dalam bahasa penerima iaitu bahasa yang meminjam, bentuk perkataan yang dipinjam mengalami beberapa perubahan atau mengambil ciri-ciri linguistik bahasa penerima. Dalam erti kata lain, bentuk-bentuk yang dipinjam menjadi berbeza daripada bentuk asal yang wujud dalam bahasa penderma sehinggakan penutur asli sama sekali tidak akan dapat untuk mengenal pasti bentuk perubahan yang berlaku.

Pengkaji bersetuju dengan kenyataan beliau bahawa sesuatu perkataan yang diserap masuk sebagai kata pinjaman pastinya mengalami perubahan pada pola perkataan tersebut. Hal ini berlaku kerana struktur linguistik sesuatu bahasa adalah berbeza jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa lain. Ia dilakukan bertujuan menyesuaikan perkataan yang dipinjam selari dengan pola perkataan bahasa yang meminjam bagi kemudahan penutur bahasa tersebut.

Manakala, Abdul Rauf Hj. Hassan (2002) dalam kajiannya yang bertajuk 'Peminjaman Bahasa Asing Dalam Kamus Al-Misbah Al-Munir' telah menyenaraikan tujuh pendekatan yang boleh digunakan bagi mengenali kata pinjaman daripada bahasa asing ke dalam bahasa Arab. Antara pendekatan tersebut ialah:

- i. **Kaedah Pertama** : melihat penggunaan tanda-tanda tertentu di dalam kamus yang menerangkan sesuatu kata dalam kamus. Para ulama' bahasa Arab telah menyepakati kaedah ini dan digunapakai di dalam penulisan kamus-kamus bahasa Arab. Antara contoh tanda-tanda tersebut ialah (مع) iaitu mewakili [al-mu'arrab], (د) yang melambangkan kata [al-dakhīl], dan (مو) [al-mu'arrab], (د) yang melambangkan kata [al-dakhīl], dan (مو)

pula yang merujuk kepada [al-muwallad]. Tanda-tanda ini digunakan oleh sidang pengarang di dalam Kamus al-Mu'jam al-Wasī.

- ii. **Kaedah Kedua** : melihat kepada kaedah percantuman huruf-huruf Arab dengan huruf-huruf yang lainnya. Dalam sistem tatabahasa bahasa Arab, tidak semua huruf Arab dapat dicantumkan bersama menjadi satu kata. Misalnya, huruf 'Sad' tidak boleh digandingkan bersama huruf 'Jim' menjadi satu kata. Contoh kata tersebut ialah [al-ṣawljān] 'الصولجان'.
- iii. **Kaedah Ketiga** : penelitian terhadap pola-pola yang terdapat pada sesuatu perkataan. Setiap kata terbitan dalam bahasa Arab wujud mengikut pola-pola tersendiri dengan membawa maksud tersendiri. Maka, perkataan yang terhasil daripada pola-pola selain daripada pola-pola kebiasaan dalam bahasa Arab boleh dikategorikan sebagai perkataan pinjaman bahasa Arab. Beberapa contoh pola yang boleh dianggap sebagai pola kata pinjaman ialah pola [fā'īl] 'فاعيل' misalnya perkataan [fānīdh] 'فانيد' dan [fā'ul] 'فاعل' iaitu perkataan [āmul] 'أمل'.
- iv. **Kaedah Keempat** : pengecaman kata pinjaman melalui kewujudan pelbagai sebutan dan cara bacaan sesuatu perkataan, namun ia membawa makna dan erti yang sama. Cara ejaan perkataan tersebut melibatkan bentuk ejaan yang berbeza. Contohnya, [urbān] 'أربان', [urbūn] 'أربون', ['urbān] 'عربان', ['urbūn] 'عربون' dan ['arabūn] 'عربون'.

- v. **Kaedah Kelima** : perkataan kata pinjaman dikenali mengikut aspek derivasi dalam bahasa Arab iaitu [al-ishtiqāq] 'الاشتقاق'. Menurut Abdul Rauf, sekiranya sesuatu kata itu tidak dapat diderivasikan, maka ia dianggap sebagai satu perkataan kata pinjaman. Misalnya, perkataan [tannur] 'نُور' apabila diwazankan akan mengikut pola [fa'ūl] 'فُعُول'. Pola ini tidak terdapat dalam tatabahasa bahasa Arab. Maka, ia digolongkan sebagai satu kata pinjaman.
- vi. **Kaedah Keenam** : penentuan kata pinjaman dengan membuat penelitian terhadap faktor masyarakat. Kekeliruan yang timbul dalam menentukan asal-usul sesuatu kata sama ada ia berasal dari bahasa Arab atau dipinjam daripada bahasa lain boleh diselesaikan dengan merujuk kepada makna semantik kata tersebut. Perkataan yang memberi makna yang serasi dengan masyarakat Arab tidak dianggap sebagai satu kata pinjaman. Misalnya, perkataan [jamal] 'جَمَلٌ' iaitu 'unta' yang mudah dilihat di tanah Arab. Manakala bagi perkataan yang membawa makna yang tidak serasi boleh dianggap sebagai kata pinjaman. Contohnya, [filfil] 'فِلْفِلٌ' bermakna 'cili' yang kebiasaannya ditemui di negara India.
- vii. **Kaedah Ketujuh** : penentuan dibuat dengan cara membuat kajian perbandingan. Ia dilakukan dengan kaedah membandingkan perkataan-perkataan tersebut mengikut aspek rumpun bahasa-bahasa Semit yang lain. Misalnya perkataan [balāt] 'بَلَاطٌ' ertinya 'istana raja'. Asal-usul perkataan ini

dikatakan berasal daripada bahasa Latin dan bukannya daripada mana-mana bahasa Semit.


Berdasarkan tujuh kaedah yang diutarakan oleh Abdul Rauf (2002) ini, beliau menyimpulkan bahawa hanya empat kaedah pertama dianggap lebih tepat dan bersifat menyeluruh dalam mengenali kata pinjaman dalam bahasa Arab. Namun begitu, tiga kaedah yang lain dilihat lebih khusus kepada istilah-istilah tertentu sahaja seperti istilah yang merujuk kepada buah-buahan, sayur-sayuran dan haiwan.

Proses peminjaman kata yang berlaku terhadap apa-apa bahasa akan menyebabkan berlakunya beberapa perubahan terhadap perkataan asal. Perubahan tersebut antaranya ialah dari aspek morfologi iaitu perubahan pada pola perkataan dan aspek fonologi yang melibatkan perubahan pada bunyi. Pendekatan S. Nathesan (1995) yang akan digunakan dalam kajian ini akan menjadi sokongan kepada teori laras bahasa Leech & Short (1981) yang akan membantu pengkaji mengkaji proses peminjaman kata yang berlaku di dalam bahasa Arab.

2.7 Al-Jazeera.Net

Al-Jazeera.net merupakan satu badan penyiaran berita dan hal ehwal semasa 24 jam yang beribu pejabat di Doha, Qatar. Ia kini merupakan antara rangkaian media terbesar Arab di bawah syarikat induk Al-Jazeera Satellite Network. Matlamat utama Al-Jazeera ialah untuk mengimbangi arus media perdana semasa dengan laporan dari seluruh dunia.

Akhbar Al-Jazeera.net atas talian



2.8 Tinjauan Kajian Berkaitan

Beberapa kajian lepas berkaitan laras bahasa Arab telah dijalankan oleh pengkaji lain antaranya kajian laras bahasa sukan, politik dan ekonomi. Namun begitu, kajian laras bahasa kesihatan dalam bahasa Arab belum dijalankan secara khusus. Penyelidikan berkaitan bidang kata pinjaman bahasa Arab daripada bahasa-bahasa lain juga telah dilakukan dan diterbitkan dalam pelbagai bentuk seperti penerbitan buku-buku, penulisan tesis dan juga jurnal. Akan tetapi kajian melibatkan istilah-istilah pinjaman daripada bahasa asing yang terdapat dalam laras bahasa kesihatan dari aspek morfologi dan fonologi belum ditemui setakat ini.

Wong (2003) dalam kajiannya yang bertajuk 'Penggunaan Laras Ekonomi Dalam Akhbar Melayu : Satu Analisis Leksikal' memberi fokus terhadap istilah ekonomi dengan membuat empat klasifikasi istilah yang praktikal iaitu keperluan ekonomi, tempat, aktiviti ekonomi dan pelaku. Beliau seterusnya menganalisis data kajian secara morfologi dengan melihat kepada proses

pembentukan kata, golongan kata dan istilah pinjaman serta istilah bukan pinjaman. Hasil kajian secara umumnya menerangkan bahawa kebanyakan istilah ekonomi terdiri daripada kata tunggal, diikuti kata terbitan serta kata majmuk. Istilah ini terdiri daripada kata nama sahaja. Kebanyakan istilah merupakan istilah pinjaman bahasa Inggeris yang terdiri daripada kata tunggal.

Selain itu, Mohd Zulhisyam bin Mustapai (2009) membuat kajian bertajuk “Laras Bahasa Sukan Dalam Laman Web Arab”. Beliau memberi fokus kajian berkaitan laras bahasa Arab dalam bidang sukan. Hasil kajiannya merangkumi kekerapan penggunaan istilah-istilah berkaitan sukan yang dikeluarkan daripada artikel berita akhbar Bernama secara ‘atas talian’. Beliau juga membuat perbandingan antara laras bahasa, gaya bahasa dan dialek. Hasil kajian secara umumnya membuktikan bahawa leksikal memainkan peranan yang penting dalam pembentukan ayat dalam sesebuah teks atau laporan.

Seja Mustafa Mohammed (2009) dalam kajiannya yang bertajuk ‘*English Loanwords in the Iraqi Arabic Dialect*’ meninjau kewujudan kata pinjaman perkataan bahasa Inggeris dalam dialek Iraq dengan membuat analisis terhadapnya dari aspek bentuk ia dipinjam serta meneliti punca dan kesan penggunaan pinjaman ini ke atas dialek Iraq. Beliau merumuskan bahawa kajian ini membuktikan kewujudan sebilangan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris telah menjadi sebahagian daripada dialek Iraq. Ia hadir di dalam pelbagai bentuk antaranya asimilasi, asimilasi-separa dan asimilasi penuh.

Syahirah Almuddin (2012) dalam kajian bertajuk 'Analisis Morfo-Fonologi Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris Dalam Bahasa Arab' mengkaji perubahan yang berlaku dalam aspek fonologi dan morfologi yang berlaku terhadap kata pinjaman bahasa Inggeris di dalam bahasa Arab. Hasil kajian mendapati kebanyakan perubahan berlaku pada bunyi bahasa Inggeris yang tidak ada dalam bahasa Arab. Bunyi-bunyi ini disesuaikan dengan mengambil bunyi-bunyi yang paling hampir dari aspek sifat bunyi dan tempat artikulasi. Perubahan juga berlaku pada bunyi yang sedia ada dalam bahasa Arab disebabkan oleh pengaruh persekitaran bunyi yang terlibat. Kajian mendapati tidak terdapat peraturan khusus yang boleh dibuat hasil analisis morfo-fonologi perkataan pinjaman bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab.

Satu kajian yang dilakukan oleh Abdulhafeth Ali Khrisat dan Majiduddin Sayyed Mohamad (2014) bertajuk '*Language's Borrowings : The Role of the Borrowed and Arabized Words in Enriching Arabic Language*' melihat peranan yang dibawa oleh kata pinjaman dan kata yang melalui proses Arabisasi dalam memperkayakan kosa kata dalam bahasa Arab. Kajian ini memberi fokus kepada proses peminjaman kata yang dilakukan oleh bahasa Arab daripada bahasa lain. Hasil dapatan mendapati bahawa dalam proses Arabisasi, berlaku perubahan pada perkataan-perkataan kata pinjaman tersebut melibatkan penambahan huruf, penggantian atau pengguguran huruf atau juga melibatkan perubahan pada aspek artikulasi. Selain itu, perkataan-perkataan ini juga wujud dalam lebih daripada satu bentuk fonetik, dan keadaan ini membolehkan bahasa Arab mengadaptasi salah satu daripadanya dan diserap sebagai satu perkataan dalam bahasa Arab.

Berdasarkan beberapa kajian lepas yang dirujuk , didapati bahawa pengkaji-pengkaji lain telah melakukan kajian terhadap bidang-bidang seperti sukan, politik dan pelancongan. Namun begitu, pengkaji belum menjumpai kajian laras bahasa kesihatan dalam bahasa Arab dijalankan oleh mana-mana pengkaji. Bidang kesihatan itu sendiri merupakan satu bidang ilmu yang sangat penting dalam kehidupan manusia seharian. Pengkaji juga mendapati bahawa kajian istilah-istilah khusus laras bahasa kesihatan dari sudut morfo-fonologi juga belum dilakukan. Maka, pengkaji memilih tajuk ini sebagai bidang utama kajian.

2.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, pengkaji telah cuba menjelaskan skop kajian ini secara lebih menyeluruh. Pengkaji telah menerangkan mengenai bidang utama kajian ini iaitu bidang sociolinguistik seterusnya memperkecilkan lagi skop kajian kepada sub topik iaitu mengenai laras bahasa. Penerangan mengenai laras bahasa disampaikan secara terperinci disertakan dengan contoh-contoh yang relevan bagi memberikan gambaran yang lebih jelas.

Pengkaji juga menjelaskan konsep istilah kesihatan dengan padat agar pembaca akan lebih memahami apa yang dinamakan sebagai istilah bidang kesihatan. Hal ini akan membantu pembaca memahami dengan lebih jelas akan gambaran keseluruhan kajian ini dijalankan. Penjelasan mengenai teori laras bahasa Leech & Short (1981) juga dijelaskan dengan bantuan beberapa contoh kajian lepas yang berkaitan dengan skop kajian ini.

BAB KETIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan rentetan metodologi kajian yang akan digunakan bagi menjalankan kajian ini. Perbincangan ini akan melibatkan penerangan berkaitan reka bentuk kajian, kerangka konseptual kajian, proses pengumpulan data, serta pendekatan yang bakal digunakan untuk menganalisis data-data yang diperolehi selari dengan objektif kajian.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif, satu kajian yang melibatkan analisis deskriptif iaitu kajian berasaskan teori laras bahasa bagi mengenalpasti istilah-istilah laras bahasa kesihatan yang terdapat di dalam artikel kesihatan akhbar al-Jazeera.net. Pengkaji memilih teori laras bahasa yang dikemukakan oleh Leech & Short (1981) sebagai kerangka utama kajian serta kaedah pendekatan oleh S. Nathesan (1995) dan Syahirah Almuiddin (2012) yang akan digunakan bagi menyokong proses penganalisan data.

Namun begitu, pengkaji menghadkan penggunaan dua aspek utama daripada teori Leech & Short (1981) iaitu aspek leksikal meliputi istilah khusus dari kategori kata nama dan kata kerja manakala aspek

tatabahasa pula menfokuskan kata frasa. Aspek bentuk dan gaya pertuturan serta aspek kohesi dan konteks tidak digunakan kerana objektif kajian ini tidak memberi fokus terhadapnya. Ia selari dengan ciri-ciri laras bahasa kesihatan yang bersifat tepat, penuh maklumat dan tidak mempunyai unsur-unsur keindahan bahasa dalam penulisannya.

Selari dengan objektif kajian berkaitan kata pinjaman, pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah pendekatan yang diguna pakai oleh S.Nathesan (1995) dalam mengkaji laras bahasa ilmiah dalam buku teks sekolah menengah. Ketika mengkaji aspek leksikal, beliau memberi fokus kepada istilah kata pinjaman yang terdapat di dalam data yang diperolehi. Data tersebut diasingkan dari istilah bukan kata pinjaman seterusnya dihitung kekerapan yang digunakan.

Antara objektif kajian ini ialah mengenalpasti istilah-istilah kesihatan berbentuk kata pinjaman yang terdapat dalam laras bahasa kesihatan disebabkan ia banyak digunakan serta membuat analisis struktur morfo-fonologi terhadap istilah-istilah bidang kesihatan yang diperolehi. Hal ini disebabkan peminjaman masuk sesuatu kata pinjaman mempunyai bentuk dan cara tertentu dan ia menarik perhatian pengkaji untuk lebih memahami kaedah yang berlaku apabila meminjam sesuatu perkataan asing daripada bahasa lain.


Bagi mencapai objektif ini, pengkaji memilih untuk menggunakan kajian Syahirah Almuddin (2012) sebagai kerangka utama proses penganalisan data. Beliau dalam kajiannya bertajuk 'Analisis Morfo-Fonologi Perkataan Pinjaman

Bahasa Inggeris Dalam Bahasa Arab' menganalisis kaedah yang digunakan oleh bahasa Arab dalam meminjam masuk perkataan baru daripada bahasa Inggeris. Beliau membuat perbandingan antara kedua-dua perkataan tersebut dan menganalisis secara morfo-fonologi iaitu satu analisis bagi melihat bentuk perubahan yang berlaku terhadap pola perkataan serta perubahan pada bunyi kata pinjaman tersebut dalam bahasa Arab.

Bagi pengkaji, kaedah ini amat membantu pengkaji untuk mencapai objektif yang telah dibuat. Bertitik tolak dari hal ini, maka pengkaji membuat keputusan untuk menggunakan kaedah pendekatan beliau bagi menyokong teori laras bahasa Leech & Short (1981) yang merupakan kerangka teori utama kajian ini.

Carta di bawah ini menunjukkan kerangka konseptual kajian yang memberikan gambaran keseluruhan kajian yang akan dijalankan oleh pengkaji. Ia menjadi panduan kepada pengkaji untuk memulakan kajian agar tidak tersasar daripada objektif kajian yang telah dicadangkan di awal bab pertama sebelum ini.

Rajah 3.1 Kerangka Konseptual Kajian



3.2 Data Kajian

Bagi menjayakan kajian ini, pengkaji telah menetapkan data kajian yang akan digunakan. Ia melibatkan data utama kajian iaitu 15 artikel berita kesihatan berkaitan penyakit kanser. Pengkaji menetapkan jumlah ini disebabkan artikel-artikel yang dipilih mempunyai purata 260-270 perkataan bagi setiap artikel. Pengkaji merasakan jumlah ini memadai untuk mendapatkan istilah-istilah berkaitan bidang kesihatan dan mampu menjawab persoalan kajian ini.

Data-data ini telah dipilih dan dikumpulkan sepanjang bulan MEI bagi tahun 2015 daripada sumber arkib akhbar al-Jazeera.net secara atas talian (*on-line*). Setiap artikel berita yang mempunyai perkataan 'kanser' pada tajuk utama dikira sebagai data kajian dengan purata jumlah perkataan sebanyak 260-270 perkataan bagi setiap artikel. Keseluruhan data ini akan lebih memberikan gambaran terperinci kepada pengkaji.

3.3 Sumber Data

Pengkaji memperoleh data – data kajian daripada laman web akhbar Al-Jazeera.net secara atas talian (*on-line*). Akhbar ini seperti mana kebiasaan bagi kebanyakan akhbar di serata dunia mengandungi banyak maklumat daripada pelbagai bidang ilmu. Ia merangkumi isu-isu semasa, luar negara, sukan, politik, pendidikan, sains dan teknologi termasuklah sub bidang seperti sains kesihatan.

Al-Jazeera.net merupakan satu badan penyiaran berita dan hal ehwal semasa 24 jam yang beribu pejabat di Doha, Qatar. Ia menggunakan bahasa Arab sebagai medium bahasa utama dalam menyampaikan maklumat selain menggunakan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris.

Kini ia merupakan antara rangkaian media terbesar Arab di bawah syarikat induk iaitu Al-Jazeera Satellite Network. Matlamat utama Al-Jazeera ialah untuk mengimbangi arus media perdana semasa dengan laporan dari seluruh dunia.

3.4 Proses Pengumpulan Data

Pada peringkat awal kajian ini, pengkaji telah menjalankan proses pengumpulan maklumat secara terperinci daripada sumber-sumber primer yang penting seperti buku-buku, artikel-artikel dan kajian-

kajian lepas yang berkaitan dengan ilmu laras bahasa serta perkaitannya dengan bahasa Arab. Proses awal ini amat penting kepada pengkaji bagi memahami gambaran kajian secara keseluruhan supaya kajian yang dijalankan mengikut landasan yang sepatutnya. Sekiranya pengkaji masih kabur mengenai gambaran kajian secara keseluruhannya, akan muncul pelbagai masalah di pertengahan kajian.

Proses seterusnya melibatkan proses pengumpulan data kajian daripada sumber sekunder bagi kajian ini. Pengkaji akan meneliti laman web akhbar Al-Jazeera.net secara atas talian (*on-line*) secara umum. Tujuan utama pengkaji berbuat sedemikian adalah untuk lebih memahami dengan sepenuhnya akhbar tersebut serta memahami selok-belok peyusunan maklumat dalam akhbar tersebut.


Berikutnya, pengkaji akan memilih data-data kajian iaitu artikel berkaitan penyakit kanser mengikut kriteria yang telah ditetapkan di bawah tajuk batasan kajian dalam bab pertama kajian ini. Artikel-artikel yang telah dipilih akan ditulis semula ke dalam perisian Microsoft Word bagi memudahkan pengkaji membaca dan meneliti keseluruhan kata di dalamnya.

Pengkaji telah menghadkan kajian dengan hanya melihat aspek leksikal dan tatabahasa daripada empat aspek utama Teori Leech & Short (1981) iaitu leksikal, tatabahasa, bentuk dan gaya pertuturan serta

aspek kohesi dan konteks dalam kajian ini. Oleh itu, proses pengumpulan data iaitu istilah-istilah khusus dalam bidang kesihatan hanya akan melibatkan data yang terdiri daripada kata nama, kata kerja dan frasa. Pengkaji juga akan merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh S. Nathesan (1995). Dalam kajian beliau, fokus diberikan terhadap istilah kata pinjaman yang terdapat di dalam data yang dikaji.

Oleh itu, dalam kajian ini, pengkaji akan mengasingkan data kajian berbentuk kata pinjaman daripada istilah bukan kata pinjaman sebelum jumlah data tersebut dianalisis satu persatu bagi mengetahui asal-usulnya dan dihitung bagi mengetahui kekerapan penggunaannya dalam artikel kesihatan akhbar al-Jazeera.net. Rajah di bawah menunjukkan proses pengumpulan secara ringkas.

Rajah 3.2 Proses Pengumpulan Data



3.5 Proses Penganalisan Data

Peringkat seterusnya bagi kajian ini adalah melibatkan proses penganalisan data. Pengkaji akan menganalisis data yang diperolehi dengan menggunakan kaedah analisis linguistik berasaskan kerangka teori Leech & Short (1981) serta kaedah pendekatan yang digunakan oleh S.Nathesan (1995) iaitu suatu adaptasi berasaskan kerangka teori Leech & Short (1981).

Kaedah pendekatan S.Nathesan (1995) dalam mengkaji laras bahasa ilmiah dalam buku teks sekolah menengah memberi fokus kepada istilah kata pinjaman yang terdapat di dalam data yang diperolehi. Seterusnya pengkaji akan merujuk kajian oleh Syahirah Almuddin (2012) sebagai asas utama ketika membuat analisis morfo-fonologi terhadap istilah kata pinjaman yang diperolehi.

Pada awal proses penganalisan data, pengkaji akan membuat analisis linguistik terhadap data-data kajian yang telah disusun dan dikategorikan mengikut kategori kata utama dalam bahasa Arab iaitu kata nama, kata kerja dan frasa. Ia kemudiannya akan direkodkan dalam komputer dalam bentuk jadual berdasarkan tiga golongan kata tersebut serta pengkelasan terhadap data berbentuk kata pinjaman. Proses analisis tersebut akan menyatakan makna dan erti bagi setiap istilah yang diperolehi. Istilah-istilah kesihatan bersifat ilmiah akan diterangkan maksudnya dengan lebih terperinci iaitu dengan

memberikan takrifan penuh berbanding dengan istilah umum yang diketahui maksudnya. Pengkaji akan menggunakan kamus-kamus utama bahasa Arab iaitu kamus al-‘Arabiyy al-Asāsiy (1989) dan kamus al-Wasīṭ (1990), manakala bagi kamus dwi-bahasa bahasa Arab - bahasa Melayu iaitu kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006) dan kamus bahasa Inggeris- bahasa Melayu iaitu kamus *Oxford Wordpower* (1999). Kamus atas talian yang dipercayai iaitu *Merriam-Webster’s Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas juga antara rujukan-rujukan utama kajian ini.


Selain bertujuan untuk mengenalpasti ketepatan makna istilah-istilah yang diperolehi, ia juga membantu pengkaji menentukan kesahihan istilah berbentuk kata pinjaman [al-dakhīl] ‘الدَّخِيل’. Pengkaji juga merujuk kepada pakar perubatan di samping membuat perbincangan dengan pakar-pakar bahasa Arab. Seterusnya pengkaji akan meneliti keseluruhan data berbentuk istilah kata pinjaman daripada aspek asal usul kata pinjaman tersebut, sebelum memberi definisi berdasarkan kamus serta menentukan kekerapan kata-kata pinjaman yang ditemui daripada keseluruhan data yang diperolehi dalam kajian ini.

Seterusnya, pengkaji akan meneliti dan menganalisis struktur morfofonologi yang berlaku terhadap istilah-istilah kata pinjaman yang digunakan di dalam akhbar al- Jazeera.net. Penelitian tersebut adalah dengan cara melihat kepada perubahan yang berlaku terhadap istilah-istilah ini daripada aspek morfologi iaitu perubahan yang berlaku terhadap pola perkataan yang dipinjam di samping meneliti perubahan

yang berlaku daripada aspek fonologi iaitu perubahan pada bunyi istilah tersebut menurut bahasa Arab.

Kajian oleh Syahirah Almuddin (2012) akan dijadikan rujukan utama dalam menganalisis struktur morfo-fonologi yang terdapat pada istilah-istilah bidang kesihatan berbentuk kata pinjaman ini. Pengkaji akan cuba mengenalpasti sama ada istilah-istilah kata pinjaman bahasa Arab tersebut telah menerima proses arabisasi / asimilasi daripada perkataan dalam bahasa lain atau tidak. (Abdul Rauf, 2002:182). Setiap kata pinjaman yang telah dianalisis akan dibuat penerangan mengenainya secara deskriptif dan terperinci dan disampaikan dalam bentuk jadual, rajah, dan carta pai sebagai sokongan.

Rajah 3.3 Proses Penganalisisan Data



3.6 Kesimpulan

Bab ini memberikan penerangan mengenai keseluruhan metodologi kajian yang dijalankan bagi memperolehi data dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Huraian mengenai kaedah kajian yang jelas amat penting agar objektif kajian dapat dicapai di akhir kajian ini dijalankan. Bab seterusnya akan menerangkan keseluruhan hasil dapatan kajian ini.

University of Malaya

BAB KEEMPAT

ANALISIS LARAS BAHASA KESIHATAN

4.0 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji akan menghuraikan hasil analisis kajian mengenai aspek laras bahasa kesihatan yang diperolehi daripada artikel-artikel kesihatan berkaitan penyakit kanser. Pengkaji meneliti keseluruhan kata yang digunakan di dalam teks artikel-artikel tersebut seterusnya membuat satu analisis linguistik bersifat deskriptif. Teori laras bahasa Leech & Short (1981) digunakan sebagai satu asas kerangka teori dalam kajian ini.

Namun begitu, pengkaji menghadkan kajian ini dengan hanya melihat aspek **leksikal dan tatabahasa** daripada empat aspek utama dalam teori ini iaitu leksikal, tatabahasa, ketenunan, dan kohesi dan konteks. Proses pengumpulan data hanya akan melibatkan data yang terdiri daripada istilah-istilah khusus dalam bidang kesihatan merangkumi istilah-istilah daripada golongan kata nama, kata kerja dan frasa.

Selain itu, istilah-istilah khusus berbentuk kata pinjaman juga akan dikeluarkan daripada keseluruhan artikel. Pengkaji akan merujuk kepada pendekatan yang digunakan oleh S. Nathesan (1995) ketika mengumpul data-data seterusnya menganalisis data-data tersebut. Hal ini disebabkan salah satu pendekatan beliau lebih memberi fokus kepada data-data melibatkan kata pinjaman. Analisis morfo-fonologi berpandukan Syahirah Almuddin (2012) pula

bertujuan melihat bentuk perubahan yang berlaku terhadap pola perkataan serta perubahan pada bunyi istilah tersebut dalam bahasa Arab.

4.1 Analisis Istilah Laras Bahasa Kesihatan Berkaitan Kanser

Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji menganalisis sejumlah 15 artikel-artikel kesihatan berkaitan kanser yang diambil daripada laman web akhbar al-Jazeera.net secara 'on-line' sebagai sumber utama data kajian. Keseluruhan artikel disalin semula daripada laman web al-Jazeera.net ke dalam perisian *Microsoft Word* bagi memudahkan pengkaji membaca dan meneliti keseluruhan isi kandungan teks artikel.

Wong (2003) dalam kajiannya yang bertajuk 'Penggunaan Laras Ekonomi Dalam Akhbar Melayu : Satu Analisis Leksikal' mengkaji leksikal istilah ekonomi yang terdapat di dalam laporan ekonomi, akhbar Utusan Melayu. Beliau membuat pengklasifikasian istilah ekonomi yang diperolehi berdasarkan empat kumpulan utama iaitu : keperluan ekonomi, tempat, aktiviti ekonomi dan pelaku. Kaedah ini dilihat memudahkan pengkaji menganalisis keseluruhan data iaitu leksikal yang ditemui dalam laporan ekonomi dan lebih tersusun.

Oleh itu, pengkaji membuat satu pembahagian istilah berdasarkan klasifikasi sesuatu penyakit. Istilah-istilah khusus berkaitan penyakit kanser akan dibahagikan mengikut lima kategori utama iaitu : **i. simptom dan gejala** iaitu menerangkan simptom-simptom atau gejala yang boleh dikenalpasti bagi mengesan penyakit kanser; **ii. punca dan faktor** menerangkan mengenai

sebab terjadinya sesuatu penyakit kanser dan hal-hal yang mempengaruhinya;

iii. jenis iaitu mengenai jenis kanser yang seringkali terjadi terhadap pesakit;

iv. kaedah rawatan pula mengenai bentuk rawatan yang boleh dilakukan oleh para doktor terhadap pesakit kanser dan **v.pencegahan dan pengawalan** yang menerangkan perihal tindakan yang boleh dilakukan oleh seseorang individu bagi mengelakkan daripada mendapat penyakit kanser atau mencegahnya daripada berulang.

4.1.1 Analisis Istilah Kata Nama

Berdasarkan data kajian ni, pengkaji mendapati bahawa terdapat 89 istilah-istilah berbentuk kata nama yang digunakan dalam laras bahasa kesihatan di dalam artikel kesihatan akhbar al-Jazeera.net. Keseluruhan istilah ini diterangkan berdasarkan kepada dua aspek iaitu istilah berbentuk khusus dan istilah yang berkaitan secara langsung. Jadual di bawah menunjukkan keseluruhan senarai istilah kata nama yang ditemui.

Jadual 4.1 Senarai Istilah Kata Nama

Bil.	Istilah	Pengertian
1.	السَّرَطَانُ	Kanser, barah
2.	الإِصَابَةُ	Dihidapi
3.	المَرَضُ / الأَمْرَاضُ	Penyakit
4.	البَاحِثُونَ	Pengkaji, penyelidik
5.	الطَّيِّبُ / الأَطِبَّاءُ	Doktor
6.	الحِمَايَةُ	Perlindungan
7.	المَرِيضُ / المَرَضَى / المَرِيضَةُ	Pesakit
8.	الأَوْزَامُ / الوَرَمُ	Bengkak / tumor
9.	المُسْتَشْفَيَاتُ	Hospital-hospital

10.	الطَّبُّ	Perubatan
11.	الأنسجة	Tisu
12.	الدم	Darah
13.	المُصَابَات	Pengidap
14.	المَوْتُ	Kematian
15.	العقاقير	Ubat tradisional
16.	العَثِيَانُ	Meloya, mual
17.	الأبحاثُ / البحوثُ	Kajian
18.	الطَّمْتُ	Senggugut
19.	الحَلَايَا	Sel
20.	الوقائي / الوقائية	Pencegahan
21.	الأقراصُ	Pil
22.	الإلتهابات	Keradangan
23.	اللِّقَاحُ	Vaksin
24.	الحقنُ	Suntikan
25.	العلومُ	Sains
26.	الإكتشافُ	Penemuan
27.	المُتَلَازِمَةُ	Sindrom
28.	التَّبَرُّعُ	Pendermaan
29.	النَّفْسِيَّةُ	Jiwa
30.	التطعيمُ / التطعيمات	Vaksinasi
31.	التَّحْسُنُ	Pembaikan
32.	التَّقْنِيَّةُ	Teknik
33.	السَّحَايَا	Pengelupasan @ meningitis
34.	اِحْتِبَارُ	Uji kaji, eksperimen
35.	بَشْرَةٌ	Kulit
36.	تَشْخِيصُ	Diagnosis
37.	صَبَعَاتُ	Kromosom
38.	شِفَاءُ	Penawar, penyembuh

39.	إِسْتِصْالٌ	Pembasmian
40.	مُحَاصِرَةٌ	Pengawalan
41.	فَحْصٌ	Pemeriksaan
42.	تَجَارِبُ / تَجْرِبَةٌ	Uji kaji, ujian, percubaan
43.	نُمُوٌّ	Pertumbuhan
44.	مُقَاوَمَةٌ	Penentangan
45.	تَطْوِيرٌ	Perkembangan
46.	طَفْرَاتٌ	Pembekuan
47.	تَرْمِيمٌ	Pemulihan
48.	خَبِيرٌ	Pakar
49.	مُهَاجِمَةٌ	Serangan
50.	مُحَارَبَةٌ	Melawan @ memerangi
51.	مُعَاجَلَةٌ	Rawatan
52.	مِنَاعَةٌ	Imunisasi
53.	تَطْبِيقٌ	Aplikasi
54.	زِيَادَةٌ	Penambahan
55.	ارْتِفَاعٌ	Peningkatan
56.	إِنْقَادٌ	Menyelamatkan
57.	إِبْطَاءٌ	Memperlahankan
58.	إِحْتِوَاءٌ	Pencegahan
59.	مُكَافَحَةٌ	Menentang
60.	تَدْمِيرٌ	Kemusnahan
61.	تَخْفِيفٌ	Pengurangan, penurunan
62.	أَضْرَارًا / الضَّرَرُ	Kemudaratan
63.	الجِرَاحَةُ / جِرَاحَاتٌ	Pembedahan
64.	عِلَاجٌ / الْعِلَاجَاتُ	Rawatan
65.	الأَدْوِيَةُ / دَوَاءٌ	Ubat-ubatan
66.	مُصَابُونَ / الْمُصَابِينَ	Pengidap-pengidap
67.	الكُرُومُوسُومَاتُ	Kromosom iaitu jasad yang membawa gen yang mengandungi DNA dan protein, dan

		terdapat pada nukleus sel (Kamus Dewan Edisi Keempat : 831)
68.	الأنيميا	Anemia iaitu 'a reduction in the quantity of the oxygen-carrying pigment haemoglobin in the blood' ertinya keadaan pengurangan kuantiti pigmen hemoglobin yang membawa oksigen di dalam darah. (Kamus Concise Medical Dictionary Edisi Keempat)
69.	القولون	Kolon iaitu bahagian usus besar dari usus buntu hingga ke hujung usus. (Kamus Dewan Edisi Keempat: 806)
70.	الكوليستيرول	Kolesterol iaitu komponen asid lemak tepu yang terdapat dalam lemak haiwan seperti mentega, kuning telur, dan sebagainya yang dikatakan mempunyai kesan buruk pada sistem peredaran darah. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 806)
71.	الجينة	Gen iaitu sebahagian daripada jujuk sel pada benda hidup, yang mengawal ciri fizikal, pertumbuhan, dan perkembangan benda hidup yang berkenaan. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 456)
72.	الدكتور	Doktor
73.	اللوكيميا	Leukimia iaitu sejenis penyakit yang kronik atau berlarut-larutan oleh sebab terdapatnya leukosit yang berkembang biak dan meresap ke dalam sumsum tulang, limpa dan lain-lain, dan membinasakan alat-alat tubuh yang membentuk darah. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 934)
74.	البكتيريا	Bakteria iaitu organisma seni yang hidup dalam tanah, air, bahan organik atau badan tumbuh-tumbuhan dan haiwan, dan sesetengahnya boleh menyebabkan penyakit. (Kamus Dewan Edisi Keempat: 112)
75.	الهربس	Herpes iaitu sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus, yang menyebabkan terjadinya lepuh-lepuh kecil berair pada kulit. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 529)

76.	الميلانوما	Melanoma iaitu ' <i>a type of cancer or tumor that begins as a dark spot or area on the skin</i> '. Ertinya, sejenis barah atau tumor yang mula terbentuk sebagai satu tompok gelap pada permukaan kulit. (Merriam Webster's Colligate Online Dictionary Edisi Kedua belas)
77.	الكيميائي	Kemoterapi iaitu cara rawatan yang menggunakan bahan kimia tertentu untuk merawat dan mengawal sesetengah penyakit terutamanya penyakit kanser. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 733)
78.	إنفلونزا	Demam Selesema
79.	إمونيولوجي	Imunologi iaitu cabang ilmu perubatan yang berkaitan dengan pelalian atau daya tahan terhadap penyakit. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 572)
80.	هيموفيليس	Hemophilia iaitu penyakit keturunan yang menyebabkan darah penghidapnya sukar membeku hingga mengakibatkan perdarahan yang teruk apabila terluka. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 526)
81.	أفلاتوكسين	Aflatoksin iaitu ' <i>any of several carcinogenic mycotoxins that are produced especially in stored agricultural crops (as peanuts) by molds (as Aspergillus flavus)</i> '. Ertinya, aflatoksin diterangkan sebagai apa-apa mikotoksin karsinogenik yang dihasilkan terutamanya di dalam tanaman pertanian yang disimpan seperti kacang tanah mengikut acuan seperti <i>Aspergillus flavus</i> . (Kamus Merriam-Webster's Colligate Online Dictionary Edisi Kedua belas)
82.	3-أوميغا	Omega-3 iaitu ' <i>being or composed of polyunsaturated fatty acids that have the final double bond in the hydrocarbon chain between the third and fourth carbon atoms from the end of the molecule and that are found especially in fish, fish oils, vegetable oils, and green leafy vegetables</i> '. Ertinya, 'omega-3' merupakan suatu unsur yang terdiri daripada asid lemak poli tak tepu yang mempunyai ikatan kembar terakhir dalam rantaian hidrokarbon ketiga dan keempat

		dari akhir molekul dan kebiasaannya ditemui pada ikan, minyak ikan, minyak sayuran dan sayur-sayuran berdaun hijau (<i>Merriam-Webster's Colligiate Dictionary</i> Edisi kesepuluh)
83.	تيلُمويرات	<i>Telomere</i> iaitu 'the natural end of a eukaryotic chromosome composed of a usually repetitive DNA sequence and serving to stabilize the chromosome'. Ertinya, bahagian hujung semulajadi pada kromosom eukariotik yang terdiri daripada urutan DNA berulang dan ia bertindak menstabilkan kromosom. (Kamus <i>Merriam Webster's Colligiate Online Dictionary</i> Edisi Kedua belas)
84.	غلايفوسات	<i>Glyphosate</i> iaitu 'a systemic organophosphate herbicide (C ₃ H ₈ NO ₅ P) used to control herbaceous and woody weeds especially on croplands'. Ertinya, sejenis racun rumpai jenis organofosfat yang sistemik yang digunakan untuk mengawal tumbuhan rumput dan rumpai yang berakar kukuh terutamanya pada tanah pertanian. (Kamus <i>Merriam-Webster's Colligiate Online Dictionary</i> Edisi Kedua belas)
85.	كريم	Krim iaitu bahan berubat yang pekat dan lembut seperti krim yang digunakan untuk melembutkan kulit, menyerikan rambut dan sebagainya (Kamus Dewan Edisi Keempat : 829).
86.	نيكوتيناميد	Nikotina iaitu sejenis bahan beracun yang terdapat dalam tembakau dan digunakan sebagai racun serangga dan pewasap. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 1081)
87.	فيتامين	Vitamin iaitu satu bahan organik yang sangat penting yang diperlukan oleh badan dengan jumlah yang kecil dan berperanan dalam pertumbuhan normal, pengawalan kesihatan dan pencegahan penyakit. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 1790)
88.	بروتين	Protein iaitu zat yang membina tubuh yang terdapat dalam daging, susu, telur dan lain-lain serta memperbaiki segala bahagian tubuh yang rosak, luka atau cedera. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 1236).

89.	فَيْرُوسٌ / فَيْرُوسَات	Virus iaitu sejenis kuman yang lebih halus daripada bakteria yang boleh menyebabkan penyakit kepada manusia, haiwan atau tumbuhan. (Kamus Dewan Edisi Keempat : 1790)
-----	-------------------------	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

a) **Berbentuk Khusus:**

Pengkaji mendapati sejumlah 45 istilah kesihatan yang khusus digunakan dalam laras bahasa kesihatan daripada jenis kata nama. Istilah-istilah khusus bidang kesihatan dirumuskan sebagai satu konsep mengenai penggunaan istilah-istilah yang hanya khusus bagi bidang kesihatan itu sendiri. Istilah-istilah ini melibatkan aspek makna yang secara langsung difahami hanya di dalam bidang kesihatan sahaja.

Jadual 4.2 Senarai Istilah Kata Nama Berbentuk Khusus

Bil.	Istilah	Pengertian
1.	السَّرَطَان	Kanser, barah
2.	الإِصَابَة	Dihadapi
3.	الْمَرَضُ / الْأَمْرَاضُ	Penyakit
4.	الطَّيِّبُ / الْأَطْبَاءُ	Doktor
5.	الْمَرِيضُ / الْمَرِيضَى / الْمَرِيضَةُ	Pesakit
6.	الْأَوْرَامُ / الْوَرَمُ	Bengkak/tumor
7.	الْمُسْتَشْفِيَّات	Hospital-hospital
8.	الطَّبُّ	Perubatan
9.	الْأَنْسِجَةُ	Tisu
10.	الْمُصَابَات	Pengidap
11.	الْعَقَاقِيرُ	Ubat tradisional
12.	الْحَلَايَا	Sel

13.	الأَقْرَاصُ	Pil
14.	اللِّقَاحُ	Vaksin
15.	الحِثْنُ	Suntikan
16.	العُلُومُ	Sains
17.	المُتَلَاذِمَةُ	Sindrom
18.	النَّفْسِيَّةُ	Jiwa
19.	التَّطْعِيمُ / التَّطْعِيمَاتُ	Vaksinasi
20.	السَّحَايَا	Pengelupasan @meningitis
21.	اِخْتِبَارٌ	Uji kaji, eksperimen
22.	بَشْرَةٌ	Kulit
23.	صَبَعَاتٌ	Kromosom
24.	شِفَاءٌ	Penawar, penyembuh
25.	فَحْصٌ	Pemeriksaan
26.	تَجَارِبُ / تَجْرِبَةٌ	Uji kaji, ujian, percubaan
27.	مُعَالَجَةٌ	Rawatan
28.	مَنْعَةٌ	Imunisasi
29.	الجِرَاحَةُ / جِرَاحَاتٌ	Pembedahan
30.	عِلَاجٌ / العِلَاجَاتُ	Rawatan
31.	الأَدْوِيَّةُ / دَوَاءٌ	Ubat-ubatan
32.	مُصَابُونَ / المُصَابِينَ	Pengidap-pengidap
33.	الكُرُومُوسُومَاتُ	Kromosom
34.	الْأَنِيمِيَا	Anemia
35.	الكُولِيسْتِيرُولُ	Kolesterol
36.	الدُّكْتُورُ	Doktor
37.	إِنْفِلُونزَا	Demam selesema
38.	إِمِّيُونُولُوجِي	Imunologi
39.	هِيْمُوفِيلِيْسُ	Hemophilia

40.	3-أوميغا	Omega-3
41.	تيلوميرات	'Telomere'
42.	كريم	Krim
43.	فيتامين	Vitamin
44.	بروتين	Protein
45.	فيروس / فيروسات	Virus

Antara istilah di atas ialah, perkataan [al-marād] المَرَضُ bermaksud 'penyakit' yang ditemui dalam kebanyakan artikel yang dikaji. Ia digunakan juga dalam bentuk jamak seperti [al-a'mrād] الأَمْرَاضُ yang bermaksud 'penyakit-penyakit'. Perkataan 'penyakit' bersifat khusus dalam bidang kesihatan kerana bidang kesihatan itu sendiri memperkatakan tentang tahap kesihatan seseorang individu. Tahap kesihatan akan terjejas dengan kehadiran simptom-simptom yang menunjukkan tubuh badan mengalami penyakit tertentu. Perkataan ini biasa ditemui di dalam artikel berkaitan kesihatan dalam apa jua bentuk terbitan dan tidak hanya ditemui di dalam akhbar al-Jazeera.net sahaja.

Selain itu, terdapat istilah lain yang ditemui seperti [al-ṭabīb] الطَّبِيبُ yang bermaksud 'dokter' iaitu orang yang berkelayakan untuk merawat pesakit, termasuklah perkataan [al-a'tibbā'] الأَطِبَّاءُ yang menerangkan maksud jamak iaitu 'dokter-dokter'. Doktor diketahui umum sebagai orang yang bertanggungjawab dalam memberikan rawatan kepada pesakit dan sebagai tempat rujukan pesakit mengenai penyakit-penyakit tertentu. Kebiasaannya, doktor menjadi individu yang bertanggungjawab mengdiagnosis apa-apa penyakit yang dihadapi oleh pesakit berdasarkan simptom-simptom yang ditunjukkan oleh pesakit dengan bantuan alat-alat tertentu dan kecanggihan

teknologi bidang perubatan dan berupaya memberikan khidmat nasihat kepada pesakit ke arah amalan gaya hidup yang lebih sihat.

Begitu juga dengan perkataan [al-marīḍ] المَرِيضُ yang bermaksud ‘pesakit’ dan perkataan [al-marḍā] المَرَضَى iaitu ‘pesakit-pesakit’. Individu yang mengalami apa-apa penyakit disebut ‘pesakit’. Artikel kesihatan memberikan penerangan berkaitan hal-hal kesihatan dan maklumat-maklumat ini biasanya ditujukan kepada individu sihat termasuklah pesakit sebagai makluman dan peringatan penting supaya menjaga kesihatan, sebagai makluman dalam mengawal penyakit yang dihidap. Dalam bidang kesihatan, istilah ‘pesakit’ merupakan istilah khusus kerana pesakit wujud di seluruh dunia, maka ia sememangnya digunakan secara meluas dalam apa jua medium penyebaran maklumat berkaitan kesihatan.

Perkataan [al-mustashfayāt] المُسْتَشْفَيَاتُ yang bermaksud ‘hospital’ juga merupakan istilah khusus dalam bidang kesihatan. Ia merupakan satu institut yang memberikan khidmat berkaitan kesihatan merangkumi aspek rawatan, khidmat nasihat, pengubatan, terapi dan sebagainya. Hospital wujud di seluruh dunia kerana keperluan pesakit terhadap khidmat yang disediakan dan membantu menjaga kebajikan pesakit. Perkataan [al-a’dwīyah] الأَدْوِيَّةُ juga antara istilah khusus bagi bidang kesihatan. Ia diterangkan sebagai satu bahan yang membantu dalam proses rawatan dan penyembuhan sesuatu penyakit.

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap keseluruhan artikel berkaitan penyakit kanser, pengkaji turut menemui beberapa istilah-istilah khusus bagi

penyakit kanser antaranya perkataan [al-saraṭān] ‘السَّرَطَانُ’ yang merujuk kepada penyakit ‘kanser’ atau barah itu sendiri. Barah bermaksud ketumbuhan berbahaya pada kulit atau pada tisu di dalam tubuh yang disebabkan oleh pertumbuhan sel yang tidak mengikut kadar yang normal disebabkan oleh pengaruh bahan-bahan karsinogen seperti bahan kimia dan virus. (Kamus Dewan Edisi Keempat: 2005,128).

Terdapat istilah-istilah khusus berkaitan kanser yang lain antaranya, perkataan [al-kurūmūsūm] ‘الْكُرُومُوسُومُ’ yang bermaksud ‘kromosom’. Kamus *Merriam-Webster's Colligate Dictionary* : Edisi Kesepuluh, mengkategorikan perkataan ini sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)*, iaitu merupakan satu istilah saintifik dalam perihal penyakit kanser (1995 : 204). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005 : 831), kromosom merupakan satu istilah biologi yang bermaksud jasad yang membawa gen yang mengandungi DNA dan protein terdapat pada nukleus sel.

Perkataan [al-waram] ‘الْوَرَمُ’ juga merupakan satu istilah khusus bagi penyakit kanser. Ia bermaksud tumor, iaitu suatu ketumbuhan yang tidak normal terjadi sebagai antara salah satu simptom bagi penyakit kanser. Sebagai contoh, bagi penyakit kanser payu dara, antara simptom-simptom awal penyakit ini ialah kewujudan sel tumor atau ketumbuhan di bahagian tersebut dan ia boleh dikenalpasti melalui beberapa bentuk pemeriksaan dengan bantuan para doktor.

Beberapa contoh yang telah dijelaskan sebelum ini dilihat sebagai istilah-istilah khusus bagi bidang kesihatan berdasarkan kepada makna yang dibawa olehnya

serta penggunaannya yang hanya khusus dalam bidang ini. Oleh itu, ia boleh dianggap sebagai satu istilah bidang kesihatan.

b) Berkaitan Secara Langsung:

Pengkaji melihat apa-apa jua perkataan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kesihatan akan turut dipilih sebagai dapatan kajian. Ia melibatkan pemilihan perkataan yang digunakan bagi menerangkan hal-hal berkaitan bidang kesihatan dan membawa erti yang relevan dengan bidang tersebut.

Pemilihan perkataan ini juga dibuat berdasarkan kepada pembahagian penyakit kanser yang telah dirangka sebelum ini iaitu dengan mengkategorikan perkataan-perkataan yang mempunyai kaitan secara langsung berdasarkan kepada **i. simptom dan gejala; ii. punca dan faktor; iii. jenis; iv. rawatan; dan v. pencegahan dan pengawalan** bagi sesuatu penyakit kanser.

Kesahihan leksikal dan kategorinya dipastikan dengan merujuk kepada kamus-kamus perubatan, pakar perubatan dan membuat perbincangan dengan pakar-pakar kesihatan. Sejumlah 44 istilah dikategorikan sebagai istilah yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kesihatan.

Jadual 4.3 Senarai Istilah Kata Nama Berkaitan Secara Langsung

Kategori	Istilah
----------	---------

1. Simptom dan gejala	- الدَّمُّ، العَنِّيَان، الطَّمْتُ، الإلْتِهَابَات، طَفَرَات، زِيَادَةٌ، ارْتِفَاعٌ
2. Punca dan faktor	- مُؤْمُو، تَطْوِيرٌ، الجِينَةُ، البَكْتِيرِيَا، أَفْلَاتُونُوكْسِين، غِلَايْفُوسَات، نِيكُوتِينَامِيد
3. Jenis	- القَوْلُونُ، اللُّوكِيمِيَا، الهُرْبِس، المِيلَانُومَا
4. Rawatan	- التَّبَرُّعُ، التَّغْنِيَّةُ، تَشْحِيصٌ، مَقَاوِمَةٌ، تَرْمِيمٌ، مُهَاجِمَةٌ، مُحَارِبَةٌ، تَطْبِيقٌ، مُكَافَحَةٌ، الكِيمِيَاثِي، تَدْمِيرٌ، إِنْقَادٌ
5. Pencegahan dan pengawalan	- البَاحِثُونُ، الحِمَايَةُ، المَوْتُ، الأَبْحَاطُ / البُحُوثُ، الوَقَايَةُ / الوَقَائِي، الإِكْتِشَافُ، التَّحْسُنُ، إِسْتِنْصَالٌ، مُحَاصِرَةٌ، خَبِيرٌ، تَخْفِيزٌ، أَضْرَارًا / الضَّرْرُ، إِبْطَاءٌ، إِحْتِوَاءٌ

Sebagai contoh, perkataan [muqāwamah] ‘مُقَاوِمَةٌ’ merupakan satu kata nama yang bermaksud ‘penentangan’. Ia dapat dikategorikan di bawah jenis rawatan penyakit kanser. Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan terhadap salah satu artikel kajian, pengkaji mendapati bahawa makna perkataan ini mempunyai kaitan dengan bidang kesihatan. Dalam bidang kesihatan, seseorang pengidap penyakit kanser memerlukan rawatan khusus bagi menentang penyakit tersebut. Rawatan ini akan mencegah sel-sel kanser daripada terus merebak. Penggunaan perkataan ini memberikan gambaran kepada proses yang berlaku apabila seseorang pesakit menghadapi penyakit kanser termasuklah penyakit-penyakit lain. Proses ini kebiasaannya dijelaskan dalam hal-hal berkaitan rawatan yang diberikan seperti rawatan radioterapi dan kemoterapi selain rawatan-rawatan lain seperti suntikan vaksin bagi menguatkan sistem imun.

Selain itu, perkataan [al-damm] **الدَّمُّ** yang bermaksud ‘darah’ juga mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kesihatan terutamanya penyakit kanser. Ia menerangkan mengenai antara bentuk ujian yang boleh dilakukan bagi mengenalpasti penyakit ini. Ia dijalankan apabila seseorang itu mengesan beberapa simptom yang menunjukkan kewujudan penyakit kanser. Pelbagai penyakit boleh dikesan dengan cara melakukan ujian darah. Darah yang diambil akan dibawa ke makmal penyelidikan bagi menjalankan ujian perubatan ke atasnya. Perkataan ini dikelaskan sebagai satu istilah bidang kesihatan yang berkaitan dengan simptom dan gejala bagi sesuatu penyakit. Ujian darah yang dijalankan lebih awal dapat mengesan sesuatu ketidaknormalan yang terjadi pada tubuh badan.

Perkataan [al-mawt] **المَوْتُ** pula yang bermaksud ‘kematian’ juga mempunyai hubungan secara langsung dengan bidang kesihatan. Istilah ini dapat dikategorikan di bawah pencegahan dan pengawalan. Seseorang pesakit kanser yang mengesan penyakit ini lebih awal mempunyai peluang tinggi untuk sembuh semula dengan bantuan rawatan yang dijalankan. Namun, jika ia dikesan pada peringkat akhir, pesakit berkemungkinan tidak mempunyai peluang yang tinggi untuk sembuh dan akan menghadapi kematian. Oleh itu, perkataan ini juga dianggap istilah bidang kesihatan kerana ia relevan dan boleh diterima.

Selain itu, perkataan [al-qūlūn] **القُولُونُ** yang bermaksud ‘kolon’, [al-thadyu] **الثَدْيُ** ertinya ‘payudara’, dan [al-ri’ah] **الرِّئَةُ** iaitu ‘paru-paru’ juga mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kesihatan terutamanya

berkaitan jenis penyakit kanser. Penyakit kanser boleh berlaku pada organ-organ tubuh badan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Ia boleh berlaku pada organ-organ utama di dalam tubuh badan termasuklah organ-organ yang kecil seperti mata dan telinga. Perkataan [al-lūkīmīyyā] ‘اللُّوكِيمِيَّا’ iaitu sejenis kanser berkaitan sel darah merah dikenali sebagai leukemia. Perkataan ini dikategorikan sebagai istilah yang mempunyai kaitan secara langsung dengan jenis penyakit kanser iaitu sejenis kanser yang boleh berlaku pada sel-sel darah di dalam tubuh badan. Oleh itu, perkataan ini juga boleh dianggap sebagai satu istilah bidang kesihatan.

Perkataan [nīkūtīnāmīd] ‘نِيكُوتِينَامِيد’ juga merupakan antara perkataan yang mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kesihatan. Ia bermaksud ‘nikotina’ iaitu sejenis bahan kimia beracun yang terdapat dalam tembakau dan digunakan sebagai racun serangga dan pewasap (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005 :1081). Bahan kimia ini ditemui di dalam rokok dan amalan merokok merupakan antara faktor utama yang menyumbang terjadinya kanser paru-paru. Hal ini disebabkan oleh kandungan nikotina yang tinggi di dalam asap rokok tersebut akan mengakibatkan sel paru-paru terjejas dan menjadi rosak seterusnya akan bertukar menjadi sel kanser. Oleh itu, perkataan ini dikategorikan sebagai satu istilah bidang kesihatan iaitu di bawah kategori punca dan faktor. Keseluruhan contoh yang dijelaskan ini menunjukkan ia sebagai satu istilah yang berkaitan secara langsung dengan bidang kesihatan.

4.1.2 Analisis Istilah Kata Kerja

Dalam kelas kata kerja pula, sebanyak 32 istilah bidang kesihatan diperolehi daripada data kajian ini.

Jadual 4.4 Senarai Istilah Kata Kerja

Bil.	Istilah	Pengertian
1.	ابْتَكَّرَ	Mencipta
2.	أَصِيبُوا / أُصِيبَتْ	Menghidap, mengidap
3.	يَتَنَبَّأُ	Meramalkan, menjangkakan,
4.	يَكْشِفُ	Mendedahkan
5.	تَطَوَّرَ	Berkembang
6.	تَهَدَّدُ	Mengancam,
7.	حَمَى	Melindungi,
8.	يَتَعَرَّضُ	Terdedah
9.	خَضَعُوا	Akur, patuh
10.	تُعَالَجُ	Merawat
11.	يَمُوتُونَ	Mati
12.	يَنْتَشِرُ	Merebak
13.	يَقْتُلُ / قَتَلَ	Membunuh
14.	أُجْرِيَتْ / جَرَتْ	Dijalankan
15.	يَنْشَأُ	Terjadi, terbentuk
16.	يَقِي	Melindungi
17.	يَجْتَنِبُ	Mengelakkan, menjauhi
18.	يُدَمِّرُ	Memusnahkan
19.	تُفْسِدُ	Merosakkan
20.	يَكْبَحُ	Mencegah, menghalang, menahan
21.	يُقَاوِمُ	Melawan
22.	يُخْتَبَرُ / اخْتَبِرَتْ	Menguji
23.	أَكَّدَتْ	Mengesahkan, membuktikan
24.	يُجَارِبُ	Menentang, melawan

25.	تُعَانِي	Menderita, mengalami
26.	شُفِيَتْ	Sembuh
27.	سَقَطَ	Gugur, luruh
28.	يَلْقَى	Berdepan
29.	تُقَلِّلُ	Mengurangkan
30.	يَضُرُّ	Memudaratkan
31.	يُشَخِّصُ	Mendiagnosis
32.	حَقَنَ	Menyuntik

a) Berbentuk Khusus

Bagi kategori ini, terdapat sejumlah 11 istilah yang khusus digunakan dalam laras bahasa kesihatan.

Jadual 4.5 Senarai Istilah Kata Kerja Berbentuk Khusus

Bil.	Istilah	Pengertian
1.	أُصِيبْتُ / أُصِيبُوا	Menghidap, mengidap
2.	تُعَالَجُ	Merawat
3.	يَقْتُلُ / قَتَلَ	Membunuh
4.	تُفْسِدُ	Merosakkan
5.	يَحْتَبِرُ / اِحْتَبَرْتُ	Menguji
6.	أَكَّدَتْ	Mengesahkan, membuktikan
7.	تُعَانِي	Menderita, mengalami
8.	شُفِيَتْ	Sembuh
9.	يَضُرُّ	Memudaratkan
10.	يُشَخِّصُ	Mengdiagnosis
11.	حَقَنَ	Menyuntik

Perkataan [tuā'liju] نُعَالِجُ yang bermaksud 'merawat' menerangkan proses yang berlaku apabila seorang doktor memberi rawatan yang sewajarnya ke atas seorang pesakit berdasarkan kepada jenis penyakit yang dihadapi. Proses rawatan ini melibatkan pelbagai bentuk rawatan antaranya melalui pemberian ubat-ubatan, rawatan kemoterapi, radioterapi dan melalui pembedahan.

Begitu juga dengan perkataan [‘uṣṭībū] أُصِيبُوا bermaksud 'menghidap'. Ia menerangkan keadaan seorang pesakit yang mengalami sesuatu penyakit. Ia ditentukan berdasarkan kepada beberapa simptom-simptom yang boleh dilihat pada seseorang pesakit sama ada dapat dilihat secara mata kasar atau melalui pengesahan ujian klinikal oleh pakar-pakar berkaitan.

Perkataan [yushakhkhiṣu] يُشَخِّصُ iaitu 'mendiagnosis' pula menunjukkan kaedah menentukan sesuatu penyakit melalui ujian dan sebagainya yang dilakukan oleh doktor bagi mengesahkan sesuatu penyakit yang dihadapi oleh pesakit. Kedua-dua perkataan ini digunakan dengan kerap dalam menerangkan proses yang kebiasaan berlaku dalam hal-hal berkaitan bidang kesihatan.

Manakala perkataan [shufiyat] شُفِيَتْ yang bermaksud 'sembuh' menerangkan keadaan seorang pesakit yang telah sembuh dan pulih daripada penyakit yang dihadapi. Seseorang yang disahkan menghidap sesuatu penyakit akan menjalani proses rawatan bagi mengubati penyakit yang dialami. Lebih awal rawatan diberikan, lebih tinggi peratusan untuk pesakit itu sembuh.

Pengkaji juga menemui perkataan [haqana] ‘حَقْنٌ’ yang bermaksud ‘menyuntik’. Kata kerja ini bermaksud satu perbuatan memasukkan ubatan atau cecair ke dalam badan dengan jarum (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005 : 1545). Tindakan ini dilakukan oleh orang yang bertauliah seperti para doktor dan jururawat terhadap mana-mana pesakit yang memerlukannya. Kesemua contoh yang dijelaskan ini mempunyai kaitan dengan bidang kesihatan secara khusus. Maka, ia merupakan antara istilah-istilah bidang kesihatan.

b) Berkaitan Secara Langsung

Dalam pembahagian ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa mana-mana kata kerja yang mempunyai kaitan secara langsung dengan penyakit kanser berdasarkan lima kategori yang ditetapkan sebelum ini akan turut dikira sebagai satu istilah bidang kesihatan. Terdapat 21 istilah kata kerja yang berkaitan secara langsung dengan bidang kesihatan.

Jadual 4.6 Senarai Istilah Kata Kerja Berkaitan Secara Langsung

Kategori	Istilah
1. Simptom dan gejala	- تَطَوَّرَ، تَهَدَّدُ، يَنْتَشِرُ، يَنْشَأُ،
2. Punca dan faktor	- يَنْتَبَأُ، يَكْشِفُ، يَنْعَرِضُ،
3. Jenis	-
4. Rawatan	- أُجْرِيَتْ / جَرَّتْ، يُدَمَّرُ، يُقَاوَمُ، يُجَارِبُ، سَقَطَ، تُقَلِّلُ، تُقَلِّلُ
5. Pencegahan dan pengawalan	- ابْتَكَرَ، تَحْمِي، خَضَعُوا، يَمُوتُونَ، يَبْقِي، يُجَنَّبُ، يَكْتَبِحُ،

Sebagai contoh, perkataan kata kerja seperti [taṭawwara] تَطَوَّرَ yang bermaksud ‘berkembang’ juga mempunyai hubungan dengan bidang kesihatan. Istilah ini dapat dikategorikan di bawah pembahagian simptom dan gejala bagi penyakit kanser. Ia menerangkan proses di mana sel-sel kanser berkembang dan semakin bertambah di dalam tubuh badan seseorang pesakit sehingga ia mampu menjejaskan organ-organ lain yang berkaitan.

Terdapat juga istilah-istilah daripada kategori kata kerja yang dilihat khusus dalam hal penyakit kanser. Misalnya, perkataan [saqaṭa] سَقَطَ yang ditemui oleh pengkaji di dalam artikel berkaitan penyakit kanser. Ia dikategorikan di bawah kategori rawatan. Perkataan ini bermaksud ‘luruh’. Kata kerja ini digunakan bersama perkataan [al-sha’r] الشَّعْرُ iaitu ‘rambut’ khusus bagi menerangkan kesan sampingan yang dialami oleh seorang pesakit kanser apabila menjalani beberapa siri rawatan kemoterapi dan radioterapi antaranya mengalami keguguran rambut yang teruk. Ia sering kali terjadi bagi pesakit yang menjalani rawatan seperti kemoterapi dan radioterapi disebabkan penggunaan bahan radioaktif pada tahap yang tinggi bagi membunuh sel-sel kanser.

Selain itu, perkataan [yudammiru] يَدْمُرُ juga mempunyai kaitan langsung dengan bidang kesihatan dan boleh dianggap sebagai satu istilah bidang ini. Ia bermaksud ‘memusnahkan’. Perkataan ini dikategorikan di bawah kategori rawatan. Dalam bidang kesihatan, terdapat beberapa bentuk rawatan yang boleh dilakukan bagi menyembuhkan penyakit. Penyakit kanser terjadi melibatkan kewujudan beberapa sel kanser di dalam tubuh badan pesakit dan ia

perlu dimusnahkan dengan beberapa cara seperti melalui pembedahan, pengambilan ubat-ubatan, rawatan kemoterapi dan radioterapi. Rawatan ini akan membunuh sel-sel kanser tersebut dan akan mengurangkan ancamannya terhadap tubuh badan. Oleh itu, kata kerja ‘memusnahkan’ ini mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kesihatan dan ia dianggap sebagai satu istilah bidang ini.

Perkataan [yamūtūna] ‘يَمُوتُونَ’ juga merupakan satu istilah yang berkaitan langsung dengan bidang kesihatan. Ia bermaksud ‘mati’. Apabila seseorang pesakit tidak mendapatkan rawatan yang betul dengan segera, pesakit tersebut berisiko berhadapan kematian apatah lagi bagi pesakit yang mendapat penyakit yang kronik seperti penyakit kanser. Perkataan ini dilihat berkaitan dengan kategori pencegahan dan pengawalan.

Perkataan [yata‘arradu] ‘يَتَعَرَّضُ’ yang bermaksud ‘terdedah’ menerangkan keadaan seseorang yang melakukan aktiviti luar akan banyak terdedah kepada pelbagai risiko penyebab penyakit kanser terutamanya daripada sinaran matahari. Sinaran ultra-ungu yang terdapat di dalam sinaran matahari merupakan antara faktor yang menyebabkan terjadinya kanser kulit. Oleh itu, perkataan ini dikira sebagai satu istilah bidang kesihatan yang tergolong di bawah kategori punca dan faktor.

4.1.3 Analisis Istilah Frasa

Jadual 4.7 Senarai Istilah Frasa

Bil.	Istilah	Pengertian
1.	الأَعْلَمَةُ الْوَقَائِيَّةُ	Sarung pelindungan
2.	الْحَمْضُ النَّوَوِي الرَّبِّي	<i>Deoxyribonucleic Acid (DNA)</i>
3.	أَشِعَّةُ الشَّمْسِ	Sinaran matahari
4.	الرَّابِطَةُ الْأَلْمَانِيَّةُ لِأَطْبَاءِ الْجُلْدِيَّةِ	Persatuan doktor dermatologi Jerman
5.	الْأَشِعَّةُ فَوْقَ الْبِنْفَسِيَّةِ	Sinaran ultra-ungu
6.	كِرِيمُ الْحِمَايَةِ	Krim perlindungan
7.	ظُرُوفُ صِحِّيَّةِ	Keadaan kesihatan
8.	مُتَعَيِّرَاتٌ غَيْرُ سَرِيرِيَّةِ	Pemboleh ubah bukan teknikal
9.	كُلِّيَّةُ الطَّبِّ	Fakulti perubatan
10.	الْأَنْسَجَةُ الْمُصَابَةِ	Tisu berpenyakit
11.	النِّظَامُ الْمَنَاعِي	Sistem imun
12.	عِلْمُ الْأَوْرَامِ	Ilmu bengkak / tumor
13.	فَحْصُ الدَّمِّ	Pemeriksaan darah
14.	خَلَايَا غَيْرُ طَبِيعِيَّةِ	Sel tidak normal
15.	إِنْقِطَاعُ الطَّمْثِ	Menapous
16.	فَحْصُ مُسْتَوِيَّاتِ بُرُوتِينَ	Pemeriksaan paras protein
17.	جِهَازُ الْمَنَاعَةِ	Alat imunisasi
18.	الْخَلَايَا الشَّادَّةُ	Sel ganjil @ aneh
19.	الْأَمْرَاضُ الْجُلْدِيَّةِ	Penyakit kulit
20.	الْخَلَايَا الْمُصَابَةِ	Sel yang dijangkiti
21.	دِرَاسَاتُ طَبِيبِيَّةِ	Kajian perubatan
22.	الْأَدَاءُ الدَّهْنِي	Keupayaan mental
23.	حِمَايَةُ الْقَلْبِ	Penjagaan jantung
24.	إِرْتِفَاعُ دُهُونِ الدَّمِّ	Peningkatan kolestrol darah

25.	ضَعَطُ الدَّمِّ	Tekanan darah
26.	الْمَرَضُ السُّكَّرِيُّ	Diabetes @ kencing manis
27.	الْأَحْمَاضُ الدِّهْنِيَّةُ غَيْرُ الْمُشَبَّعَةِ	Asid lemak tidak tepu
28.	مُسْتَوَى السُّكَّرِ	Tahap gula
29.	الْحَمْضُ الدِّهْنِي / الْأَحْمَاضُ الدِّهْنِيَّةُ	Asid lemak
30.	مُضَادَّاتُ الْأَكْسِيدَةِ	Anti-oksidan
31.	الْأَمْرَاضُ الْعُضَالُ	Penyakit kronik
32.	تَصَلُّبُ الشَّرَاطِينِ	<i>Arteriosclerosis</i>
33.	أَغْشِيَّةُ خَلَايَا	Membran sel @ selaput sel
34.	الْكُولِيَسْتِيرُولُ الضَّارُّ	<i>Low-density Lipoprotien (LDL)</i>
35.	أَمْرَاضُ الْقَلْبِ	Sakit jantung
36.	الدَّوْرَةُ الدَّمَوِيَّةُ	Pengaliran darah
37.	العِلَاجُ الكِيمِيَائِي	Rawatan kemoterapi
38.	النِّظَامُ الإِصْلَاحِي	Sistem penyembuhan
39.	الْأَمُّ النَّفْسِي	Kesan psikologi
40.	الْأَمُّ الجَسَدِي	Kesan fizikal
41.	سُقُوطُ الشَّعْرِ	Keguguran rambut
42.	اللُّوكِيمِيَا الحَادَّةُ	<i>Lymphoblastic leukemia</i>
43.	إِتِهَابُ السَّحَايَا	Radang bengkak @ mengelupas
44.	خَلَايَا الدَّمِّ	Sel darah
45.	تَرْمِيمُ الشَّعْرِ	Pemulihan rambut
46.	مُحَارَبَةُ التَّجَاعِيدِ	Mencegah kedutan
47.	تَرْطِيبُ البَشْرَةِ	Melembapkan kulit
48.	الْأَبْحَاطُ العِلْمِيَّةُ	Kajian ilmiah
49.	خَلَايَا الوَرَمِ	Sel tumor
50.	مَرَضُ جِلْدِي	Penyakit kulit
51.	الْحَلَايَا السَّرَطَانِيَّةُ	Sel kanser

52.	الآثار الجانبية	Kesan sampingan
53.	الخلايا السليمة	Sel baik
54.	العلاج الإشعاعي	Rawatan radioterapi
55.	فيروس ورمي	Virus tumor
56.	التجارب السريرية	Ujian klinikal
57.	نزلات البرد	Selesema
58.	مركز طبي	Pusat perubatan
59.	علم الأورام السريرية	Jurnal tumor klinikal
60.	سرطان الجلد	Kanser kulit
61.	سرطان الرئة	Kanser paru-paru
62.	فريق الدراسة	Pasukan penyelidikan
63.	النظام الصحي	Sistem kesihatan
64.	سرطان المبيض	Kanser ovari
65.	سرطان الأمعاء	Kanser usus
66.	سرطان الثدي	Kanser payu dara
67.	أدوية السرطان	Ubatan kanser
68.	سرطان القولون	Kanser kolon
69.	ارتفاع ضغط الدم	Peningkatan tekanan darah

a) Berbentuk Khusus:

Terdapat banyak istilah berbentuk khusus bagi laras bahasa kesihatan yang berbentuk frasa iaitu sejumlah 45 istilah. Pengkaji memilih beberapa perkataan untuk dijelaskan sebagai contoh dapatan yang diperolehi dalam kajian ini.

Jadual 4.8 Senarai Istilah Frasa Berbentuk Khusus

Bil.	Istilah	Pengertian
1.	الأغلفة الواقية	Sarung perlindungan
2.	الحمض النووي الريبسي	<i>Deoxyribonucleic Acid (DNA)</i>

3.	كُلِّيَةُ الطَّبِّ	Fakulti Perubatan
4.	الْأَنْسِجَةُ الْمُصَابَةُ	Tisu Berpenyakit
5.	ظُرُوفُ صِحِّيَّةٍ	Keadaan Kesihatan
6.	النِّظَامُ الْمَنَاعِي	Sistem Imun
7.	عِلْمُ الْأَوْرَامِ	Ilmu Bengkak / tumor
8.	فَحْصُ الدَّمِّ	Pemeriksaan Darah
9.	خَلَايَا غَيْرَ طَبِيعِيَّةٍ	Sel tidak normal
10.	Menapous	
11.	فَحْصُ مُسْتَوِيَّاتِ بُرُوتِين	Pemeriksaan paras protein
12.	جِهَازُ الْمَنَاعَةِ	Alat imunisasi
13.	الْخَلَايَا الشَّاذَّةُ	Sel ganjil @ aneh
14.	الْخَلَايَا الْمُصَابَةُ	Sel yang dijangkiti
15.	دِرَاسَاتُ طَبِيعِيَّةٍ	Kajian perubatan
16.	الْأَدَاءُ الدَّهْنِي	Keupayaan mental
17.	إِرْتِفَاعُ دُهُونِ الدَّمِّ	Peningkatan kolesterol darah
18.	ضَعْفُ الدَّمِّ	Tekanan darah
19.	الدَّوْرَةُ الدَّمَوِيَّةُ	Pengaliran darah
20.	الْأَحْمَاضُ الدَّهْنِيَّةُ غَيْرِ الْمُسْتَبَعَةِ	Asid lemak tidak tepu
21.	مُسْتَوَى السُّكَّرِ	Tahap gula
22.	الْحَمْضُ الدَّهْنِي / الْأَحْمَاضُ الدَّهْنِيَّةُ	Asid lemak
23.	مُضَادَاتُ الْأَكْسِيدَةِ	Anti-oksidan
24.	تَصَلُّبُ الشَّرَاطِينِ	Arteriosclerosis
25.	أَعْشِيَّةُ خَلَايَا	Membrane sel @ selaput sel
26.	الْكُولِيَسْتِيرُولُ الضَّارُّ	Low-density Lipoprotien (LDL)
27.	العِلَاجُ الكِيمِيَائِي	Rawatan kemoterapi

28.	الألم النفسى	Kesan psikologi
29.	الألم الجسدي	Kesan fizikal
30.	خلايا الدم	Sel darah
31.	خلايا الورم	Sel tumor
32.	الخلايا السرطانية	Sel kanser
33.	الخلايا السليمة	Sel baik
34.	العلاج الإشعاعي	Rawatan radioterapi
35.	مركز طبي	Pusat perubatan
36.	علم الأورام السريرية	Ilmu tumor klinikal
37.	سرطان الجلد	Kanser kulit
38.	سرطان الرئة	Kanser paru-paru
39.	النظام الصحي	Sistem kesihatan
40.	سرطان المبيض	Kanser ovari
41.	سرطان الأمعاء	Kanser usus
42.	سرطان الثدي	Kanser payu dara
43.	سرطان القولون	Kanser kolon
44.	أدوية السرطان	Ubatan kanser
45.	ارتفاع ضغط الدم	Peningkatan tekanan darah

Perkataan [daqḥ al-damm] ‘ضَعَطُ الدَّمِ’ yang membawa maksud ‘tekanan darah’, [mustawa al-sukkar] ‘مُسْتَوَى السُّكَّرِ’ yang bermaksud ‘tahap gula’ dan perkataan [faḥṣ al-damm] ‘فَحْصُ الدَّمِ’ iaitu ‘tekanan darah’ adalah antara istilah-istilah khusus bidang kesihatan yang ditemui di dalam kajian ini. Kesemua istilah ini dilihat sinonim dengan hal-hal berkaitan tahap kesihatan seseorang individu. Ia merupakan antara jenis pemeriksaan kesihatan yang sering dilakukan bagi melihat tahap kesihatan semasa.

Perkataan [ḍaḡḥ al-damm] ضَعَطُ الدَّمِ ' iaitu satu ujian bagi melihat tekanan darah bagi seseorang pesakit. Kadar bacaan tekanan darah yang tinggi menunjukkan seseorang itu mengidap penyakit tekanan darah tinggi dan begitu juga sebaliknya. Begitu juga bagi perkataan [mustawa al-sukkar] مُسْتَوَى السُّكَّرِ ' yang menerangkan keadaan tahap kandungan gula dalam badan seseorang. Kedua-dua ujian ini membantu para doktor memberikan penerangan mengenai amalan gaya hidup sihat dan rawatan yang boleh dilakukan terhadap pesakit bagi memperbaiki tahap kesihatan.

Manakala [faḥṣ al-damm] فَحْصُ الدَّمِ ' pula iaitu 'pemeriksaan darah' merupakan satu ujian kesihatan kebiasaannya dijalankan bagi memeriksa tahap kandungan kolesterol di dalam darah. Ia juga sebagai langkah pengawalan beberapa penyakit lain yang boleh terjadi disebabkan tahap kolesterol di dalam badan.

Bagi perkataan [sarāṭan al-qūlūn] سَرَطَانُ الْقَوْلُونِ ' yang bermaksud kanser kolon pula, ia merupakan sejenis kanser yang boleh berlaku pada seseorang individu. Perkataan ini dianggap sebagai satu istilah bidang kesihatan kerana ia merupakan sejenis penyakit kanser. Maka, ia relevan untuk dianggap sebagai satu istilah bidang kesihatan. Begitu juga perkataan [sarāṭan al-ri'ah] سَرَطَانُ الرِّئَةِ ' yang bermaksud kanser paru-paru. Ia merupakan sejenis penyakit kanser yang disebabkan amalan merokok yang berbahaya kepada paru-paru kerana mengandungi pelbagai bahan kimia di dalam asap rokok yang disedut. Penyakit kanser ini sering kali menyerang kaum lelaki.

Selain itu, terdapat juga beberapa kata frasa lain yang merupakan istilah khusus bidang kesihatan antaranya perkataan [al-maraḍ al-sukkariy] ‘الْمَرَضُ السُّكَّرِيُّ’ yang bermaksud penyakit kencing manis atau diabetes. Ia diterangkan sebagai satu penyakit yang berlaku disebabkan kandungan gula yang tinggi di dalam badan. Begitu juga perkataan [nazalāt al-bard] ‘نَزَلَاتُ الْبَرْدِ’ yang bermaksud ‘selesema’.

Perkataan [al-ḥamḍ al-nawawīy al-rībīy] ‘الْحَمْضُ النَّوَوِيُّ الرَّيْبِيُّ’ yang bermaksud *Deoxyribonucleic Acid* atau singkatannya (DNA) juga merupakan istilah khusus berkaitan bidang kesihatan. Ia bermaksud jujuk utama yang membentuk bahan genetik iaitu bahan penentu ciri-ciri kebakaan kebanyakan organisma hidup, termasuk sesetengah virus yang terkandung di dalam nukleus sel organisma yang berkenaan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005 : 358). Ia merupakan satu istilah khusus berkaitan penyakit genetik kerana keabnormalan yang berlaku padanya akan menyebabkan terjadinya penyakit seperti *Sindrom Down* iaitu penyakit disebabkan kekurangan jumlah kromosom yang sepatutnya ada dalam tubuh seseorang. Perkataan [al-i’lāj al-kīmīyya’ī] ‘الْعِلَاجُ الْكِيمِيَّائِيُّ’ yang bermaksud rawatan kemoterapi juga antara istilah khusus bidang kesihatan. Ia merupakan satu bentuk rawatan yang akan dilakukan terhadap pesakit yang didiagnosis dengan penyakit kanser sebagai bentuk usaha yang boleh dilakukan bagi merawatnya.

b) Berkaitan Secara Langsung:

Frasa yang dilihat turut mempunyai hubungan secara langsung dengan bidang kesihatan ditemui di dalam kajian ini. Sejumlah 24 istilah berbentuk frasa yang dikenalpasti mempunyai kaitan secara langsung dengan bidang kesihatan dan

boleh dianggap sebagai satu istilah yang berkaitan secara langsung dengan bidang ini.

Jadual 4.9 Senarai Istilah Frasa Berkaitan Secara Langsung

Kategori	Istilah
1. Simptom dan gejala	- إِنْهَابُ السَّحَابِ، التَّجَارِبُ الشَّرِيرَةُ،
2. Punca dan faktor	- أَشْعَةُ الشَّمْسِ، الْأَشْعَةُ فَوْقَ الْبِنْفَسِيَّيَّةِ، فَيْرُوسُ وَرَمِي،
3. Jenis	- الْأَمْرَاضُ الْجِلْدِيَّةِ، الْمَرَضُ السُّكْرِيُّ، الْأَمْرَاضُ الْعُضَالِ، أَمْرَاضُ الْقَلْبِ، الْلُوكِيمِيَا الْحَادَّةَ، مَرَضٌ جِلْدِي، نَزَلَاتُ الْبَرْدِ،
4. Rawatan	- كَرِيمِ الْحِمَايَةِ، النَّظَامُ الْإِصْلَاحِي، سُقُوطُ الشَّعْرِ، تَرْمِيمُ الشَّعْرِ، الْآثَارُ الْجَانِبِيَّةِ،
5. Pencegahan dan pengawalan	- الرِّابِطَةُ الْأَلْمَانِيَّةُ لِأَطْبَاءِ الْجِلْدِيَّةِ، مُنْعِيْرَاتُ غَيْرِ سَرِيْرِيَّةِ، حِمَايَةُ الْقَلْبِ، مُحَاْرِيَةُ التَّجَاعِيْدِ، تَرْطِيْبُ الْبَشْرَةِ، الْأَبْحَاثُ الْعِلْمِيَّةُ، فَرِيْقُ الدَّرَاسَةِ

Perkataan [al-'ashia'h fawqa al-binafsijiyah] 'الأشعة فوق البنفسجية' yang bermaksud 'sinaran ultra-ungu'. Ia terdapat di dalam sinaran matahari. Perkataan ini boleh diterima sebagai satu istilah bidang kesihatan di bawah kategori punca dan faktor kerana antara punca terjadinya kanser kulit ialah melalui pendedahan kulit terhadap sinaran matahari untuk satu tempoh masa yang lama. Hal ini disebabkan oleh sinaran ultra-ungu yang terdapat pada

sinaran matahari boleh mengakibatkan terjadinya kanser kulit. Keadaan ini tidak memilih peringkat usia iaitu sesiapa sahaja boleh mendapat kanser kulit termasuk kanak-kanak.

Pengkaji juga menemui frasa [suqūṭ al-sha'r] 'سُقُوطُ الشَّعْرِ' yang bermaksud 'keguguran rambut'. Perkataan ini boleh dikategorikan sebagai antara istilah bidang kesihatan yang mempunyai kaitan langsung iaitu di bawah kategori rawatan. Hal ini kerana apabila seorang pesakit kanser menjalani rawatan kemoterapi akan mengalami beberapa kesan sampingan terhadap tubuh badan antaranya mengalami keguguran rambut. Ia disebabkan penggunaan unsur bahan radioaktif bagi mematikan sel-sel kanser yang dikenalpasti.

Frasa [iltihāb al-sahāyā] 'إِلْتِهَابُ السَّحَايَا' yang bermaksud radang bengkak atau mengelupas menunjukkan antara simptom yang boleh membawa penyakit berkaitan kulit. Frasa ini dilihat berkaitan secara langsung dengan bidang kesihatan dan boleh dikelaskan di bawah kategori simptom dan gejala bagi sesuatu penyakit.

Selain itu, frasa seperti [marāḍa jildiy] 'مَرَضٌ جِلْدِيّ' menunjukkan antara jenis penyakit yang berlaku terhadap tubuh badan manusia. Ia dikira sebagai satu istilah berkaitan secara langsung sebagai satu jenis penyakit. Manakala frasa yang boleh dianggap sebagai satu istilah berkaitan secara langsung dengan bidang kesihatan daripada kategori pencegahan dan pengawalan ialah [ḥimāyat al-qalbi] 'حِمَايَةُ الْقَلْبِ'.

4.1.4 Kesimpulan

Berdasarkan keseluruhan 190 istilah yang telah dikeluarkan daripada data kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa kata nama mengumpulkan jumlah istilah bidang kesihatan tertinggi berbanding golongan kata yang lain iaitu kata kerja dan frasa. Sebanyak 89 istilah kata nama iaitu 47% daripada keseluruhan data dikategorikan sebagai istilah bidang kesihatan secara khusus dan istilah yang mempunyai kaitan secara langsung dengannya. Diikuti istilah daripada golongan frasa iaitu sebanyak 69 kata bersamaan 36% daripada keseluruhan data, manakala kata kerja mencatatkan jumlah istilah yang paling sedikit diperolehi daripada keseluruhan data iaitu sebanyak 32 kata bersamaan 17%.

Jadual 4.10 Rumusan Dapatan Istilah Mengikut Kategori Kata

Kategori Kata	Bilangan	Peratus (%)
Kata Nama	89	47%
Kata Kerja	32	17%
Frasa	69	36%
Jumlah Keseluruhan = 190		100%

Pengkaji berpendapat bahawa golongan kata nama dan frasa mencatatkan jumlah istilah bidang kesihatan yang tinggi berbanding golongan kata kerja adalah disebabkan oleh bidang kesihatan mempunyai pelbagai istilah-istilah saintifik yang berbentuk khusus dan hanya digunakan dalam bidang ini sahaja. Batasan makna istilah-istilah tersebut menyebabkan ia tidak sesuai untuk digunakan dalam bidang ilmu yang lain. Dapatan kajian ini selari dengan pendapat Kamaruddin Hj. Husin (1995) yang mengatakan bahawa laras bahasa

kesihatan mempunyai penggunaan frasa yang banyak sebagai istilah khusus di samping kata nama dan kata kerja.

Selain itu, pengkaji melihat istilah-istilah yang mempunyai kaitan secara langsung dengan konsep kesihatan yang dirangka sebelum ini turut memainkan peranan yang penting dalam menghuraikan maklumat-maklumat penting berkaitan bidang kesihatan. Hal ini ditunjukkan dengan jelas apabila istilah-istilah yang digunakan ini membantu pengkaji memahami isi kandungan artikel kesihatan berkaitan penyakit kanser yang dipilih sebagai data kajian utama. Ia menjadi panduan sampingan kepada pembaca untuk memahami dengan lebih jelas maklumat-maklumat penting yang disampaikan oleh akhbar al-Jazeera.net berkaitan hal kesihatan umumnya dan penyakit kanser khususnya.

Biarpun golongan kata kerja mencatatkan jumlah istilah kesihatan yang paling sedikit daripada keseluruhan data, namun peranan yang dibawa oleh golongan kata kerja dalam artikel kesihatan hampir sama pentingnya berbanding golongan kata nama dan frasa. Hal ini disebabkan oleh tugasnya dalam menjelaskan secara saintifik sesuatu penyakit kanser dengan tepat agar dapat difahami oleh pembaca.

Kata kerja yang digunakan dalam penulisan artikel kesihatan ini digunakan bagi menghuraikan maklumat berkaitan penyakit kanser. Misalnya, penjelasan mengenai kaedah yang boleh dilakukan bagi mengenalpasti simptom dan gejala, kaedah rawatan yang akan dilakukan oleh pihak doktor dan juga

beberapa langkah pencegahan dan pengawalan yang boleh diambil oleh pembaca daripada mendapat penyakit ini. Ia bertepatan dengan ciri-ciri penulisan laras bahasa kesihatan yang dinyatakan oleh Kamaruddin Hj. Husin (1995), iaitu sebagai pembina dan penyambung di antara sesuatu ilmu dengan teknologi.

University of Malaya

4.2 Analisis Istilah Berbentuk Kata Pinjaman dalam Laras Bahasa

Kesihatan

4.2.1 Analisis Asal Usul

Keseluruhan istilah bidang kesihatan berbentuk kata pinjaman yang diperolehi daripada data kajian disenaraikan di dalam jadual di bawah.

Jadual 4.11 Senarai Istilah Berbentuk Kata Pinjaman

Bil.	Kata pinjaman	Makna
1.	الْأَيْمِيَا	Anaemia
2.	أَفْلَاتُوكْسِين	Aflatoxin
3.	البِكْتِيرِيَا	Bacteria
4.	الْكُرُومُوسُومَات	Chromosome
5.	الْكِيمِيَاثِي	Chemotherapy
6.	كِرِيم	Cream
7.	الْقُولُون	Colon
8.	الْكُولِيَسْتِيرُول	Cholesterol
9.	الدُّكْتُور	Doctor
10.	الجِينَة	Gene
11.	غِلَايْفُوسَات	Glyphosate
12.	هِيْمُوفِيلِيْس	Hemophilia
13.	الْهَرْبِس	Herpes
14.	إِنْفِلُونْزَا	Influenza
15.	إِمِّيُونُولُوجِي	Immunology
16.	اللُّوكِيمِيَا	Leukemia
17.	الْمِيْلَانُومَا	Melanoma
18.	نِيْكُوتِينَامِيد	Nicotinamide
19.	3-أُومِيْعَا	Omega-3

20.	بُرُوتِينَ	<i>Protein</i>
21.	تِيلْمُومِيرَات	<i>Telomere</i>
22.	فَيْرُوس	<i>Virus</i>
23.	فَيْتَامِين	<i>Vitamin</i>

Perkataan [al-ānīmijā] ‘الْأَنْيَمِيَا’ ditemui di dalam artikel kelima daripada data kajian. Ia dipinjam masuk oleh bahasa Arab daripada bahasa Inggeris iaitu ‘*anemia*’. Menurut kamus *Merriam-Webster’s Colligiate Online Dictionary* Edisi Kedua Belas, perkataan ini berasal daripada bahasa *New Latin*, iaitu daripada satu perkataan *Greek* berbunyi ‘*anaemia*’ ertinya ketiadaan darah. Perkataan ini wujud hasil gabungan *a-* dan *-aimia* –emia. Perkataan ini ditemui kali pertama pada tahun 1800.

Perkataan [aflātūksīn] ‘أَفْلَاتُوكْسِين’ ditemui di dalam artikel kesembilan. Ia merupakan perkataan bahasa Arab yang dipinjam daripada bahasa Inggeris iaitu ‘*aflatoxin*’. Menurut Kamus *Merriam-Webster’s Colligiate Dictionary* : Edisi Kesepuluh, perkataan ini terbentuk daripada gabungan dua perkataan iaitu *New Latin* ‘*aspergillus flavus*’ bermaksud sejenis *fungus*, dan perkataan bahasa Inggeris ‘*toxin*’ yang bermaksud toksin. Perkataan ini pertama kali digunakan adalah pada tahun 1962 (1995 : 20).

Seterusnya, perkataan [al-baktīriyyā] ‘الْبَكْتِيرِيَّيَا’ merupakan kata pinjaman yang diperolehi daripada artikel kedua belas daripada keseluruhan data. Perkataan ini telah digunakan sebagai kata pinjaman di dalam bahasa Arab. Perkataan ini menurut Kamus *Merriam-Webster’s Colligiate Dictionary* : Edisi Kesepuluh, adalah berasal daripada bahasa *New Latin* yang meminjam daripada bahasa *Greek* iaitu ‘*baktērion*’ dan ia mula digunakan pada tahun 1849 (1995 : 85).

Pengkaji menemui perkataan [al-kurūmūsūm] ‘الْكُرُومُوسُومَات’ di dalam artikel pertama. Ia merupakan satu perkataan bahasa Arab yang dipinjam daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu ‘*chromosome*’. Kamus *Merriam-Webster’s Colligate Dictionary* : Edisi Kesepuluh, mengkategorikan perkataan ini sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)* (1995 : 204). ISV ialah satu istilah teknikal bidang sains yang kebiasaannya wujud hasil daripada gabungan beberapa perkataan daripada pelbagai bahasa serta berlaku beberapa perubahan kecil selari dengan struktur bahasa yang meminjam. Penelitian terhadap asal-usul perkataan ini mendapati ia mula digunakan pada tahun 1889.

Perkataan [al-kīmiyāy] ‘الْكِيمِيَاي’ pula ditemui di dalam artikel keempat belas daripada keseluruhan data. Ia merupakan perkataan yang dipinjam oleh bahasa Arab daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu ‘*chemotherapy*’. Kamus *Merriam Webster’s Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas menyatakan bahawa perkataan ini dikategorikan sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)* dan ia mula digunakan pada tahun 1910.

Perkataan [kirīm] ‘كِرِيم’ yang ditemui di dalam artikel kedua. Ia dipinjam masuk ke dalam bahasa Arab daripada perkataan bahasa Inggeris ‘*cream*’. Menurut Kamus *Merriam-Webster’s Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, ia berasal daripada perkataan bahasa Inggeris Pertengahan ‘*Middle English*’ iaitu ‘*creime*’, ‘*creme*’; daripada bahasa *Anglo-French* iaitu ‘*creme*’, ‘*resme*’; daripada bahasa *Late Latin* iaitu ‘*cramum*’ yang berasal daripada Celtic seakan-akan bahasa Welsh. Ia mula digunakan pada abad ke-14.

Perkataan [al-qūlūn] ‘الْقُولُون’ pula ditemui di dalam artikel keenam dan kesepuluh daripada keseluruhan data. Menurut Kamus *Merriam-Webster’s*

Colligate Online Dictionary Edisi Kedua belas, ia merupakan satu perkataan bahasa Inggeris pertengahan (*Middle English*) yang berasal daripada bahasa *Latin* yang menyerap masuk daripada bahasa *Greek* iaitu 'kolon'. Bahasa Arab meminjam perkataan ini daripada bahasa Inggeris dan ia digunakan dalam menerangkan makna yang sama. Perkataan ini mula digunakan pada abad ke-14.

Perkataan [al-kūlīstīrūl] 'الكُولِيسْتِيرُول' ditemui di dalam artikel kesembilan daripada keseluruhan data yang dikaji. Menurut Kamus *Merriam-Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, perkataan ini dikategorikan sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)*, iaitu terbentuk daripada hasil gabungan kata *chol-* + dan kata daripada bahasa *Greek* iaitu 'stereos' yang bererti pejal. Ia mula digunakan pada tahun 1894.

Data seterusnya ialah perkataan [al-duktūr] 'الدُّكْتُور' iaitu bermaksud doktor. Pengkaji menemui perkataan ini di dalam artikel kedua belas. Bahasa Arab telah meminjam perkataan ini daripada bahasa Inggeris. Perkataan ini menurut Kamus *Merriam-Webster's Colligate Dictionary* : Edisi Kesepuluh, adalah satu perkataan dalam bahasa *Middle English* iaitu 'doctor' yang bermaksud 'teacher', Ia terhasil daripada bahasa *Anglo-French* dan *Medieval Latin* 'docēre'. Perkataan ini mula digunakan pada abad ke-14 (1995 : 341).

Perkataan [al-djīnah] 'الجِينَة' merupakan satu perkataan bahasa Arab yang telah digunakan sebagai satu kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Perkataan ini ditemui di dalam artikel kesepuluh dan kelima belas. Menurut Kamus *Merriam Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, 'gene' berasal

daripada perkataan bahasa Jerman 'gen', iaitu ringkasan kepada 'pangen'. Perkataan ini mula digunakan pada tahun 1911.

Pengkaji menemui perkataan [ghilājfūsāt] 'غِلَايُفُوسَات' di dalam artikel ketujuh. Menurut Kamus *Merriam-Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua Belas, ia merupakan satu istilah bidang kesihatan yang dikategorikan sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)* yang terbentuk hasil cantuman tiga perkataan berbeza iaitu *glycine*, *phosph-* dan *-ate* seterusnya menjadi 'glyphosate'. Istilah ini mula digunakan pada tahun 1972.

Perkataan [hīmūfilīs] 'هِمُوفِيلِيس' merupakan satu perkataan bahasa Inggeris yang merujuk kepada istilah khusus bidang kesihatan. Perkataan ini ditemui di dalam artikel kedua belas. Menurut Kamus *Merriam-Webster's Colligate Dictionary* : Edisi Kesepuluh, perkataan ini berasal daripada bahasa *New Latin* dan ia mula digunakan pada tahun 1872 (1995 :541).

Pengkaji menemui perkataan [al-hirbis] 'الهِرْبِس' di dalam artikel keempat belas dan artikel kelima belas daripada data kajian ini. Ia merupakan perkataan bahasa Inggeris 'herpes' yang dipinjam masuk ke dalam bahasa Arab menjadi satu kata pinjaman dalam bidang kesihatan. Menurut Kamus *Merriam Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, 'herpes' dijelaskan sebagai berasal daripada bahasa Latin, yang dipinjam daripada perkataan 'herpēs' dan 'herpein' dalam bahasa Greek yang bermaksud merayap, melata. Perkataan ini mula digunakan pada abad ke-14.

Perkataan [i'nfilwanzā] 'إِنْفِلُونَزَا' iaitu influenza merupakan satu kata pinjaman yang ditemui di dalam artikel kedua belas. Ia merupakan perkataan bahasa

Inggeris yang dipinjam oleh bahasa Arab sebagai kata pinjaman. Menurut *Kamus Merriam-Webster's Colligiate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, perkataan ini berasal daripada bahasa Itali, secara literalnya ia terbit daripada perkataan 'influence'. Ia berasal daripada bahasa *Medieval Latin* 'influentia'. Perkataan ini mula digunakan pada tahun 1743.

Perkataan [i'miyyūnūlūdʒī] 'إِمِّيُونُولُوجِي' dalam bahasa Arab bermaksud 'immunology'. Ia dipinjam daripada bahasa Inggeris. Perkataan ini ditemui di dalam artikel kedua belas daripada keseluruhan artikel. *Kamus Merriam Webster's Colligiate Online Dictionary* Edisi Kedua belas menyatakan bahawa perkataan ini dikategorikan sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)* dan ia kali pertama digunakan pada tahun 1910.

Perkataan [al-lūkīmiyā] 'الْلُوكِيْمِيَا' ditemui di dalam artikel kedua belas daripada data kajian ini. Perkataan ini merupakan satu perkataan bahasa Inggeris yang diserap masuk oleh bahasa Arab sebagai satu kata pinjaman. *Kamus Merriam-Webster's Colligiate Online Dictionary* Edisi Kedua belas pula menyatakan perkataan ini berasal daripada bahasa *New Latin* dan ia mula digunakan pada tahun 1855.

Pengkaji menemui perkataan [al-mīlānūmā] 'الْمِيْلَانُومَا' di dalam artikel keempat belas. Perkataan ini merupakan perkataan bahasa Inggeris dalam bidang perubatan yang diserap masuk ke dalam bahasa Arab sebagai satu kata pinjaman. 'Melanoma' menurut *Kamus Merriam Webster's Colligiate Online Dictionary* Edisi Kedua belas adalah satu perkataan yang berasal daripada bahasa *New Latin* dan ia mula digunakan pada tahun 1838.

Perkataan [nīkūtīnāmīd] نِيكُوتِيْنَامِيْدْ merupakan satu istilah bidang kesihatan yang diperolehi daripada artikel kelapan. Ia merupakan perkataan bahasa Inggeris yang diserap masuk dalam bahasa Arab dan digunakan di dalam artikel kesihatan yang dikaji. Menurut Kamus *Merriam-Webster's Colligate Dictionary* Edisi Kedua belas, perkataan ini dikategorikan sebagai satu istilah *International Scientific Vocabulary* (ISV) dan ia kali pertama digunakan pada tahun 1895.

Perkataan [ū'mīghā] أُومِيْغَا-3 ditemui di dalam artikel kesembilan dan ketiga belas. Menurut Kamus *Merriam-Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, perkataan 'omega' berasal daripada bahasa Inggeris Pertengahan (*Middle English*) yang diserap masuk daripada bahasa *Greek* iaitu 'ō mega'. Secara literalnya perkataan ini bererti *o* yang besar dan ia mula digunakan pada abad ke-15.

Perkataan [burūtīn] بُرُوتِيْنْ diperolehi daripada tiga buah artikel iaitu artikel keempat, keenam dan kesepuluh. Bahasa Arab menyerap masuk perkataan ini daripada bahasa Inggeris yang berbunyi 'protein'. Asal-usul kata 'protein' ini menurut Kamus *Merriam-Webster's Colligate Dictionary* : Edisi Kesepuluh, ia diambil daripada bahasa Perancis iaitu 'protéine' yang dahulunya diambil daripada perkataan *Late Greek* iaitu 'prōteios'. Ia membawa maksud 'tempat pertama' atau utama. Ia kali pertama digunakan pada tahun 1844 (1995 : 938).

Bagi perkataan [tīlmūmīrāt] تِيْلْمُومِيْرَاتْ pula, ia ditemui di dalam artikel pertama daripada keseluruhan data kajian. Bahasa Arab meminjam perkataan ini daripada bahasa Inggeris iaitu 'telomere'. Menurut *Kamus Merriam Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, perkataan

'telomere' ini dikategorikan sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)*. Istilah ini mula digunakan pada tahun 1940.

Perkataan [fajrūs] 'فَيْرُوس' merupakan kata pinjaman yang ditemui di dalam tiga artikel berbeza iaitu artikel kedua belas, artikel keempat belas dan artikel kelima belas. Bahasa Arab mengguna pakai perkataan ini sebagai salah satu kata pinjaman daripada bahasa Inggeris. Menurut *Kamus Merriam Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas, perkataan 'virus' berasal daripada perkataan bahasa *New Latin* iaitu 'venom' bererti bisa atau racun, ia menyerupai perkataan bahasa Greek 'ios' yang juga bermaksud racun, dan bahasa Sanskrit iaitu 'viṣa'. Perkataan 'virus' mula digunakan pada tahun 1599.


Perkataan [fitāmīn] 'فَيْتَامِين' ditemui di dalam artikel kelapan dan ketiga belas. Bahasa Arab meminjam perkataan ini daripada bahasa Inggeris. *Kamus Merriam-Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas menjelaskan bahawa 'vitamin' adalah satu perkataan yang diubahsuai daripada perkataan 'vitamine', iaitu merupakan hasil gabungan perkataan *Latin* 'vita' yang bermaksud hidup dengan perkataan bahasa Inggeris 'amine' dan membentuk perkataan baru iaitu 'vitamin'. Ia mula digunakan pada tahun 1912. Keseluruhan data istilah kata pinjaman yang ditemui di dalam artikel kesihatan ini didapati berasal dari pelbagai sumber asal-usulnya. Jadual di bawah pula menunjukkan keseluruhan sumber asal-usul bahasa yang dipinjam bagi setiap kata pinjaman yang ditemui oleh pengkaji dalam kajian ini.

Jadual 4.12 Asal-Usul Kata Pinjaman

Bil.	Asal-Usul Kata Pinjaman	Bilangan	Kata Pinjaman
1.	<i>International Scientific Vocabulary (ISV)</i>	7	<i>Chromosome, chemotherapy, cholesterol, glyphosate, immunology, nicotinamide, telomere</i>
2.	<i>New Latin</i>	6	<i>Anemia, bacteria, hemophilia, leukemia, melanoma, virus</i>
3.	<i>Middle English</i>	4	<i>Cream, colon, doctor, omega-3</i>
4.	<i>Latin + English</i>	1	<i>Vitamin</i>
5.	<i>New Latin + English</i>	1	<i>Aflatoxin</i>
6.	<i>Latin</i>	1	<i>Herpes</i>
7.	Jerman	1	<i>Gene</i>
8.	Perancis	1	<i>Protein</i>
9.	Itali	1	<i>Influenza</i>
Jumlah = 23			

4.2.2 Analisis Kekerapan Kata Pinjaman dalam Laras Bahasa Kesihatan

Hasil penelitian pengkaji mendapati terdapat sembilan sumber asal-usul kata pinjaman bahasa Arab yang diperolehi daripada keseluruhan 23 data istilah laras kesihatan berbentuk kata pinjaman yang dikeluarkan daripada artikel kesihatan. Secara keseluruhannya, istilah bidang kesihatan berbentuk kata pinjaman yang diperolehi daripada kajian ini mewakili 12.1% daripada keseluruhan data istilah bidang kesihatan yang diperolehi iaitu berjumlah 190 istilah. Carta pai di bawah menunjukkan gambaran kekerapan istilah bidang kesihatan tersebut.



Rajah 4.1 Kekerapan Kata Pinjaman

Jenis *International Scientific Vocabulary (ISV)* mempunyai perkataan kata pinjaman tertinggi iaitu sebanyak tujuh kata pinjaman daripada 23 data kata pinjaman. Keadaan ini menunjukkan bahawa ia merupakan jenis asal-usul yang paling kerap ditemui di dalam keseluruhan data kata pinjaman. Menurut Kamus *Merriam Webster's Colligate Online Dictionary* Edisi kesepuluh, ISV ialah istilah teknikal bidang sains yang kebiasaannya wujud hasil daripada gabungan beberapa perkataan daripada pelbagai bahasa serta berlaku beberapa perubahan kecil selari dengan struktur bahasa yang meminjam.

Istilah yang dikategorikan sebagai ISV terjadi disebabkan terlalu banyak maklumat dalam bidang sains diterbitkan kepada umum melalui penggunaan pelbagai bahasa. Disebabkan keadaan ini, maka agak sukar untuk menyatakan secara tepat asal usul sesuatu istilah yang digunakan kerana istilah-istilah tersebut telah dicampur aduk daripada pelbagai bahasa.

Hasil penelitian pengkaji memperoleh tujuh kata pinjaman yang dikategorikan sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)* antaranya, perkataan ‘*chromosome*’ (الكُرُومُوسُوم), ‘*chemotherapy*’ (الكِيمِيَائِي), ‘*cholesterol*’ (الكُولِيسْتِيرُول), ‘*glyphosate*’ (غَلَايْفُوسَات), ‘*immunology*’ (إِمِّيُونُولُوجِي), ‘*nicotinamide*’ (نِيكُوتِينَامِيد) dan ‘*telomere*’ (تِيلْمُومِيرَات). Manakala terdapat enam kata pinjaman yang berasal daripada *New Latin* iaitu ‘*anemia*’ (الْأَنْمِيَا), ‘*bacteria*’ (البَكْتِيرِيَا), ‘*hemophilia*’ (هِيْمُوفِيلِيس), ‘*leukemia*’ (اللُّوكِيمِيَا), ‘*melanoma*’ (الْمِيْلَانُومَا) dan ‘*virus*’ (فَيْرُوس).

Hanya empat kata pinjaman yang ditemui bagi kategori kata pinjaman yang berasal daripada bahasa Pertengahan Inggeris iaitu ‘*Middle English*’. Antara kata pinjaman tersebut ialah ‘*cream*’ (كِرِيم), ‘*colon*’ (الْقُولُون), ‘*doctor*’ (الدُّكْتُور) dan ‘*omega-3*’ (أُومِيغَا-3). Pengkaji juga menemui kata-kata pinjaman yang berasal daripada bahasa lain antaranya perkataan daripada bahasa *Latin + English* iaitu ‘*vitamin*’ (فِيْتَامِين), perkataan ‘*aflatoxin*’ (أَفْلَاتُوكْسِين) iaitu daripada bahasa *New Latin + English*, perkataan ‘*herpes*’ (الْهَرِبِس) daripada bahasa *Latin*, ‘*gene*’ (الجِينَة) daripada bahasa Jerman, perkataan ‘*protein*’ (بُرُوتِين) daripada bahasa Perancis dan satu kata pinjaman daripada bahasa Itali iaitu ‘*influenza*’ (إِنْفِلُونْزَا).

4.2.3 Ulasan

Peminjaman sesuatu perkataan daripada sesuatu bahasa yang lain berlaku disebabkan kekurangan atau ketiadaan perkataan yang sesuai dan tepat bagi menerangkan maksud sesuatu istilah yang ingin digunakan. Hal ini dilihat

semakin kerap berlaku seiring peredaran masa dan kecanggihan teknologi terkini. Pengkaji mendapati hal ini turut terjadi kepada bahasa Arab. Bahasa Arab menyerap masuk beberapa istilah penting daripada pelbagai bidang, antaranya sains dan teknologi termasuklah sains kesihatan. Istilah tersebut digunakan dengan memberikan maksud yang sama dan hanya terdapat sedikit perubahan kecil pada sebutan dan ejaan yang terjadi sesuai bahasa Arab.

Namun begitu, situasi ini bukan satu gambaran hakiki bahawa bahasa Arab mengalami masalah kekurangan kosa kata dalam menyampaikan maklumat tersebut. Hakikatnya, bahasa Arab memiliki perkataannya yang tersendiri bagi istilah-istilah tersebut. Biarpun bahasa Arab meminjam perkataan ini dan menggunakannya dalam penulisan artikel berita al-Jazeera.net, namun bahasa Arab memilih untuk menggunakan perkataan pinjaman mungkin disebabkan perkataan itu lebih dikenali oleh pembaca dan telah digunakan secara meluas.

Misalnya, dalam artikel yang dikaji, pengkaji mendapati perkataan [kirīm] ^{كِرِيمٌ} lebih cenderung digunakan berbanding perkataan itu sendiri dalam bahasa Arab iaitu [al-marham] ^{الْمَرْهَمُ}. Perkataan ini yang terdapat di dalam bahasa Arab bermaksud sejenis campuran minyak ubatan yang diguna untuk mengubat luka atau mengurut kulit tubuh dan mencelak mata (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan : 2198). Perkataan [marham] ^{مَرْهَمٌ} pula diterjemahkan sebagai salap dan ubat krim (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan : 979).

Pengkaji berpendapat bahawa bahasa Arab menggunakan perkataan ‘cream’ sebagai kata pinjaman dalam konteks istilah kesihatan disebabkan penggunaannya yang menyeluruh dan lebih dekat dengan pembaca di serata dunia. Maka ia diserap masuk sebagai kata pinjaman dalam bahasa Arab menjadi [kirīm] كِرِيمٌ. Terdapat juga perkataan lain di dalam bahasa Arab yang hampir serupa dengan maksud ‘cream’ iaitu [al-dihān] الدِّهَانُ yang bermaksud minyak (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan : 788).

Selain itu, perkataan [al-hirbis] الهِرْبِسُ turut digunakan di dalam penulisan artikel kesihatan di dalam akhbar al-Jazeera.net. Ia merupakan satu perkataan kata pinjaman yang diambil daripada bahasa Inggeris iaitu ‘herpes’. Bahasa Arab sendiri mempunyai perkataan khusus yang membawa maksud yang serupa bagi perkataan ‘herpes’ iaitu [al-qūbā] القُوبَاءُ.

Menurut Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (2006:1949), perkataan ini bermaksud sejenis penyakit pada badan yang menyebabkan kulit mengelupas dan rambut menjadi luruh. Pengertian ini didapati selari dengan maksud ‘herpes’ yang diberikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat (2005 : 529) iaitu sejenis penyakit berjangkit yang disebabkan oleh virus, yang menyebabkan terjadinya lepuh-lepuh kecil berair pada kulit.

Perkataan [al-kurūmūsūm] الكُرُومُوسُومُ juga digunakan secara meluas sebagai kata pinjaman dalam bahasa Arab, meski pun bahasa Arab memiliki kosa kata

yang membawa maksud yang sama iaitu [al-ṣibghīy] ‘الصِبْغِيّ’ (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan : 1321).

Bahasa Arab juga memiliki perkataan khusus untuk perkataan ‘*immunology*’ iaitu [‘ilm al-manā‘ah] ‘عِلْمُ الْمَنَاعَةِ’. Menurut konteks ilmu perubatan, ia bermaksud satu cabang ilmu sains kesihatan yang berkisar tentang sistem imunisasi dalam badan melibatkan sel-sel berkaitan dan aspek-aspek berkaitan imuniti serta tindak balas manusia. Imuniti merupakan satu sistem imun yang mencegah tubuh badan daripada serangan penyakit dan jangkitan kuman. Dalam keadaan ini, pengkaji melihat istilah yang dimiliki oleh bahasa Arab mempunyai hubungan yang jelas dengan maksud yang dirujuk, namun ia tidak digunakan oleh penulis artikel kesihatan dalam akhbar al-Jazeera berkemungkinan disebabkan oleh perkataan ‘*immunology*’ lebih banyak digunakan dalam kebanyakan bahasa sebagai bahasa pinjaman dan telah diterima umum.

Begitu juga dengan perkataan ‘*leukemia*’ yang telah dipinjam masuk ke dalam bahasa Arab menjadi [al-lūkīmiyya] ‘الْلُوكِيْمِيَّا’. Menurut kamus *Atlas Dictionary English-Arabic* (2003 : 791) perkataan ‘*leukimia*’ diterjemahkan sebagai [abyādāḍ al-damm] ‘أَبْيَضَاضُ الدَّمِّ’. Perkataan ini memberi maksud yang hampir sama dengan perkataan bahasa Inggeris iaitu penyakit yang berkaitan masalah darah putih.

Pengkaji melihat ia selari dengan pengertian yang diberikan oleh kamus *Merriam-Webster’s Colligate Online Dictionary* Edisi Kedua belas iaitu ‘an

acute or chronic disease in humans and other warm-blooded animals characterized by an abnormal increase in the number of white blood cells in the tissues and often in the blood'. Artinya, leukemia ialah sejenis penyakit yang akut dan kronik dalam kalangan manusia dan mana-mana haiwan berdarah panas yang lain iaitu peningkatan sel darah putih secara tidak normal di dalam tisu dan juga darah. Namun begitu, ia kurang digunakan dalam penulisan artikel berkaitan kesihatan.

4.2.4 Kesimpulan

Keseluruhan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat istilah-istilah khusus yang digunakan bagi mewakili gaya penulisan sesuatu artikel kesihatan. Istilah-istilah ini merupakan perkataan yang sedia ada di dalam bahasa Arab namun kajian ini menunjukkan terdapat beberapa istilah yang digunakan daripada kata pinjaman yang diserap masuk daripada bahasa-bahasa lain. Misalnya bahasa *New Latin*, *Middle English* dan juga istilah yang dikategorikan sebagai *International Scientific Vocabulary (ISV)* menurut kamus *Merriam-Webster's Colligiate Dictionary* Edisi Kesepuluh (1995) dan juga kamus *Merriam webster's Colligiate Online Dictionary* Edisi Kedua belas.

4.3 Analisis Morfo-Fonologi Istilah Berbentuk Kata Pinjaman

4.3.1 Analisis Terperinci Morfo-fonologi Kata Pinjaman

1. **Bahasa Arab:** 'الأنيميا' – [ānīmiā]

Bahasa Inggeris: 'anemia' - [ənīmiə]

Perkataan الأنيميا ditemui di dalam artikel kelima bertarikh 6 Mei 2015. Di dalam bahasa Inggeris, sebutan sebenar perkataan anemia ialah [ənīmiə]. Bagi bahasa Arab pula ia disebut الأنيميا [al-ānīmiyā]. Perkataan ini terdiri daripada empat suku kata.

Penelitian pengkaji terhadap perkataan ini mendapati terdapat beberapa perubahan yang terjadi dari segi bunyi konsonan dan juga vokal. Bagi perkataan bahasa Inggeris, suku kata pertama mengandungi bunyi vokal 'schwa' atau vokal tengah iaitu [ə]. Apabila berlaku proses peminjaman kata ke dalam bahasa Arab, ia telah ditukar menjadi vokal depan sempit iaitu [i]. Manakala vokal yang sama juga terdapat pada suku kata keempat dalam perkataan ini, namun ia ditukar menjadi vokal tengah luas [a].

Biarpun terdapat vokal yang sama dalam dua suku kata, bahasa Arab menukar vokal ini kepada dua vokal yang berbeza. Menurut Syahirah Almuddin (2012), keadaan ini kerana perubahan pada suku kata pertama disebabkan mengikut suku kata kedua dan ketiga selepasnya yang terdiri daripada bunyi vokal depan sempit [i] berbanding bunyi vokal tengah pada suku kata akhir. Manakala bagi bunyi vokal tengah [ə] yang ditukar kepada bunyi vokal tengah panjang [ā] disebabkan ianya gantian kepada bunyi diftong [iə]. Oleh itu, bahasa Arab

telah menambah bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] serta menukar bunyi vokal tengah [ə] menjadi vokal tengah luas [a].

2. Bahasa Arab : ‘أَفَلَاتُوكْسِينُ’ – [aflātūksīn]

Bahasa Inggeris : ‘*aflatoxin*’ – [aflətɒksɪn]

Pengkaji menemui perkataan أفلاتوكسين di dalam artikel kesembilan yang bertarikh 21 Mei 2015. Sebutan perkataan ini dalam bahasa Inggeris ialah [aflətɒksɪn] manakala bagi bahasa Arab pula ia disebut [aflātūksīn]. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada empat suku kata bagi kedua-dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Terdapat beberapa perbezaan yang berlaku pada bunyi vokal apabila bahasa Arab meminjam perkataan ini daripada bahasa Inggeris.

Pada suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Arab tidak berlaku perubahan pada bunyi vokal dan konsonan. Pada suku kata kedua perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal tengah [ə] digantikan kepada bunyi vokal tengah luas panjang [ā] dalam perkataan bahasa Arab. Bagi suku kata ketiga dalam perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal belakang luas bundar [ɒ] ditukar kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū]. Perubahan ini berlaku kerana di dalam bahasa Arab tiada bunyi vokal tengah [ə] dan vokal belakang luas bundar [ɒ], maka ia digantikan dengan bunyi vokal paling hampir iaitu vokal tengah luas panjang [ā] dan vokal belakang sempit panjang [ū].

Tiada berlaku perubahan pada suku kata keempat bagi kedua-dua perkataan. Hasil penelitian pengkaji mendapati perkataan bahasa Arab mengekalkan

konsonan yang terdapat di dalam perkataan bahasa Inggeris. Perubahan hanya berlaku pada bunyi vokal dalam perkataan ini. Keadaan ini terjadi kerana huruf konsonan yang terdapat dalam perkataan bahasa Inggeris juga terdapat dalam perkataan bahasa Arab, maka tiada keperluan untuk ditukar kepada huruf lain.

3. Bahasa Arab: ‘البكتيريَا’ – [al-baktīrījā]

Bahasa Inggeris: ‘bacteria’ – [bæktɪəriə]

Pengkaji menemui perkataan البكتيريَا di dalam artikel ke-12 bertarikh 26 Mei 2015. Ia merupakan satu perkataan bahasa Inggeris dan sebutan sebenar perkataan ini ialah [bæktɪəriə]. Ia disebut [al-baktīrījā] di dalam bahasa Arab. Perkataan ini mengandungi empat suku kata dalam kedua-dua bahasa. Pengkaji melihat terdapat beberapa perubahan bunyi vokal dan konsonan yang berlaku pada perkataan ini.

Pada suku kata yang pertama, tiada perubahan dari aspek bunyi konsonan yang berlaku. Hanya perubahan bunyi vokal berlaku iaitu bunyi vokal tengah luas [a] dalam bahasa Arab menggantikan bunyi vokal depan separuh sempit [æ] dalam bahasa Inggeris. Ia dilakukan kerana bahasa Arab tidak mempunyai bunyi vokal seperti vokal depan separuh sempit [æ]. Bagi suku kata kedua pula, diftong [ɪə] dalam bahasa Inggeris ditukar kepada vokal depan sempit panjang [ī] dalam bahasa Arab. Bunyi diftong [ɪə] tidak terdapat dalam bahasa Arab. Hanya bunyi diftong [aj] dan [aw] yang wujud dalam bahasa Arab.

Bagi suku kata ketiga pula, terdapat vokal yang sama dalam suku kata ini. Bahasa Arab menambah bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] serta menukar bunyi vokal tengah [ə] menjadi vokal tengah luas [a] dalam suku kata keempat. Menurut Syahirah Almuddin (2012), keadaan ini kerana ianya gantian kepada bunyi diftong [iə] yang tidak terdapat di dalam bahasa Arab.

4. Bahasa Arab: الكُرُومُوسُومَات — [al-kurūmūsūm]

Bahasa Inggeris: *chromosome* – [krōmäsōm]

Pengkaji menemui perkataan الكُرُومُوسُومَات di dalam artikel pertama bertarikh 1 Mei 2015. Dalam bahasa Arab, perkataan ini disebut sebagai [al-kurūmūsūm]. Ia dipinjam daripada perkataan bahasa Inggeris iaitu '*chromosome*' dan disebut sebagai [krōmäsōm]. Kedua-dua perkataan ini mempunyai jumlah suku kata yang berbeza. Perkataan '*chromosome*' dalam bahasa Inggeris memiliki tiga suku kata, namun apabila kata ini diserap dan digunapakai oleh bahasa Arab sebagai kata pinjaman, ia mengandungi empat suku kata.

Terdapat beberapa perbezaan antara kedua-dua perkataan ini dari aspek bunyi vokal dan konsonan. Suku kata pertama dalam perkataan bahasa Inggeris iaitu [krō] menjadi dua suku kata dalam perkataan bahasa Arab iaitu [ku] dan [rū]. Hal ini terjadi disebabkan bahasa Arab tidak memiliki bunyi rangkap konsonan [kr] ketika digunakan bersama, maka ia ditukar menjadi dua suku kata baru iaitu [ku] dan [rū]. Manakala bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] digunakan menggantikan bunyi vokal [o] yang terdapat di dalam suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris.

Vokal 'schwa' [ə] pada suku kata kedua perkataan bahasa Inggeris iaitu [mə] ditukar menjadi vokal belakang sempit [u] dalam suku kata ketiga dalam perkataan bahasa Arab. Berlaku perubahan bunyi vokal pada suku kata terakhir di dalam perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Arab iaitu daripada bunyi vokal [o] kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū]. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan bunyi vokal sebegini di dalam sistem bunyi bahasa Arab. Maka, bunyi vokal yang paling hampir digunakan sebagai gantian.

5. Bahasa Arab : الكِيمِيَّائِي – [al-kīmīyā'ī]

Bahasa Inggeris : 'chemotherapy' – [kēmōtherəpē]

Perkataan الكِيمِيَّائِي ditemui di dalam artikel ke-14 yang bertarikh 27 Mei 2015. Sebutan sebenar perkataan bahasa Inggeris ialah [kēmōtherəpē]. Apabila bahasa Arab menyerap masuk perkataan ini sebagai satu kata pinjaman, ia diubah dan dieja sebagai [al-kīmīyā'ī]. Perkataan 'chemotherapy' adalah satu kata terbitan yang terhasil daripada perkataan 'chemical'. Kamus *Merriam-Webster's Collegiate Online Dictionary* Edisi Kedua belas memberikan pengertian 'chemotherapy' sebagai 'the use of chemicals to treat or control a disease such as cancer'. Ertinya, kemoterapi ialah sejenis rawatan melibatkan penggunaan bahan kimia untuk merawat atau mengawal penyakit seperti kanser. Perkataan ini dapat dipecahkan kepada tiga suku kata. Pengkaji mengenalpasti perbezaan yang terdapat pada kedua-dua perkataan ini melibatkan bunyi vokal dan konsonan.

Suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris mengandungi bunyi vokal depan separuh sempit [e] telah ditukar menjadi vokal depan sempit [i] apabila

disesuaikan dengan bahasa Arab. Bagi suku kata kedua bahasa Inggeris pula ia mengandungi bunyi diftong [əɪ], dan bahasa Arab telah menukar bunyi diftong ini ke bunyi vokal depan sempit [i]. Penggantian vokal ini disebabkan oleh ketiadaan bunyi vokal depan separuh sempit [e] dan diftong [əɪ] di dalam sistem vokal bahasa Arab, maka bunyi vokal depan sempit [i] digunakan kerana ia mempunyai bunyi yang paling hampir serupa.

Akan tetapi, suku kata ketiga perkataan bahasa Inggeris tidak mengandungi bunyi vokal akan tetapi mengandungi bunyi yang disebut '*syllabic consonants*'. [kl]. Berlaku pengguguran bunyi '*schwa*' [ə] antara bunyi konsonan hentian langit lembut tak bersuara [k] dan bunyi konsonan sisian gusi [l]. Dalam struktur '*syllable*' sebegini, tidak perlu ada vokal disebabkan '*syllabic*' telah mengambil alih tempat vokal dalam struktur '*syllable*'. Bahasa Arab menyelesaikan ketidakpadanan bunyi ini dengan menggantikan bunyi tersebut kepada bunyi geluncuran langit keras bersuara [y], bunyi vokal tengah luas [ā] diwujudkan manakala bunyi konsonan sisian gusi [l] digantikan dengan bunyi hentian glotis tak bersuara [ʔ]. Ia bertujuan mengatasi hal pertembungan dua bunyi konsonan yang tiada dalam bahasa Arab. (Syahirah Almuddin, 2012).

6. Bahasa Arab: كَرِيم — [kirīm]

Bahasa Inggeris: '*cream*' – [krīm]

Perkataan كَرِيم ditemui di dalam artikel kedua bertarikh 2 Mei 2015. Dalam bahasa Inggeris, perkataan '*cream*' disebut [krīm] manakala dalam bahasa Arab pula ia disebut [kirīm]. Perkataan bahasa Inggeris mengandungi satu suku kata manakala bagi perkataan bahasa Arab berubah menjadi dua suku kata.

Terdapat beberapa perbezaan di antara kedua-dua perkataan ini melibatkan perubahan pada bunyi vokal dan konsonan. Suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris terbentuk daripada gabungan konsonan [kr], namun apabila perkataan ini dipinjam oleh bahasa Arab ia dipecahkan menjadi dua suku kata iaitu [ki] dan [rīm]. Hal ini terjadi disebabkan tiada bunyi yang terhasil melibatkan gabungan dua konsonan dalam bahasa Arab. Oleh itu, ia dipecahkan menjadi dua suku kata. Perkataan bahasa Arab mengekalkan bunyi vokal depan sempit panjang [ī] yang terdapat pada perkataan bahasa Inggeris kerana bahasa Arab mempunyai bunyi vokal yang sama dengan bunyi vokal tersebut.

7. Bahasa Arab: القُولُون — [al-qūlūn]

Bahasa Inggeris: 'colon' — [kəʊlən]

Pengkaji menemui perkataan القُولُون di dalam artikel keenam yang bertarikh 10 Mei 2015 dan artikel kesepuluh yang bertarikh 21 Mei 2015. Sebutan yang betul bagi perkataan bahasa Inggeris ialah [kəʊlən] manakala bagi bahasa Arab pula ia disebut [al-qūlūn]. Perkataan ini dibahagikan kepada dua suku kata. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan konsonan yang terdapat di dalam perkataan ini.

Dalam suku kata pertama, bunyi konsonan hentian langit lembut tak bersuara [k] di dalam bahasa Inggeris diubah menjadi bunyi hentian anak tekak (uvular) tak bersuara dalam bahasa Arab. Manakala bagi bunyi vokal pula berlaku perubahan pada bunyi diftong [əʊ] dalam bahasa Inggeris dan digantikan dengan bunyi vokal belakang sempit panjang [ū]. Keadaan ini disebabkan

ketiadaan bunyi diftong tersebut di dalam bahasa Arab dan digantikan dengan bunyi vokal yang paling hampir iaitu bunyi vokal belakang sempit panjang [ū].

Hanya perubahan bunyi vokal berlaku pada suku kata kedua bagi kedua-dua bahasa tanpa melibatkan perubahan pada bunyi konsonan. Bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris ditukar menjadi vokal belakang sempit panjang [ū] dalam bahasa Arab. Ia disebabkan bahasa Arab tidak memiliki vokal tersebut dan digantikan dengan bunyi vokal yang paling hampir iaitu bunyi vokal belakang sempit [u] berdasarkan cara sebutan bunyi vokal tersebut.

8. Bahasa Arab: الكوليستيرول — [al-kūlīstīrūl]

Bahasa Inggeris: 'cholesterol' – [kəlestəɹəl]

Perkataan الكوليستيرول ditemui di dalam artikel kesembilan yang bertarikh 21 Mei 2015. Sebutan yang betul bagi perkataan ini dalam bahasa Inggeris ialah [kəlestəɹəl] manakala sebutan bagi bahasa Arab pula ialah [al-kūlīstīrūl].

Kedua-dua perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Arab ini mempunyai empat suku kata. Pada suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal tengah [ə] ditukar kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū]. Bagi suku kata kedua bagi perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal separuh sempit [e] berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [ī] dalam perkataan bahasa Arab. Pada suku kata ketiga perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal tengah [ə] ditukar kepada bunyi vokal depan sempit [i]. Bagi suku kata terakhir perkataan bahasa Inggeris pula turut ditukar daripada bunyi vokal belakang luas bukan

bundar [ɒ] kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] dalam perkataan bahasa Arab.

Perubahan vokal yang berlaku dalam kedua-dua perkataan ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan bunyi vokal-vokal yang digunakan dalam perkataan bahasa Inggeris untuk digunakan oleh perkataan bahasa Arab. Oleh itu, bahasa Arab menyelesaikan masalah ini dengan menggantikan bunyi vokal tersebut kepada bunyi vokal yang paling hampir dalam bahasa Arab. Ia disokong oleh Syahirah Almuddin (2012) yang mengatakan bahawa perubahan yang berlaku disebabkan faktor fonetik kerana ia digantikan dengan bunyi yang paling hampir dari segi tempat dan cara sebutannya.

9. Bahasa Arab: الدُّكْتُور — [al-duktūr]

Bahasa Inggeris: 'doctor' – [dɒktə(r)]

Pengkaji menemui perkataan الدُّكْتُور di dalam artikel ke-12 bertarikh 26 Mei 2015. Ia merupakan satu perkataan bahasa Inggeris dan sebutan sebenar perkataan ini ialah [dɒktə(r)]. Ia disebut [al-duktūr] di dalam bahasa Arab. Terdapat dua pecahan suku kata daripada perkataan ini. Tidak banyak perbezaan yang terdapat di antara kedua-dua perkataan ini. Pengkaji melihat hanya terdapat perbezaan dari aspek vokal yang diganti dan penggunaan vokal panjang berlaku dalam perkataan bahasa Arab.

Vokal belakang luas bundar [ɒ] yang terdapat pada suku kata pertama bahasa Inggeris telah ditukar kepada vokal belakang sempit [u] bagi perkataan bahasa Arab. Manakala bagi suku kata kedua pula, berlaku penggantian vokal dalam

bahasa Arab menjadi vokal belakang sempit panjang [ū] daripada vokal asal dalam bahasa Inggeris iaitu vokal tengah atau 'schwa' [ə].

Huruf vokal di dalam bahasa Arab mengandungi tiga bunyi iaitu vokal depan sempit [i], vokal tengah luas [a], dan vokal belakang sempit [u]. Vokal panjang dalam bahasa Arab pula ialah [ā], [ī], dan [ū]. Bunyi vokal belakang luas bundar [ɒ] dan vokal tengah atau 'schwa' tidak terdapat dalam bahasa Arab. Keadaan ini merupakan sebab bahasa Arab menukar vokal-vokal yang terdapat di dalam perkataan ini kepada bunyi vokal yang paling hampir iaitu vokal belakang sempit [u] dan vokal belakang sempit panjang [ū]. Ia bertepatan dengan Syahirah Almuddin (2012) yang menyatakan bahawa hal ini disebabkan faktor fonetik melibatkan penggantian bunyi vokal paling hampir berdasarkan kedudukan lidah.

10. Bahasa Arab: الجينة — [al-dʒīnah]

Bahasa Inggeris: 'gene' - [dʒīn]

Pengkaji menemui perkataan الجينة di dalam artikel kesepuluh bertarikh 21 Mei 2015 dan artikel ke-15 bertarikh 30 Mei 2015. Sebutan sebenar perkataan *gene* dalam bahasa Inggeris ialah [dʒīn], manakala bagi bahasa Arab pula ia disebut sebagai [al-dʒīnah]. Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kedua-dua perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Arab ini, didapati ia tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Perkataan bahasa Inggeris hanya mempunyai satu suku kata, manakala bagi perkataan bahasa Arab pula mempunyai dua suku kata.

Bagi suku kata pertama tiada sebarang perbezaan bagi kedua-dua bahasa ini. Bahasa Inggeris dan bahasa Arab menggunakan bunyi vokal dan bunyi konsonan yang sama. Konsonan letusan gusi lelangit keras [dʒ] di dalam bahasa Inggeris dikekalkan di dalam perkataan bahasa Arab. Hal ini adalah disebabkan kewujudan bunyi konsonan tersebut di dalam bahasa Arab. Maka, perkataan ini tidak memerlukan kepada penggunaan huruf-huruf tertentu sebagai penyesuaian perkataan tersebut. Bunyi vokal yang sama juga digunakan pada suku kata pertama ini iaitu bunyi vokal depan sempit panjang [ī]. Bunyi konsonan sengauan gusi [n] pada akhir suku kata pertama bahasa Inggeris dipisahkan dalam bahasa Arab. Konsonan ini membentuk suku kata baru dengan penambahan bunyi vokal tengah luas [a] dan bunyi geseran glotis tak bersuara [h] dalam bahasa Arab.

11. Bahasa Arab: غَلَايُفُوسَات - [ghilājfūsāt]

Bahasa Inggeris: 'glyphosate' - [glifəsāt]

Perkataan غَلَايُفُوسَات ditemui di dalam artikel ketujuh yang bertarikh 14 Mei 2015. Dalam bahasa Inggeris, sebutan sebenar perkataan ini ialah [glifəsāt]. Dalam bahasa Arab pula ia disebut [ghilājfūsāt]. Berlaku beberapa perubahan pada bunyi konsonan dan vokal perkataan ini apabila bahasa Arab meminjam masuk perkataan ini daripada bahasa Inggeris.

Perkataan bahasa Inggeris mengandungi tiga suku kata manakala bagi perkataan bahasa Arab pula ia mengandungi empat suku kata. Suku kata pertama dalam bahasa Inggeris iaitu [gli] merupakan satu suku kata melibatkan gugusan konsonan [gl] dan vokal depan sempit [i]. Dalam bahasa Arab pula, suku kata ini dipecah membentuk dua suku kata iaitu [ghi] dan [lāj]. Bunyi

hentian lelangit lembut bersuara [g] dalam bahasa Inggeris digantikan kepada bunyi konsonan geseran anak tekak bersuara [gh] dalam bahasa Arab. Pecahan suku kata ini berlaku disebabkan oleh ketiadaan bunyi rangkap konsonan dalam bahasa Arab. Maka bahasa Arab memasukkan bunyi vokal depan sempit [i] di antara bunyi hentian lelangit lembut bersuara [g] dan bunyi sisian [l] dan juga bunyi diftong [aj] bersama bunyi sisian [l] sebagai suku kata kedua dalam bahasa Arab.

Pada suku kata kedua dalam bahasa Inggeris iaitu [fə], berlaku perubahan bunyi vokal tengah [ə] kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] dalam bahasa Arab. Hal ini disebabkan oleh ketiadaan bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Arab, maka ia ditukarkan dengan bunyi vokal bahasa Arab yang paling hampir iaitu vokal belakang sempit panjang [ū]. Bagi suku kata ketiga pula, berlaku jenis perubahan yang sama iaitu hanya melibatkan bunyi vokal sahaja. Bahasa Arab menukar kepada bunyi vokal tengah luas panjang [ā] menggantikan bunyi vokal tengah luas [a] di dalam perkataan bahasa Inggeris.

12. Bahasa Arab : هيموفيليس — [hīmūfilīs]

Bahasa Inggeris : ‘haemophilia’ - [hēməfilēə]

Perkataan هيموفيليس ditemui di dalam artikel kedua belas bertarikh 26 Mei 2015. Sebutan sebenar perkataan ini dalam bahasa Inggeris ialah [hēməfilēə], manakala sebutan sebenar di dalam bahasa Arab ialah [hīmūfilīs]. Wujud beberapa perbezaan pada bunyi vokal dan konsonan pada kedua-dua perkataan ini.

Perkataan bahasa Inggeris mengandungi lima suku kata manakala bagi perkataan bahasa Arab pula ia mengandungi empat suku kata. Pada suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal depan separuh sempit [e] berubah menjadi bunyi vokal depan sempit [i] dalam perkataan bahasa Arab. Manakala, pada suku kata kedua pula bunyi vokal tengah [ə] dalam perkataan bahasa Inggeris ditukar menjadi bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] dalam perkataan bahasa Arab.

Pada suku kata ketiga pula, bunyi vokal depan sempit [i] dalam perkataan bahasa Inggeris dikekalkan dalam perkataan bahasa Arab dan hanya ditambah bunyi vokal panjang. Suku kata keempat bagi perkataan bahasa Inggeris yang mengandungi bunyi vokal depan separuh sempit [e] ditukar ke bunyi vokal depan sempit [i] sama seperti suku kata yang pertama sebelum ini.

Perubahan pada bunyi vokal dalam perkataan bahasa Arab berlaku disebabkan ketiadaan bunyi vokal yang digunakan oleh perkataan bahasa Inggeris, maka ia menggantikan bunyi vokal tersebut dengan bunyi vokal bahasa Arab yang paling hampir. Berlaku pengurangan satu suku kata daripada perkataan bahasa Inggeris ke dalam perkataan bahasa Arab iaitu suku kata kelima perkataan bahasa Inggeris [ə] yang merupakan bunyi vokal tengah digantikan dengan bunyi konsonan geseran gigi gusi tak bersuara [s] pada suku kata keempat perkataan bahasa Arab sebagai satu huruf konsonan tambahan menjadi [līs].

13. Bahasa Arab : الهربس — [al-hirbis]

Bahasa Inggeris : 'herpes' – [hərpēz]

Perkataan الهربس ditemui di dalam artikel keempat belas yang bertarikh 27 Mei 2015 dan artikel kelima belas yang bertarikh 30 Mei 2015. Dalam bahasa

Inggeris, sebutan sebenar perkataan ini ialah [hərpēz], manakala dalam bahasa Arab pula ia disebut [al-hirbis]. Kedua-dua perkataan ini mengandungi dua suku kata.

Terdapat perubahan yang berlaku pada bunyi konsonan dan vokal dalam kedua-dua perkataan ini. Pada suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris, bunyi vokal tengah [ə] berubah kepada bunyi vokal depan sempit [i] dalam perkataan bahasa Arab. Manakala pada suku kata kedua pula turut berlaku perubahan bunyi vokal iaitu bunyi vokal depan separuh sempit [e] ditukar kepada bunyi vokal depan sempit [i]. Menurut Syahirah Almuddin (2012), keadaan ini berlaku disebabkan faktor fonetik yang berbeza di antara bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Bunyi vokal tengah [ə] dan vokal depan separuh sempit [e] tidak ada dalam bahasa Arab maka ia digantikan dengan bunyi vokal yang paling hampir dalam bahasa Arab iaitu vokal depan sempit [i].

Berlaku dua perubahan pada bunyi konsonan dalam suku kata kedua iaitu pertama, bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara [p] dalam perkataan bahasa Inggeris berubah menjadi bunyi konsonan hentian bibir bersuara [b] dalam perkataan bahasa Arab. Perubahan ini terjadi kerana tiada bunyi konsonan hentian bibir tak bersuara [p] dalam bahasa Arab, maka digantikan dengan bunyi konsonan paling hampir iaitu konsonan hentian bibir bersuara [b]. Kedua, perubahan bunyi konsonan geseran gigi gusi bersuara [z] dalam perkataan bahasa Inggeris berubah kepada bunyi konsonan geseran gusi tak bersuara [s] dalam perkataan bahasa Arab.

14. Bahasa Arab: الإِنْفِلْوَانَزَا – [al-‘infilwanzā]

Bahasa Inggeris: ‘*influenza*’ – [ɪnflʊenzə]

Pengkaji menemui perkataan الإِنْفِلْوَانَزَا di dalam artikel ke-12 yang bertarikh 26 Mei 2015. Sebutan sebenar perkataan bahasa Inggeris ‘influenza’ ialah [ɪnflʊenzə], manakala bagi bahasa Arab pula disebut [al-infilwanzā]. Terdapat persamaan jumlah suku kata bagi kedua-dua perkataan ini iaitu mengandungi empat suku kata. Wujud perbezaan pada bunyi vokal dan konsonan dalam perkataan ini.

Pada suku kata pertama, bahasa Arab mengekalkan bunyi suku kata bahasa Inggeris tanpa melakukan sebarang perubahan. Namun pada suku kata kedua, berlaku perubahan pada gugus konsonan [fl] bahasa Inggeris kepada [fil] dalam bahasa Arab. Berlaku penambahan bunyi vokal depan sempit [i] di antara kedua-dua konsonan ini. Hal ini disebabkan dalam bahasa Arab tidak wujud gugus konsonan, maka bunyi vokal harus ditambah di antaranya. Bunyi vokal belakang sempit [ʊ] dalam perkataan bahasa Inggeris dipisahkan daripada gugus konsonan [fl].

Dalam suku kata ketiga pula [en] dalam bahasa Inggeris menjadi [wan] dalam bahasa Arab. Ia melibatkan penambahan bunyi konsonan geluncuran bibir lelangit lembut bersuara [w] dan menggantikan bunyi vokal depan separuh sempit [e] dalam bahasa Inggeris kepada vokal tengah luas [a] bagi bahasa Arab. Menurut Syahirah Almuiddin (2012), hal ini berlaku disebabkan terjadinya pertembungan dua bunyi vokal secara serentak dan bunyi konsonan perlu ditambah bagi membunyikan vokal selepasnya.

Bagi suku kata keempat pula hanya berlaku pertukaran vokal tengah atau 'schwa' [ə] dalam bahasa Inggeris kepada vokal tengah luas panjang [ā] bagi bahasa Arab. Ia berlaku disebabkan tidak terdapat bunyi vokal tengah atau 'schwa' [ə] dalam bahasa Arab dan ia digantikan dengan bunyi vokal paling hampir iaitu vokal tengah luas panjang [ā] mengikut faktor fonetik.

15. Bahasa Arab: إِمِّيُونُولُوجِي — [i'miyyūnūlūdʒī]

Bahasa Inggeris : 'immunology' – [immunɒlədʒi]

Perkataan إِمِّيُونُولُوجِي ditemui di dalam artikel kedua belas yang bertarikh 26 Mei 2016. Sebutan yang betul bagi perkataan bahasa Inggeris ialah [immunɒlədʒi], manakala sebutan bagi bahasa Arab pula ialah [i'miyyūnūlūdʒī]. Perkataan bahasa Inggeris mengandungi lima suku kata manakala bagi perkataan bahasa Arab pula ia mengandungi enam suku kata. Berlaku perubahan pada bunyi vokal pada kedua-dua perkataan ini.

Pada dua suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris telah berubah menjadi tiga suku kata dalam bahasa Arab. Bahasa Arab menambah bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] di antara kedua-dua suku kata pertama di dalam bahasa Inggeris mewujudkan suku kata [miy] di dalam bahasa Arab. Tidak berlaku perubahan pada bunyi vokal pada suku kata yang terlibat ini dengan bahasa Arab mengekalkan bunyi vokal [i] dan [u] yang terdapat pada perkataan bahasa Inggeris.

Bagi tiga suku kata seterusnya bagi kedua-dua perkataan didapati bahasa Arab menggantikan bunyi konsonan yang terdapat di dalam perkataan bahasa Inggeris. Hal ini disebabkan bahasa Arab tidak mempunyai bunyi konsonan yang sama

dengan konsonan bahasa Inggeris maka ia perlu ditukar. Berlaku perubahan pada bunyi vokal belakang luas bukan bundar [ɒ] pada suku kata ketiga bahasa Inggeris iaitu ditukar kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] dalam suku kata keempat bahasa Arab. Manakala bunyi vokal tengah [ə] bagi suku kata keempat bahasa Inggeris turut ditukar kepada bunyi vokal yang sama iaitu bunyi vokal belakang sempit panjang [ū]. Tiada perubahan pada suku kata terakhir bagi kedua-dua perkataan.

16. Bahasa Arab: اللُّوكِيمِيَا – [al-lūkīmīja]

Bahasa Inggeris: 'leukemia' – [lukēmēə]

Pengkaji menemui perkataan اللُّوكِيمِيَا dalam artikel kedua belas yang bertarikh 26 Mei 2015. Sebutan sebenar perkataan ini dalam bahasa Inggeris ialah [lukēmēə], bagi bahasa Arab pula ia disebut [al-lūkīmījā]. Kedua-dua perkataan ini mengandungi empat suku kata. Berlaku perubahan pada bunyi vokal di antara kedua-dua perkataan ini.

Tiada berlaku perubahan pada bunyi vokal dan konsonan bagi suku kata pertama perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Bagi suku kata kedua perkataan bahasa Inggeris iaitu [kē] berubah menjadi [kī] dalam perkataan bahasa Arab. Ia melibatkan perubahan pada bunyi vokal depan separuh sempit [e] kepada bunyi vokal depan sempit panjang [ī]. Ia disebabkan bunyi vokal depan separuh sempit [e] tidak terdapat di dalam bahasa Arab, maka bahasa Arab menggantikan bunyi ini dengan bunyi vokal depan sempit panjang [ī] sebagai bunyi yang paling hampir dengannya. Perubahan yang sama turut berlaku pada suku kata ketiga bagi kedua-dua perkataan ini.

Dalam suku kata keempat perkataan ini, berlaku perubahan pada bunyi vokal tengah [ə] perkataan bahasa Inggeris yang digantikan dengan bunyi vokal tengah panjang [ā] dalam perkataan bahasa Arab. Bahasa Arab juga telah menambah bunyi konsonan geluncuran lelangit keras bersuara [j] serta menukar bunyi vokal tengah [ə] menjadi vokal tengah luas [a] dan membentuk satu suku kata.

17. Bahasa Arab : المِيلَانُومَا — [al-mīlānūmā]

Bahasa Inggeris : 'melanoma' – [melənomə]

Perkataan المِيلَانُومَا dalam kajian ini ditemui pada artikel ke-14 yang bertarikh 27 Mei 2015. Dalam bahasa Inggeris, perkataan *melanoma* disebut [melənomə], manakala dalam bahasa Arab pula ia disebut [al-mīlānūmā]. Perkataan ini mengandungi empat suku kata dalam kedua-dua bahasa. Hasil penelitian pengkaji mendapati terdapat perubahan yang berlaku terhadap bunyi vokal tanpa melibatkan bunyi konsonan.

Suku kata pertama dalam bahasa Inggeris mengandungi bunyi vokal depan separuh sempit [e] ditukar kepada bunyi vokal depan sempit panjang [ī] dalam bahasa Arab. Bagi suku kata kedua pula, vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris digantikan dengan bunyi vokal tengah luas panjang [ā] dalam bahasa Arab. Vokal belakang separuh sempit [o] dalam suku kata ketiga bahasa Inggeris ditukar kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū]. Perubahan bunyi vokal yang berlaku pada suku kata keempat didapati sama dengan perubahan bunyi vokal suku kata kedua iaitu perubahan bunyi vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris kepada bunyi vokal tengah luas panjang [ā].

Pertukaran vokal dalam keempat-empat suku kata ini terjadi kerana bahasa Arab tidak mempunyai bunyi vokal menyerupai bunyi vokal bahasa Inggeris, maka bahasa Arab menggantikannya dengan bunyi vokal yang paling hampir mengikut kedudukan makhraj huruf tersebut.

18. Bahasa Arab: نيكوتيناميد — [nīkūtīnāmīd/

Bahasa Inggeris: ‘*nicotinamide*’ - /nɪkəʔtɪːnəmaɪd/

Perkataan نيكوتيناميد ditemui di dalam artikel kelapan bertarikh 17 Mei 2015. Ia dipinjam daripada perkataan ‘*nicotinamide*’ dalam bahasa Inggeris. Sebutan sebenar perkataan ini ialah [nɪkəʔtɪːnəmaɪd]. Dalam bahasa Arab pula ia disebut نيكوتيناميد [nīkūtīnāmīd]. Perkataan ini mengandungi lima suku kata bagi kedua-dua bahasa. Berlaku perubahan pada bunyi vokal yang terdapat padanya.

Tiada perubahan yang berlaku pada suku kata yang pertama apabila bahasa Arab mengekalkan bunyi konsonan sengauan gusi [n] dan vokal depan sempit [i] yang terdapat dalam perkataan bahasa Inggeris. Pada suku kata kedua didapati berlaku perubahan bunyi vokal tengah atau ‘*schwa*’ [ə] dalam bahasa Inggeris kepada bunyi vokal belakang sempit [u] dalam bahasa Inggeris. Perubahan ini berlaku adalah disebabkan bahasa Arab tidak mempunyai bunyi vokal tengah atau ‘*schwa*’ [ə], maka bunyi vokal terdekat iaitu vokal belakang sempit [u] digunakan menggantikannya.

Bagi suku kata ketiga [tī] dan keempat [nā], pengkaji mendapati tidak berlaku perubahan pada bunyi vokal dan konsonan dalam kedua-dua perkataan ini.

Akan tetapi berlaku sedikit perubahan pada suku kata kelima dalam perkataan ini. Bunyi diftong [aɪ] yang terdapat dalam suku kata kelima perkataan bahasa Inggeris diubah kepada bunyi vokal depan sempit panjang [ī] dalam perkataan bahasa Arab. Menurut Syahirah Almuddin (2012), keadaan ini terjadi kerana bunyi diftong [aɪ] tidak terdapat di dalam bahasa Arab, akan tetapi diftong yang wujud dalam bahasa Arab ialah [ay].

19. Bahasa Arab: أوميغًا – [ūmīghā]

Bahasa Inggeris: 'omega' – [əʊmɪgə]

Perkataan أوميغًا ditemui di dalam dua artikel berbeza iaitu artikel kesembilan bertarikh 21 Mei 2015 dan artikel ke-13 bertarikh 26 Mei 2015. Sebutan sebenar perkataan 'omega' dalam bahasa Inggeris ialah [əʊmɪgə], manakala sebutan dalam bahasa Arab pula ialah [ūmīghā]. Kedua-dua perkataan ini mengandungi tiga suku kata. Pengkaji mendapati terdapat perbezaan pada bunyi konsonan dan bunyi vokal bagi perkataan ini.

Pada suku kata pertama bahasa Inggeris mengandungi bunyi diftong [əʊ]. Akan tetapi bunyi ini ditukar kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] dalam bahasa Arab. Pertukaran ini dilakukan kerana bunyi diftong [əʊ] dalam bahasa Inggeris tidak ada dalam bahasa Arab, maka bunyi vokal terdekat iaitu vokal belakang sempit panjang digunakan dalam perkataan ini. Bagi suku kata kedua pula, tiada perubahan bunyi vokal di antara kedua-dua perkataan bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Hanya terdapat penambahan vokal panjang dilakukan dalam bahasa Arab.

Berlaku perubahan bunyi konsonan dan vokal dalam suku kata ketiga perkataan ini. Bunyi konsonan hentian lelangit lembut bersuara [g] dalam bahasa Inggeris ditukar kepada bunyi konsonan geseran anak tekak bersuara [gh] dalam bahasa Arab. Ia berlaku kerana bunyi konsonan hentian lelangit lembut bersuara [g] tidak terdapat dalam senarai huruf-huruf bahasa Arab. Bagi perubahan bunyi vokal pula melibatkan bunyi vokal tengah atau 'schwa' [ə] dalam bahasa Inggeris ditukar kepada bunyi vokal tengah luas panjang [ā] juga disebabkan ketiadaan bunyi vokal tersebut di dalam bahasa Arab.

20. Bahasa Arab: بُرُوتِينَ — [burūtīn]

Bahasa Inggeris: 'protein' – [prəʊtīn]

Perkataan بُرُوتِينَ ditemui di dalam tiga buah artikel iaitu artikel keempat yang bertarikh 5 Mei 2015, artikel keenam bertarikh 10 Mei 2015 dan artikel kesepuluh yang bertarikh 21 Mei 2015. Sebutan yang benar bagi perkataan protein dalam bahasa Inggeris ialah [prəʊtīn]. Bagi bahasa Arab pula ia disebut [burūtīn]. Dalam bahasa Inggeris, perkataan ini dapat dipecahkan kepada dua suku kata manakala dalam bahasa Arab sedikit berbeza kerana ia dipecahkan kepada tiga suku kata. Bunyi vokal dan konsonan yang berbeza dalam perkataan ini menunjukkan berlakunya perubahan.

Suku kata pertama bahasa Inggeris mengandungi bunyi hentian dua bibir tak bersuara [p]. Walau bagaimana pun ia telah berubah kepada bunyi hentian dua bibir bersuara [b] dalam bahasa Arab. Bahasa Arab mewujudkan dua suku kata baru daripada suku kata pertama bahasa Inggeris yang berbentuk gugus konsonan. Bunyi vokal belakang sempit [u] ditambah di antara bunyi huruf [b] dan huruf [r] menjadi suku kata pertama bahasa Arab iaitu [bu] manakala bunyi

sisian gusi [r] ditambah dengan bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] menjadi suku kata kedua dalam perkataan bahasa Arab iaitu [ru].

Pecahan suku kata ini berlaku disebabkan bahasa Arab tidak mempunyai gugus konsonan seperti di dalam bahasa Inggeris. Maka, ia harus dipisahkan dan diberi bunyi vokal sebagai satu suku kata. Pada suku kata kedua dalam bahasa Inggeris didapati bahasa Arab mengekalkan bunyi vokal depan sempit panjang [ī] sebagai mana yang digunakan oleh bahasa Inggeris. Hal ini terjadi disebabkan kewujudan kedua-dua bunyi vokal tersebut di dalam kedua-dua bahasa. Maka, tiada berlaku perubahan bagi suku kata ini.

21. Bahasa Arab: تَيْلُمُورَات — [tīlmūmīrāt]

Bahasa Inggeris: 'telomere' – [teləmir]

Pengkaji menemui perkataan تَيْلُمُورَات di dalam artikel pertama yang bertarikh 1 Mei 2015. Sebutan sebenar perkataan ini dalam bahasa Inggeris ialah [teləmir], manakala dalam bahasa Arab pula ia disebut [tīlmūmīrāt].

Perkataan bahasa Inggeris mengandungi tiga suku kata manakala bagi perkataan bahasa Arab pula mempunyai empat suku kata. Berlaku perubahan pada bunyi vokal dan pertambahan suku kata di antara kedua-dua perkataan ini. Suku kata pertama dan kedua dalam bahasa Inggeris iaitu [te] dan [lə] ditukar menjadi [tīl] dalam perkataan bahasa Arab. Jumlah suku kata ini dikurangkan menjadi satu suku kata sahaja.

Perubahan ini melibatkan pertukaran bunyi vokal depan separuh sempit [e] kepada vokal depan sempit panjang [ī]. Hal ini disebabkan bahasa Arab tidak mempunyai bunyi vokal depan separuh sempit [e] dan ia digantikan dengan bunyi vokal paling hampir. Namun, bahasa Arab menambah satu suku kata yang bersesuaian dengan struktur perkataan ini iaitu [mū] sebagai suku kata kedua bagi perkataan bahasa Arab.

Bagi suku kata ketiga dalam perkataan bahasa Inggeris iaitu [mir] pula, ia dipecahkan menjadi dua suku kata bagi perkataan bahasa Arab iaitu [mī] dan [rāt]. Perubahan ini disebabkan oleh penggunaan perkataan ini di dalam bentuk jamak yang menunjukkan jumlah yang banyak, maka berlaku penambahan bunyi [āt] selepas perkataan [mīr] yang merupakan simbol bentuk jamak.

22. Bahasa Arab: فَيْرُوسْ – [fayrūs]

Bahasa Inggeris: 'virus' – [vaɪrəs]

Perkataan فَيْرُوسْ dalam kajian ini ditemui sebanyak tiga kali iaitu pada artikel ke-12 bertarikh 26 Mei 2015, artikel ke-14 bertarikh 27 Mei 2015 dan artikel ke-15 yang bertarikh 30 Mei 2015. Dalam bahasa Inggeris, perkataan *virus* disebut [vaɪrəs]. Bagi bahasa Arab pula ia disebut [fayrūs]. Terdapat dua suku kata dalam perkataan ini. Hasil penelitian pengkaji mendapati terdapat perubahan yang berlaku terhadap bunyi vokal dan konsonan.

Suku kata pertama bahasa Inggeris mengandungi bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] manakala bagi bahasa Arab ia ditukar kepada konsonan geseran bibir gigi tak bersuara [f]. Perubahan ini terjadi disebabkan bahasa Arab tidak mempunyai bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dan penggantian konsonan dibuat dengan melihat kepada bunyi konsonan yang paling hampir. Seterusnya, berlaku perubahan pada bunyi diftong [aɪ] dalam bahasa Inggeris kepada bunyi diftong [ay] dalam bahasa Arab. Hal ini berlaku disebabkan bahasa Arab memiliki bunyi diftong [ay].

Dalam suku kata kedua pula, berlaku perubahan pada bunyi vokal iaitu pertukaran bunyi vokal tengah atau 'schwa' [ə] dalam bahasa Inggeris kepada bunyi vokal belakang sempit panjang [ū] dalam bahasa Arab memandangkan bahasa Arab tidak memiliki bunyi vokal tersebut.

23. Bahasa Arab: فَيْتَامِينَ — [fītāmīn]

Bahasa Inggeris: 'vitamin' - [vɪtəmin]

Perkataan فَيْتَامِينَ dalam kajian ini ditemui di dalam artikel kelapan yang bertarikh 17 Mei 2015 dan artikel ke-13 yang bertarikh 26 Mei 2015. Dalam bahasa Inggeris, sebutan yang tepat bagi perkataan ini ialah [vɪtəmin] manakala sebutan yang betul bagi bahasa Arab pula ialah [fītāmīn].

Perkataan ini terdiri daripada tiga suku kata. Berlaku beberapa perubahan pada bunyi vokal dan konsonan dalam perkataan ini. Pada suku kata pertama bahasa Inggeris, bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] telah ditukar kepada

konsonan geseran bibir gigi tak bersuara [f] dalam bahasa Arab. Keadaan ini disebabkan bahasa Arab tidak mempunyai bunyi konsonan geseran bibir gigi bersuara [v] dan bagi mengatasi keadaan ini, maka bahasa Arab menggunakan bunyi konsonan terdekat dan paling hampir iaitu konsonan geseran bibir gigi tak bersuara [f] sebagai gantian.

Bagi suku kata kedua pula, vokal tengah [ə] dalam bahasa Inggeris ditukar kepada vokal depan sempit panjang [ī] dalam bahasa Arab sebagai sebagai gantian. Semua perubahan yang berlaku melibatkan faktor fonetik iaitu penggantian dengan bunyi yang paling hampir dari segi makhraj dan cara sebutannya (Syahirah Almuddin, 2012).

4.3.2 Bentuk Perubahan Morfo-fonologi

Pengkaji membuat penganalisan data terhadap bentuk perubahan morfo-fonologi kata pinjaman bahasa Arab yang dikeluarkan daripada keseluruhan istilah iaitu mengkategorikan perubahan tersebut kepada enam bentuk iaitu penggantian, penyisipan, pemisahan, penambahan dan pemanjangan bunyi.

4.3.2.1 Penggantian Bunyi

a) Penggantian Bunyi Konsonan

Proses penggantian bunyi melibatkan beberapa bunyi huruf konsonan seperti:

Jadual 4.13 Penggantian Bunyi Konsonan

Bil.	Penggantian Bunyi Konsonan	Contoh
-------------	-----------------------------------	---------------

1.	Huruf [k] – [q]	BI : [kəʊlən] BA : [al-qūlūn]
2.	Huruf [z] – [s]	BI : [hərpēz] BA : [al-hirbis]
3.	Huruf [g] – [gh]	BI : [əʊmɪgə] BA : [ūmīghā]
4.	Huruf [p] – [b]	BI : [prəʊtɪn] BA : [burūtɪn]
5.	Huruf [v] – [f]	BI : [vaɪrəs] BA : [fayrūs]

b) Penggantian Bunyi Vokal

Bagi penggantian bunyi vokal pula berlaku terhadap ketiga-tiga jenis vokal dalam bahasa Arab iaitu vokal [a], [i], dan [u]. Jadual berikut menerangkan bentuk perubahan penggantian bunyi vokal yang berlaku ketika bahasa Arab meminjam perkataan daripada bahasa asing.

Jadual 4.14 Penggantian Bunyi Vokal

Bil	Penggantian Bunyi Vokal	Jenis Penggantian	Contoh
1.	Vokal [a]	[ə] kepada [a]	BI : [al-melənomə] BA : [al-mīlānūmā]
		[æ] kepada [a]	BI : [bæktirēə] BA : [baktīrījā]
2.	Vokal [i]	[ə] kepada [i]	BI : [kələstərəl] BA : [al-kūlīstīrūl]
		[aɪ] kepada [i]	BI : [nɪkətīnamɑɪd] BA : [nīkūtīnāmīd]
		[e] kepada [i]	BI : [teləmir]

			BA : [tīlmūmīrāt]
3.	Vokal [u]	[əʊ] kepada [u]	BI : [kəʊlən] BA : [al-qūlūn]
		[ə] kepada [u]	BI : [vaɪrəs] BA : [fayrūs]
		[ɒ] kepada [u]	BI : [dɒktə(r)] BA : [al-duktūr]
		[o] kepada [u]	BI : [krōməsōm] BA : [al-kurūmūsūm]

4.3.2.2 Penyisipan Bunyi

Wujud dua bentuk penyisipan bunyi di dalam data kata pinjaman ini iaitu :

Jadual 4.15 Penyisipan Bunyi

Jenis	Contoh
Penyisipan bunyi huruf [w]	BI : [ɪnflʊenzə] BA : [ɪnfilwanzā]
Penyisipan bunyi huruf [y]	BI : [ənēmēə] BA : [al-anīmiyā]

4.3.2.3 Pemisahan Gugusan Konsonan

Gugusan konsonan ialah gabungan dua bunyi konsonan yang digunakan bersama sebagai satu suku kata.

Jadual 4.16 Pemisahan Gugusan Konsonan

Pemisahan Gugusan Konsonan	Contoh

Gugusan konsonan [pr]	BI : [prəʊtɪn] BA : [burūtɪn]
Gugusan konsonan [ly]	BI : [glifəsāt] BA : [ghilāyfūsāt]
Gugusan konsonan [fl]	BI : [ɪnfləʊnzə] BA : [ʔɪnfilwanzā]
Gugusan konsonan [kr]	BI : [krōməsōm] BA : [al-kurūmūsūm]
	BI : [krīm] BA : [kirīm]

4.3.2.4 Penambahan Bunyi

Berlaku beberapa penambahan bunyi pada perkataan bahasa Arab melibatkan penambahan suku kata.

Jadual 4.17 Penambahan Bunyi

Jenis Penambahan	Contoh
Bunyi [ah]	BI : [dʒɪn] BA : [al-dʒɪnah]
Bunyi [ay]	BI : [glifəsāt] BA : [ghilāyfūsāt]
Bunyi [āt]	BI : [teləmir] BA : [tūlmūmīrāt]

4.3.2.5 Pemanjangan Bunyi Vokal

Jadual 4.18 Pemanjangan Bunyi Vokal

Jenis pemanjangan	Contoh
Vokal [a] kepada [ā]	BI : [vɪtəmin] BA : [fītāmīn]

Vokal [əʊ] kepada [ū]	BI : [prəʊtīn] BA : [burūtīn]
Vokal [i] kepada [ī]	BI : [nikətīnamaɪd] BA : [nikūtīnāmīd]

4.3.3 Kesimpulan

Menerusi kajian ini, pengkaji mendapati bahawa beberapa hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bentuk perubahan morfo-fonologi yang berlaku pada kata pinjaman bahasa Arab apabila sesuatu perkataan itu diserap masuk ke dalamnya. Perubahan itu antaranya ialah melibatkan proses penggantian, penyisipan, pemisahan, penambahan dan pemanjangan bunyi vokal dan juga konsonan. Pengkaji mendapati perubahan-perubahan ini diolah oleh bahasa Arab iaitu bahasa yang meminjam bagi menyesuaikan pola sebutan kata pinjaman tersebut mengikut huruf dan kaedah yang terdapat di dalam bahasa Arab.

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan

Kajian ini bertumpu kepada penganalisan artikel penyakit kanser di dalam akhbar al-Jazeera.net bagi mengetahui istilah-istilah khusus yang digunakan di dalam bidang kesihatan. Ia merangkumi istilah-istilah berbentuk kata pinjaman dengan berfokuskan kepada asal-usul perkataan pinjaman yang diperolehi di samping menghitung kekerapannya daripada keseluruhan istilah bidang kesihatan. Akhir sekali, pengkaji meneliti proses morfo-fonologi yang berlaku terhadap kata pinjaman tersebut.

5.1 Rumusan

Keseluruhannya, hasil kajian mendapati bahawa laras bahasa kesihatan mempunyai istilah-istilah khusus yang digunakan di dalam penulisan artikel kesihatan di samping penggunaan istilah-istilah yang berkaitan langsung dengannya. Istilah-istilah laras kesihatan daripada kategori kata nama merupakan kategori tertinggi berbanding kategori kata kerja dan kata frasa.

Sebanyak 89 kata nama iaitu 47% daripada keseluruhan data iaitu 190 istilah dikategorikan sebagai istilah bidang kesihatan secara khusus dan istilah yang mempunyai kaitan langsung dengannya. Diikuti istilah daripada golongan frasa iaitu sebanyak 69 kata bersamaan 36% daripada keseluruhan data, manakala

kata kerja mencatatkan jumlah istilah yang paling sedikit diperolehi daripada keseluruhan data iaitu sebanyak 32 kata bersamaan 17%.

Istilah-istilah yang mempunyai kaitan langsung dengan laras bahasa kesihatan berperanan penting dalam menghuraikan maklumat-maklumat penting berkaitan bidang kesihatan. Istilah-istilah ini membantu pembaca memahami isi kandungan artikel kesihatan berkaitan penyakit kanser serta menjadi panduan sampingan untuk memahami maklumat-maklumat penting dengan lebih jelas.

Kajian juga membuktikan bahawa wujud kata pinjaman yang diserap masuk dalam penulisan artikel kesihatan. Keseluruhan kata pinjaman yang ditemui di dalam kajian ini ialah sejumlah 23 bersamaan 12.1% kata pinjaman daripada keseluruhan data iaitu 190 istilah. Ia digunakan dalam menyampaikan maklumat-maklumat penting berkaitan perihal kesihatan.

Kata pinjaman didapati berasal daripada jenis *International Scientific Vocabulary (ISV)* contohnya perkataan 'chromosome' (الكروموسوم). Ia juga berasal daripada *New Latin* seperti 'anemia' (الأنيميا), bahasa Pertengahan Inggeris atau 'Middle English' seperti 'cream' (كريم), bahasa *Latin + English* iaitu 'vitamin' (فيتامين), perkataan 'aflatoxin' (أفلاتوكسين) daripada bahasa *New Latin + English*, perkataan 'herpes' (الهربس) daripada bahasa *Latin*, 'gene' (الجينة) daripada bahasa Jerman, perkataan 'protein' (بروتين) daripada bahasa Perancis dan bahasa Itali iaitu 'influenza' (إنفلونزا).

Proses peminjaman kata berlaku disebabkan kekurangan atau ketiadaan perkataan yang sesuai bagi menerangkan maksud sesuatu istilah yang ingin digunakan. Namun, bahasa Arab memiliki perkataannya yang tersendiri bagi istilah-istilah tersebut. Biarpun bahasa Arab meminjam perkataan ini dan menggunakannya dalam penulisan artikel kesihatan, namun ia mungkin disebabkan perkataan itu lebih dikenali oleh pembaca dan telah digunakan secara meluas.

Misalnya, perkataan [kirīm] (كريم) lebih cenderung digunakan berbanding perkataan itu sendiri dalam bahasa Arab iaitu [al-marham] (المرهم). Perkataan ini bermaksud sejenis campuran minyak ubatan yang diguna untuk mengubat luka atau mengurut kulit tubuh dan mencelak mata (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan : 2198). Perkataan [marham] (مرهم) diterjemahkan sebagai salap dan ubat krim (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan : 979). Perkataan [al-dihān] (الدهان) yang bermaksud minyak (Kamus Besar Arab-Melayu Dewan : 788) juga memiliki makna yang hampir serupa dengan maksud '*cream*'.

Kajian ini juga telah menjelaskan beberapa bentuk perubahan morfo-fonologi yang berlaku pada kata pinjaman bahasa Arab apabila sesuatu perkataan itu diserap masuk ke dalamnya. Antaranya ialah penggantian, penyisipan, pemisahan, penambahan dan pemanjangan bunyi. Pengkaji mendapati perubahan-perubahan ini dilakukan oleh bahasa Arab bagi menyesuaikan pola sebutan kata pinjaman mengikut huruf dan kaedah bahasa Arab.

5.2 Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji melihat terdapat banyak cabang kajian lain yang boleh difokuskan terhadap kajian laras bahasa kesihatan. Pengkaji menyarankan supaya kajian berkaitan laras bahasa kesihatan yang akan dijalankan pada masa depan menfokuskan kepada aspek semantik dan sintaksis. Isu ini dilihat signifikan kerana pengkaji sendiri menghadapi banyak kesukaran dalam memahami keseluruhan isi kandungan artikel kesihatan pada peringkat awal kajian ini dijalankan disebabkan penggunaan istilah-istilah yang bersifat saintifik.

Selain itu, pengkaji mencadangkan supaya kajian berkaitan apa-apa jua laras bahasa diperbanyakkan saban waktu. Hal ini disebabkan oleh kepesatan dan kemajuan dunia hari ini sememangnya memberikan pelbagai maklumat baru yang penting dalam kehidupan. Ia tidak mengira bidang ilmu bahkan tidak mustahil sekiranya laras bahasa keluarga juga akan wujud di masa hadapan.

Pengkaji juga merasakan adalah perlu kajian berkaitan laras bahasa ini diperluaskan agar tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar di sekolah dapat ditingkatkan. Apabila semakin banyak istilah khusus sesuatu bidang direkodkan, langkah berikutnya seperti membuat kamus mini adalah wajar dan dilihat sangat membantu pelajar mengingati kosa kata dalam bahasa Arab. Ia akan membantu meningkatkan tahap kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar sekolah.

RUJUKAN

Rujukan kamus :

Kamus Al-Jadid Arab-Melayu, 1986. Shah Alam, Selangor : Penerbitan Seri Kota.

Concise Medical Dictionary Fourth Edition, 1994. New York: Oxford University Press.

The Dictionary English-Arabic Second Edition, 2004. Lebanon: Dar al-Kotob al-Ilmiyah.

Merriam -Webster's Collegiate Dictionary Tenth Edition, 1995. Massachusetts, U.S.A: Merriam-Webster Incorporated.

Kamus Linguistik, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Al-Mu'jam al-'Arabiyy Al-Asāsiy. (1989). Al-Munazzamat al-'Arabiyyat al-Tarbiyyat Wa Thaqāfah Wa al-'Ulum.

Al-Mu'jam al-Wasīf. (1990). Ibrāhīm Madkūr. Istanbul : Dār al-Da'wah.

Oxford Wordpower, 1999. New York: Oxford University Press.

Kamus Dewan Edisi Keempat, 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Kamus Besar Arab-Melayu Dewan, 2006. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Rujukan buku :

Al-Ghalayiniy Mustafa. (1992). *Ja:mi' al-Duru:s al-Arabiyyat*. Beirut: al-Maktabat al-'Asriyyat.

Abdul Qadir Leong. (2000). *Tajwid Al-Quran Rasm 'Uthmani*. Selangor : Pustaka Salam Sdn. Bhd.

Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Kaedah Nahu: Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : The McGraw-Hill Companies.

Radford, A., Atkinson, M., Britain, D., Clahsen, H., Spencer, A.. (2009). *Linguistics: An Introduction* (2nd ed.). United Kingdom: Cambridge University Press.

Holmes, J. (2008). *An Introduction to Sociolinguistics* (3rd ed.). England: Pearson Education Limited.

Kamaruddin Haji Husin. (1995). *Laras Bahasa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.

Leech, Geoffery N. dan Short, M. H. (1981). *Gaya Dalam Cereka: Penerapan Linguistik Dalam Prosa Cereka Inggeris*. London: Longman.

S. Nathesan (1995). *Laras Bahasa Ilmiah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Che Radiah Mezah dan Norhayuza Mohammad (2011). *Pengajaran dan Pembelajaran Kosa Kata Arab: Teori dan Aplikasi*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Pedoman Transliterasi Perkataan Arab ke Ejaan Rumi, 2008. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Mohd Zaki Abdul Rahman dan Che Radiah Mezah (2010). *Ciri-ciri bahasa Arab: Fonetik, Morfologi & Sintaksis*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir (2005). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pembelajaran Bahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Sulaiman Masri. (1989). *Inilah Bahasa Baku*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Zainun Ishak. (2006). *Panduan Kesihatan Dan Keselamatan Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.

Abdullah Hassan. (1979). *Penterjemahan dan Penciptaan Istilah Saintifik dalam Asmah Haji Omar (Penyunting). Aspek Penterjemahan dan Interpretasi*. Pusat Bahasa Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

Rujukan jurnal :

Mohamad Fitri Mohamad Yusoff & Zatul Azma Zainon Hamzah. (2014). Istilah Melayu dan Arab dalam Wacana Muamalat. *Jurnal Bahasa*, 14(1), 93-118.

Abdulhafeth Ali Khrisat & Majiduddin Sayyed Mohamad. (2014) 'Language's Borrowings : The Role of the Borrowed and Arabized Words in Enriching Arabic Language'. *American Journal of Humanities and Social Sciences*, 2(2), 133-142.

Rujukan tesis :

Abdul Rauf Bin Haji Hassan. (2002). *Peminjaman Bahasa Asing Dalam Kamus Al-Misbah Al-Munir*. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Wong Nai Kung. (2003). *Penggunaan Laras Ekonomi Dalam Akhbar Melayu: Satu Analisis Leksikal*. Tesis MA, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Mohd Zulhisyam Mustapai. (2009). *Laras Bahasa Sukan Dalam Laman Web Arab*. Tesis MA, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Seja Mustafa Mohammed. (2009). *English Loanwords in the Iraqi Arabic Dialect*. Tesis MA, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Syahirah Almuddin. (2012). *Analisis Morfo-fonologi Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Bahasa Arab*. Tesis MA, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Ab Halim Bin Ahmad. (2014). *Laras Bahasa Brosur Pelancongan dalam Bahasa Arab di Malaysia*. Tesis MA, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Nadiah Zubbir. (2015). *Kajian Semantik Kata Nama Pinjaman dalam Daichouhen Doraemon*. Tesis MA, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.

Rujukan web:

1. <http://www.aljazeera.net/portal>
2. www.merriam-webster.com/dictionary
3. <http://www.almaany.com/2016/8/5>
4. <http://makna.org.my/wp-content/uploads/2013/10/Cancer.pdf>
5. <http://sport.aljazeera.net/football/2016/8/6> (contoh laras sukan)
6. <http://www.aljazeera.net/news/ebusiness/2016/8/5> (contoh laras ekonomi)
7. <http://www.aljazeera.net/news/ebusiness/2016/8/7> (contoh laras pelancongan)

LAMPIRAN

Data 1 : 1 Mei 2015


The screenshot shows a web browser window displaying a news article on the Al Jazeera website. The browser's address bar shows the URL: www.aljazeera.net/news/healthmedicine/2015/5/1/اختبار-يتنبأ-بالسرطان-قبل-13-عاما. The page title is "اختبار يتنبأ بالسرطان قبل 13 عاما". The article features a large illustration of a DNA double helix and a chromosome, with the text "كروموسوم" (Chromosome) and "NA" (Nucleic Acid) visible. The article text, written in Arabic, discusses a new cancer test that can detect the disease up to 13 years before symptoms appear. It mentions that the test is 90% accurate and is being used in a clinical trial. The article also includes a list of related topics: "اختبار جديد للكشف عن السرطان", "اختبار جديد للكشف عن فيروس نقص المناعة البشرية", "اختبار جديد للكشف عن مرض السكري", "اختبار جديد للكشف عن مرض الزهايمر", "اختبار جديد للكشف عن مرض باركنسون", "اختبار جديد للكشف عن مرض التصلب المتعدد", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب الأمعاء", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب الكبد", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب البنكرياس", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب القولون", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب المفاصل", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب العظام", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب السحايا", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب السحايا البكتيري", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب السحايا الفيروسي", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب السحايا الطفيلي", "اختبار جديد للكشف عن مرض التهاب السحايا المشعشع". The article is dated 13/05/2015 and is written by "Khalid Al-Mutairi". The page also shows a sidebar with a list of related articles and a search bar. The browser's taskbar at the bottom shows the date and time as 1:24 PM on 18/7/2016.

M Inbox - nashida89@siswa x MyUM 2 x أشعة الشمس تهدد طفلك بسرطان الجلد x Kematan Dan Perkum: x noor shahida x

www.aljazeera.net/news/healthmedicine/2015/5/2/أشعة-الشمس-تهدد-طفلك-بسّرطان-الجلد

أشعة الشمس تهدد طفلك بسرطان الجلد

شعة الأشعة فوق البنفسجية هي التي تسبب سرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين. وتعد من الأسباب الرئيسية لسرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين. وتعد من الأسباب الرئيسية لسرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين.



ملاحظات:

- شعة الشمس هي التي تسبب سرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين.
- تعد من الأسباب الرئيسية لسرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين.
- تعد من الأسباب الرئيسية لسرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين.

الأشعة فوق البنفسجية هي التي تسبب سرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين. وتعد من الأسباب الرئيسية لسرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين.

الأشعة فوق البنفسجية هي التي تسبب سرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين. وتعد من الأسباب الرئيسية لسرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين.

الأشعة فوق البنفسجية هي التي تسبب سرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين. وتعد من الأسباب الرئيسية لسرطان الجلد، وهي من أكثر أنواع السرطان شيوعاً بين الأطفال والمراهقين.

اختبار جديد يكشف سرطان المبيض مبكرا

مرسال الحيوية لإنتاج عدد ضئيل من خلايا الدم البيضاء في الرحم في 9 دقائق و24 ساعة

أخبار > طب و صحة > اختبار جديد يكشف سرطان المبيض مبكرا

النظام الغذائي الصحي يساعد على مكافحة سرطان المبيض

صور من علاج سرطان المبيض بألمانيا

الأكرم قبلا طواج سرطان

أهم الأخبار

وزير الدفاع التركي يؤكد "الحزب القابض" كغالبية من اليوم

منذ بدء هذا القرن، أكد وزير الدفاع التركي نجاح "حزب القابض" أو "أنا على رأس" حشودا منتشرا عالميا، على الألف، مئات طائرات حربية تجوب الأجواء من أجل جثثه في الفضاء.

واشنطن: شبكة الأنباء الدولية في تركيا

وزير الدفاع التركي يؤكد "الحزب القابض" كغالبية من اليوم

منذ بدء هذا القرن، أكد وزير الدفاع التركي نجاح "حزب القابض" أو "أنا على رأس" حشودا منتشرا عالميا، على الألف، مئات طائرات حربية تجوب الأجواء من أجل جثثه في الفضاء.

واشنطن: شبكة الأنباء الدولية في تركيا

مقالته

تعددت آمال برامج فحص سرطان الثدي بعدما توافرت مع اكتشاف اختبار جديد يمكن أن يكشف ضعف عدد سرطانات الثدي في القديفة تماما لسبب اكتشاف البرص مبكرا مما يفتي الإفراط الأرواح.

وتؤكد القديفة الإيطالية الجديدة على سبع سنوات تدور برؤوسه من ألام جسمي التي هي 122 من ليط سرطان الثدي لم تستخدم برنامج -جسود أكستبر- الاختبارات، زوني عط الامارة بالرأسي امتطنا إلى عوامل مثل العمر ونسبوت الأوسى الكرون وطريقة تعريه مع مرور الوقت.

وفي أكم تجربة فحص ثالثة لسرطان الثدي تمكنت التقنية الجديدة من الشخصيش 9.8 من النساء الشابات بسرطان الثدي القديفة بةة كبره.

يشار إلى أن سرطان الثدي هو خامس أكثر أنواع سرطانا بين النساء في العالم وتشخص به سبعة ألام حالة جديدة في بريطانيا سنويا. وفي حين أن سرطان الثدي يمثل ثلاثة ألامك الشابات بسرطان الثدي في أ أن سرطان الثدي أكثر ترجيحا لأن يؤدي إلى الموت المبكر، ولكن من 9.8 يمكن على قيد الحياة الشخص سنوات.


المصدر: شبكة الأنباء الدولية

Inbox - nashida89@sisa... MyUM 2 Kematan Dan Perkum... Tak Cinta Tak Apa - Zuri... noor shahida

www.aljazeera.net/news/healthmedicine/2015/5/6/2014-الإنتفاق على أدوية السرطان-بلغ حة-مائة-مليار دولار-


عاجل | رولينج أون موهيل إم دي، بعض المصنعين الكبار من الأدوية الكيميائية فيوا أفوغ داغ أوف أوك...
الأخبار | طب وطبقة | علوم و التكنولوجيا | لغة بين | منوعات | اقتصاد | هجرة و هجرة | الصحافة و الج | التعليم العالي | الصحافة | الفيس | تويتر | لينكد إن | انستغرام

الإنتفاق على أدوية السرطان بلغ حة-مائة-مليار دولار ب2014



أدوية متخصصة للتشاور إن قد تتاح السرطان
أدوية جديدة الومستات قد تحفز نمو
الوقت البوي يعالج السرطان

أمر الأخير



قرار في تقرير نشر أسس الأعداد أن الإنتفاق على
أدوية السرطان بلغ حة-مائة-مليار دولار عام 2014 بزيادة
قائمة 2013 من عام 2012. وكان حة-مائة-مليار الإجمالي
كان 75 مليار دولار قبل خمس سنوات فقط.
وكان في تقرير بعنوان "التوجهات العالمية لعام
الأدوية التي أصدره معهد معلومات الرعايا الصحية
الأمريكي في أواخر السنة، أن حة-مائة-مليار دولار
تمثل 5.6 في المئة من إجمالي النفقات على الأدوية،
وأنها تشكل العاشر لأسمنة أسعار العلاجات السرطان في
الإنتفاق وأنها تجاوزت حدة تكلفة في الأوساط المتقدمة.
ويؤيد التوجه أن ارتفاع قيمة السوق عام 2014 إلى ما يراوح بين 147 و 157 مليار دولار.
وهناك تطورات مشابهة نظر النظام الذي الخصص لقيادة السرطان للتجهة لمرات برستيل مازيز
دروس وأسرنا رينكا وأخرون عدة برزت تكفئة منبها وقد يسهلهم في توفر الأدوية بأسعار معقولة.
وتصدرت الولايات المتحدة قائمة الإنتفاق وكان تسببا 2.4 في المئة من إجمالي الإنتفاق. ثم جاءت الأوساط
الخصص الفرنسية في أدوية وهي أدوية وبرسنا وإسمايا وإيطالية.

برازيل ارتفاع حة-مائة-مليار دولار

تمت الموافقة على إنتاج حة-مائة-مليار دولار مع تطبيع تطبيع
أدوية السرطان مع إنتاج أدوية السرطان
أدوية جديدة علاج سرطان السرطان
مطهر نقل عضية أدوية السرطان

بورس الخنازير يرتفع يكد "حمراء الفلفل" متعلما من الهم

قرر 14 خذمة أكد وزير الدفاع التركي حة-مائة-مليار دولار
خبرة بشكل كامل في الأنظار، حة-مائة-مليار دولار حدة تجريب الأجزاء من أجل
حفظ أمن البلد
مواصلة ومضاد الكفاح المضاد من تاي

مصدر: بلات

University of

www.aljazeera.net/news/healthmedicine/2015/5/10/طريقة-جديدة-دقيقة-للكشف-عن-سرطان-المبيض

طريقة جديدة دقيقة للكشف عن سرطان المبيض



الأخبار > طب وصحة

تواصل علماء في جامعة لندن كالتجارب في بريطانيا إلى نشأة جديدة للكشف عن سرطان المبيض، كما أنها أكثر دقة من الطرق السابقة، إذ تمكن الأطباء من التشخيص المرض في مراحل متقدمة.

ولا تعتمد التقنية الجديدة على فحص الدم فقط، وإنما تشمل أيضا فحص مستويات بروتين "سم أ" في الدم، إذ ترتفع في حين الإصابة بسرطان المبيض في مستويات البروتين غير المرتن وتتميز بارتفاع.

وأجريت الأبحاث على نساء قبل المراهقة في مرحلة ما بعد انقطاع الطمث، على مدى 14 عامًا، وكان الباحثون على تطورات حساسًا للغاية من 90 ألف امرأة، وأقرن على إجراء الفحوص.

وسلخ العلماء على أن تشخيص الإصابة تحت في تشخيص المرض بدقة مع 98% من النساء للمرات سرطان المبيض، أي نحو نصف العدد في طرق التشخيص التقليدية.

وتنشأ سرطان المبيض نتيجة نمو خلايا غير طبيعية في أحد البويضات أو كليهما، وتتميز بطورًا لأعراض في عدم وجود أعراض واضحة له، وتكثر النساء عرضة له من هن من أمهات سابقًا سرطان الثدي أو سرطان القولون، وتتمتع طرق علاجه على الرقعة التي لها الورم وحقن الأدوية الصحية.

المصدر: إنديا

أخبارنا




الطعام الصحي يساعد على مقاومة سرطان المبيض

الطعام بالخضروات الدخيلة يعزز سرطان المبيض

لتأثير جديد يكشفه سرطان المبيض مركزا

أهم الأخبار



عزير العطار الذي يملك "مركز التفتيش" المثير من اليوم

عزير العطار الذي يملك "مركز التفتيش" المثير من اليوم. عازير العطار الذي يملك "مركز التفتيش" المثير من اليوم. عازير العطار الذي يملك "مركز التفتيش" المثير من اليوم. عازير العطار الذي يملك "مركز التفتيش" المثير من اليوم.




يبدو متفهمًا بعمق من حكمه القاضي على القانونيين

يبدو متفهمًا بعمق من حكمه القاضي على القانونيين. يبدو متفهمًا بعمق من حكمه القاضي على القانونيين. يبدو متفهمًا بعمق من حكمه القاضي على القانونيين.

www.aljazeera.net/news/healthmedicine/2015/5/14/أوروبا لن تسارع لحظر مبيد للحشائش يسبب السرطان

أوروبا لن تسارع لحظر مبيد للحشائش يسبب السرطان



قال مسؤولون إن الجهات الرقابية في أوروبا تسارع في اتخاذ قرار بشأن حظر استخدام مادة "الغليفوسات" التي تعد أكثر مبيدات الحشائش شيوعاً في العالم، من بعد أن كشفت منظمة الصحة العالمية أنها مسببة للسرطان. وذلك وفقاً لما نقلته يوتيوب، اليوم الخميس.

وكانت الوكالة الدولية لأبحاث السرطان التابعة لمنظمة الصحة العالمية قد أعلنت في مارس/آذار الماضي أنها صنفت مادة الغليفوسات على أنها مادة يمكن أن تكون مسببة للسرطان لدى البشر.

ومادة الغليفوسات هي الكيمياء الرئيسي لمبيد الحشائش "راوند أب" أكثر مبيدات الحشائش استخداماً الذي تنتجه شركة مونسانتو أكبر شركة في العالم لإنتاج البذور والمنتجات.

ولم يذاع على النتائج التي توصلت إليها الوكالة الدولية لأبحاث السرطان أعلنت الوكالة الأميركية لحماية البيئة أنها قد تبدأ في اتخاذ القرار النهائية بشأنها من في أواخر هذا العام.

ملاحظات


- مبيدات الحشائش: خلافاً للمبيدات الحشرية، فإن مبيدات الحشائش تعالج فقط الحشائش.
- الغليفوسات: الغليفوسات هي نوع من مبيدات الحشائش التي تستخدم على نطاق واسع في الزراعة.
- الغليفوسات: الغليفوسات هي نوع من مبيدات الحشائش التي تستخدم على نطاق واسع في الزراعة.
- الغليفوسات: الغليفوسات هي نوع من مبيدات الحشائش التي تستخدم على نطاق واسع في الزراعة.

أخبار أخرى

- **وزير الدفاع الأميركي ينادي بحزب القلق العسكري**
